

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

2019

HARI ISNIN : 29 APRIL 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah dasar baharu yang dibawa Kerajaan dalam memperkasa ASEAN sebagai sebuah blok ekonomi yang membawa keuntungan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua

2. ASEAN merupakan satu blok kerjasama serantau yang memiliki kerjasama dalam pelbagai bidang politik-securiti, ekonomi dan sosio-budaya yang dinamik. Dengan kedudukan geografi yang strategik, pemilikan sumber alam dan daya tenaga yang tinggi, tidak dinafikan ASEAN memiliki tarikan ekonomi dan pelaburan yang menjadi perhatian negara-negara luar untuk bekerjasama dengan ASEAN.
3. Semenjak penubuhan ASEAN pada tahun 1967, ASEAN mempunyai visi ke arah integrasi ekonomi serantau dan visi ini menjadi realiti dengan tertubuhnya Komuniti Ekonomi ASEAN pada tahun 2015. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa masih terdapat beberapa kekangan dalam mencapai integrasi ekonomi ASEAN dengan sepenuhnya oleh kerana kekangan dan tahap kesediaan yang berbeza-beza di kalangan Negara-negara Anggota ASEAN.
4. Dalam memperkasakan ASEAN sebagai blok ekonomi di rantau ini, Kerajaan akan terus meningkatkan lagi usaha ke arah integrasi ekonomi

SOALAN : 1

ASEAN dengan sepenuhnya melalui strategi-strategi yang memberi fokus kepada peningkatan jumlah perdagangan intra-ASEAN secara lebih agresif, menggembungkan usaha untuk mentransformasikan ASEAN sebagai sebuah “*Producer Region*”, serta meningkatkan kerjasama dengan Negara-Negara Anggota ASEAN di dalam membangunkan komuniti keusahawanan serantau. Langkah-langkah ini adalah penting untuk memastikan negara dan rakyat Malaysia selaku warga ASEAN dapat meraih keuntungan bersama daripada integrasi ekonomi ASEAN kelak.

5. Kerajaan percaya bahawa integrasi ekonomi serantau juga merupakan aspirasi warga ASEAN yang ingin melihat pembangunan, pertumbuhan ekonomi dan peningkatan taraf hidup yang lebih baik. Dalam hubungan ini, Kerajaan komited ke arah meningkatkan lagi usaha dan kerjasama dengan Negara-Negara Anggota ASEAN di dalam mempermudahkan proses perniagaan dan perdagangan di rantau ini bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi yang adil dan saksama serta meransang pelaburan di rantau ini.
6. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah proaktif di dalam mengetengahkan pendirian dan kepentingan negara bersama dengan negara-negara rakan dialog ASEAN. Sebagai contoh, melalui ASEAN, Kerajaan telah membangkitkan isu tarif dan halangan bukan tarif (*non-tariff barriers*) termasuk mengambil pendirian yang tegas di dalam menangani kempen negatif terhadap komoditi beberapa Negara Anggota ASEAN, terutamanya minyak sawit. Kerajaan juga menekankan kesan sekatan unilateral (*unilateral sanction*) yang

SOALAN : 1

tidak adil dan menggesa penilaian semula ke atas langkah-langkah punitif (*punitive*) di masa hadapan dengan mengambil kira prinsip-prinsip perdagangan bebas dan adil.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 2

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA.
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK LEE TIAN SING

TARIKH : 29 APRIL 2019

YB SENATOR DATUK LEE TIAN SING minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini dan cadangan hasil rundingan Kerajaan dengan syarikat lebuhraya berhubung kadar tol dan perjanjian konsesi, serta adakah Kerajaan akan mengemukakan perincian khusus dalam perjanjian yang baharu kepada rakyat untuk mengambil kira pandangan sebelum perjanjian ditandata

SOALAN : 2

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kerajaan sentiasa berusaha sebaik mungkin bagi memenuhi janji-janji dalam buku Pakatan Harapan dan ini termasuklah cadangan menghapuskan tol lebuh raya di negara ini. Namun begitu, cadangan itu bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan, khususnya akibat dari tekanan kewangan semasa yang sedang dihadapi Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meneliti dan mengambil kira secara mendalam pelbagai faktor serta implikasi yang mungkin akan timbul akibat dari cadangan penghapusan tol lebuh raya di negara ini. Sehubungan itu, Kerajaan bersetuju untuk menangguhkan dahulu cadangan penghapusan tol sehingga keadaan ekonomi negara benar-benar stabil dan mengizinkan.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kerja Raya telah melantik juru perunding audit bebas bertauliah pada 28 Januari 2019 bagi membantu Kerajaan menganalisa data dan cadangan berkenaan. Ini termasuklah mengemukakan cadangan mengurangkan beban tol secara jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Hasil kajian dijangka akan dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri pada bulan Jun 2019 nanti.

Sekian, terima kasih

SOALAN : 3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK SAMBANTHAN A/L
MANICKAM**

TARIKH : 29 APRIL 2019]

DATUK SAMBANTHAN A/L MANICKAM minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:

- (a) Jumlah atlet daripada kaum India yang telah mewakili Malaysia ke peringkat dunia; dan
- (b) Apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh mereka dalam tempoh masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah melakukan penstrukturkan semula program atlet dengan penglibatan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) di mana Program Podium, ISN telah diletakkan semula di bawah kendalian MSN pada November 2018.
2. Kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada pelaksanaan pembangunan sukan berprestasi tinggi negara yang tertumpu ke arah penyertaan di temasya-temasya sukan utama antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan juga Sukan Olimpik tanpa mengira perbezaan kaum.
3. Penglibatan atlet daripada kaum India dalam program latihan di bawah kendalian MSN pada masa kini adalah seramai 32 orang. Daripada jumlah tersebut, 21 atlet menjalani latihan di bawah program Podium manakala 11 atlet lagi di dalam Program Pelapis Kebangsaan. Dalam sukan para pula, seramai 4 orang atlet sedang menjalani latihan di bawah program podium.
4. Daripada jumlah seramai 32 orang yang saya sebutkan tadi, terdapat 27 atlet daripada kaum India telah dipilih untuk mewakili Malaysia ke kejohanan-kejohanan peringkat dunia di bawah program Podium dan Pelapis Kebangsaan, MSN. Manakala bagi

SOALAN : 3

sukan para, seramai 3 orang atlet daripada kaum India telah menyertai kejohanan-kejohanan peringkat dunia.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang-bidang sukan yang diceburi oleh atlet-atlet ini ada pelbagai iaitu antaranya ialah sukan badminton, bola jaring, bola keranjang, hoki, karate, olahraga, skuasy, taekwondo dan tinju.
6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kejayaan–kejayaan yang telah dicapai oleh atlet kaum India di kejohanan-kejohanan dunia ialah:
 - (a) Sivasangari a/p Subramaniam yang telah meraih pingat emas dalam kejohanan *The Racquet Club Pro-Series 2019 di St. Louis, USA*.
 - (b) Kumar a/l Subramaniam dari pasukan hoki menduduki tempat ke-15 dalam Kejohanan Piala Dunia 2018 di India.
 - (c) Senthil Kumaran Selvarajoo dari sukan karate menempatkan dirinya di tempat ke-5 dalam Kejohanan The 15th AKF Senior Championshi 2018, Jordan.
 - (d) Nicol Ann David – ranking terkini di bawah *Professional Squash Association (PSA)* adalah tempat ke-19.
7. Bagi kejohanan sukan para, seramai 4 orang atlet daripada kaum India telah menyertai kejohanan-kejohanan utama iaitu antara atlet tersebut ialah:

SOALAN : 3

- (a) Morogen Komoran yang telah memenangi pingat emas dalam acara memanah dalam Sukan Para Asean 2017;
 - (b) Suresh A/L Selvathamby telah berjaya memasuki peringkat suku akhir dalam acara Sukan Para Asia 2018;
 - (c) Daneshen Govinda Rajan telah berjaya memenangi pingat perak dalam acara memanah berpasukan World Ranking Tournament 2015; dan
 - (d) Partiban A/L Ragey telah berjaya memenangi pingat emas olahraga 100 meter dan 200 meter dalam acara Para Sukma 2018.
8. Di samping itu, dua (2) atlet dari Program Pelapis Kebangsaan iaitu Kisona Selvadurray (Badminton - acara perseorangan) dan Thinaah Muralitharan (Badminton - acara beregu lelaki) telah berjaya meraih pingat emas di Kejohanan Malaysia International Series 2018.

SOALAN: 4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN NGA HOCK CHEH

TARIKH : 29 APRIL 2019

Tuan Nga Hock Cheh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang atau telah diambil untuk meningkatkan taraf penggunaan Bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan satu pelan *English Language Education Reform in Malaysia–The Roadmap 2015-2025* iaitu perancangan 10 tahun untuk memastikan program Bahasa Inggeris di Malaysia dari peringkat prasekolah ke peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) yang merangkumi peringkat pendidikan guru sejajar dengan piawaian antarabangsa iaitu *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR).

KPM juga sentiasa komited dalam usaha untuk meningkatkan taraf penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan Malaysia. Usaha yang telah diambil adalah tertumpu kepada empat (4) keberhasilan utama berikut iaitu;

1. Penajaran silibus dengan piawaian antarabangsa

KPM telah memulakan usaha sama dengan *Cambridge English UK* bagi tempoh lima tahun dari tahun 2016 hingga 2020 dalam penajaran silibus Bahasa Inggeris (BI), sumber pengajaran dan pembelajaran dan pentaksiran kepada kerangka standard CEFR.

2. Meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris

Perkara ini dilaksanakan melalui dua program iaitu *Highly Immersive Programme* (HIP) dan *Dual Language Programme* (DLP). Program yang dilaksanakan untuk memberi peluang kepada murid meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris.

SOALAN: 4

3. Meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris guru Bahasa Inggeris

Perkara ini dilaksanakan melalui tiga (3) program iaitu:

- a. *Professional Up-skilling of English Language Teachers* (Pro-ELT).
- b. Program Intervensi Tambah Opsyen Bahasa Inggeris, dan
- c. Program *English for Preschool Teachers*

4. Menyediakan intervensi bersasaran kepada sekolah mengikut keperluan murid

KPM melaksanakan beberapa program untuk meningkatkan keberhasilan murid dalam bahasa Inggeris dan mengupayakan murid untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan yakin dan berkesan. Dua (2) program yang dilaksanakan di bawah keberhasilan utama tersebut ialah;

- a. Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris Di Sekolah (PPKBIS); dan
- b. *Literature (English) International General Certificate Of Secondary Education* (IGCSE)

Selain daripada itu, KPM melalui Jabatan Pendidikan Tinggi telah membangunkan model pelaksanaan *Malaysia English Assessment (MEA)* yang merupakan ekosistem untuk pembelajaran dan pentaksiran Bahasa Inggeris di Universiti Awam (UA). Usaha ini adalah untuk mengukuhkan penguasaan kemahiran Bahasa Inggeris pelajar kepada satu tahap pencapaian yang lebih tinggi ketika bergraduat.

Model ekosistem ini merangkumi pembelajaran formal dan tidak formal. Hal ini melibatkan pelbagai pemegang taruh yang bekerjasama untuk mengoptimumkan pengalaman pembelajaran yang merentasi kelas. Melalui ekosistem ini, mahasiswa/mahasiswi berpeluang untuk

SOALAN: 4

membangunkan kebolehan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Pelajar perlu menghadiri kursus-kursus kemahiran Bahasa Inggeris yang bersesuaian berdasarkan pencapaian MUET pelajar. Pengajaran formal melibatkan tiga komponen utama penawaran kursus iaitu *Intensive English, General English, English for Employability dan English for Specific Disciplines*. Jumlah jam kredit yang ditawarkan adalah di antara 6 hingga 12 jam kredit.

Selain daripada itu, pembudayaan bahasa Inggeris juga turut dilaksanakan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris di dalam sesi tutorial, pembentangan kertas kerja serta pembentangan kertas projek tahun akhir dan sesi-sesi pembelajaran tidak formal.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) turut merancang serta menjalankan pelbagai inisiatif dengan merujuk kepada amalan-amalan terbaik yang disarankan di dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris berkenaan kurikulum, pembelajaran dan pengajaran, penilaian serta pelaksanaan program peningkatan bahasa Inggeris.

Berdasarkan Kajian Baseline 2013 oleh Cambridge English yang dinyatakan melalui *English Language Education Reform in Malaysia - The Roadmap 2015-2025*, sasaran pencapaian bahasa Inggeris telah ditetapkan bagi peringkat pengajian politeknik dan kolej komuniti perlu mencapai tahap A2/B1. Penetapan sasaran tersebut adalah bagi memastikan graduan mencapai tahap kecekapan Bahasa Inggeris yang membolehkan mereka berkomunikasi dengan baik.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD

NORDIN

TARIKH : 29 APRIL 2019

Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah meletakkan aset-aset Tabung Haji di bawah Kawalan SPV Menteri Kewangan Diperbadankan yang dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif bukan Islam yang bercanggah dengan Akta Tabung Haji 1995.

SOALAN: 5

JAWAPAN :

(MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan SPV yang dimiliki penuh Kerajaan, dikenali sebagai Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB), adalah bertujuan membantu mengambil alih aset-aset Lembaga Tabung Haji (**TH**) yang mengalami kejatuhan nilai bagi menutup jurang diantara aset dan liabiliti yang dialami oleh Lembaga Tabung Haji.

Encik Izad Shahadi Mohd. Sallehuddin telah dilantik sebagai Ketua Pengawai Eksekutif, UJSB berkuatkuasa pada 2 April 2019. Pelantikan ini sebagai langkah pembentukan pasukan pengurusan di UJSB bagi memastikan kelangsungan proses pemulihan aset-aset yang dipindahkan **TH**. Maka tiada timbul perlantikan Pegawai Eksekutif bukan Islam yang bercanggah dengan Akta Tabung Haji.

Untuk makluman yang berhormat, dokumen yang digunakan untuk mengambil alih aset-aset ini adalah melalui Perjanjian Pemindahan Aset (*Asset Transfer Agreement*) dan bukannya melalui Perjanjian Jual Beli (*Sales and Purchase Agreement*). Kerajaan perlu mengambil alih aset-aset ini pada harga premium bagi menutup jurang defisit diantara aset dan liabiliti yang dialami oleh Lembaga Tabung Haji.

Sekian Terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI MUHAMAD BIN
MUSTAFA**

TARIKH : 29 APRIL 2019

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mendedahkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan (CEP), justeru tidak melindunginya melalui Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972 memandangkan laporan tersebut melibatkan urusan pentadbiran dan ekonomi negara sahaja bukannya melibatkan keselamatan negara.

JAWAPAN:

YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum, Majlis Penasihat Kerajaan atau Council of Eminent Persons (CEP) telah diumumkan penubuhannya pada 12 Mei 2018 dan mereka telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018. Matlamat utama penubuhan Majis ini adalah untuk menasihatkan Kerajaan dalam bidang ekonomi, kewangan serta bidang-bidang lain yang perlu diberi perhatian terutamanya dalam tempoh 100 hari pertama peralihan Kerajaan.

2. Antara lain, CEP telah menubuhkan pasukan-pasukan petugas khas untuk mendalami dan mengkaji isu-isu berkaitan termasuk projek-projek mega yang diluluskan pentadbiran terdahulu. CEP telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan dibantu oleh sebuah sekretariat, dua jawatankuasa – iaitu Jawatankuasa Berkaitan 1MDB dan Jawatankuasa Reformasi Institusi, dengan izin *Institutional Reforms Committee* (IRC) serta dua Pasukan Petugas Khas – iaitu Pasukan Petugas Khas Projek Laluan Rel Pantai Timur, dengan izin *East Coast Rail Link* (ECRL) serta Pasukan Petugas Khas Projek *Multi Product Pipeline* dan Projek *Trans-Sabah Pipeline*.

3. Seperti mana pernah dimaklumkan sebelum ini, Pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan

SOALAN: 6

oleh CEP. Di mana, laporan ini telah pun diserahkan kepada Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dan Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) untuk diselaraskan.

4. Laporan CEP adalah di bawah bidang kuasa dan menjadi urusan rasmi Kerajaan. Sehubungan itu, semua Ahli CEP dan pegawai yang terlibat secara langsung tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, dengan izin *Official Secrets Act* (OSA). Seperti mana telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, CEP hanya berperanan sebagai badan penasihat, maka dengan itu Kerajaan perlu berhati-hati dalam memutuskan sama ada laporan tersebut wajar didedahkan ataupun tidak kerana beberapa hasil dapatan mereka memerlukan penyiasatan lanjut oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Ini adalah bagi mengelakkan polemik yang mungkin boleh menjaskan hasil siasatan dan keyakinan pelabur.

5. Apa yang penting ialah tindakan-tindakan pembetulan diambil dan Kerajaan mendapat pandangan profesional daripada pakar-pakar dalam bidang masing-masing yang dapat membantu Kerajaan membuat keputusan yang terbaik demi kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL
SINGH**

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL SINGH minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Negeri Selangor untuk membaik pulih sistem perparitan dan sungai untuk mengatasi masalah banjir di Negeri Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) bagi tahun 2019 kepada Negeri Selangor melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) bagi mengatasi masalah banjir adalah berjumlah RM16.9 Juta bagi pelaksanaan lima (5) projek berikut :

- 1) Projek Penstabilan Tebing Sungai Aur, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan (Fasa 1)
- 2) Pembinaan Sistem Saliran Mesra Alam Di Kawasan Operasi Pelabuhan Klang Dan Sekitarnya
- 3) Pemuliharaan Serta Pengindahan Kolam Takungan Banjir Sungai Damansara
- 4) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh, Selangor
- 5) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa 1, Selangor

Di bawah **Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir** peruntukan RM1.925 juta telah disalurkan kepada Negeri Selangor bagi pelaksanaan kerja-kerja untuk mengurangkan risiko banjir di Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

**: YB SENATOR PUAN BATHMAVATHI
KRISHNAN**

TARIKH

: 29 APRIL 2019

PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan dan langkah yang diambil untuk memastikan bahawa Kementerian-kementerian lain sama-sama mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memenuhi kuota 1% pengambilan pekerja OKU. Berapakah jumlah terkini penjawat awam OKU dalam perkhidmatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam kepada OKU menetapkan bahawa setiap agensi hendaklah memastikan pengambilan OKU dibuat sekurang-kurangnya satu peratus daripada jumlah pegawai dalam agensi tersebut.

Mengikut data dari JPA sehingga Disember 2018, didapati hanya **seramai 3,856 atau 0.31% Orang Kurang Upaya (OKU) berkhidmat dalam sektor awam yang keseluruhannya berjumlah 1,268,701 perjawatan**. Walaupun Kementerian ini telah berjaya mencapai 1.77% dengan pengisian 144 daripada keseluruhan 8,138 perjawatan, sehingga kini tiada kementerian lain atau pentadbiran kerajaan negeri yang telah mencapai 1%. Untuk maklumat, peratusan kedua tertinggi adalah Kementerian Pertahanan sebanyak 0.98% (bilangan pengisian OKU sebanyak 107 orang) dan tempat ketiga adalah Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu sebanyak 0.97% (bilangan pengisian OKU sebanyak 53 orang). Jumlah besar yang perlu diisi untuk mencapai 1% adalah 12,637 orang.

SOALAN : 8

Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- i. Mencadangkan **YBhg Dato' Abdul Rahman bin Othman yang mewakili OKU** untuk dilantik sebagai **Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)**. Setelah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, beliau telah mengangkat sumpah dan melaporkan diri sebagai Ahli SPA pada 1 April 2019 (tempoh pelantikan untuk tiga tahun).
- ii. **Garis Panduan Pemadanan Kerja OKU di Sektor Awam** telah pun disediakan oleh Jabatan Pembangunan OKU dan telah diserahkan kepada pihak JPA.
- iii. Pembentangan status pencapaian 1% OKU dalam perkhidmatan awam dibentangkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan semua KSU dan KP.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga ingin menyeru agar pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memberi lebih peluang kepada OKU untuk pekerjaan agar dasar 1% OKU di sektor awam boleh tercapai.

Kementerian amat berharap agar perkara di atas dapat membantu meningkatkan bilangan OKU untuk dilantik ke perkhidmatan awam.

SOALAN: 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK MUSTAPA KAMAL BIN
YUSOFF**

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK MUSTAPA KAMAL BIN YUSOFF minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah pekerja yang telah mendapat manfaat daripada Skim Insurans Pekerjaan ini semenjak Januari 2018 - Februari 2019.

SOALAN: 9

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018 hingga Februari 2019, seramai 18,506 orang telah mendapat bantuan interim daripada 31,312 keseluruhan tuntutan melibatkan jumlah bayaran sebanyak RM 18.8 juta.
2. Manakala bagi faedah penuh (*full-fledge*) SIP yang dilaksanakan mulai 1 Januari 2019, sebanyak 2,938 tuntutan faedah telah diluluskan melibatkan jumlah bayaran sebanyak RM6.5 juta. PERKESO juga telah berjaya menempatkan seramai 8,254 orang kembali semula bekerja dalam pelbagai bidang pekerjaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN

TARIKH : 29 APRIL 2019 (ISNIN)

TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan projek sekolah sukan yang terbengkalai di kawasan Padang Besar, Negeri Perlis sejak 5 tahun yang lalu sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Perlis Fasa 1 telah mendapat kelulusan di bawah *Rolling Plan* Pertama RMKe-10 pada tahun 2011. Berdasarkan kepada kontrak asal, pelaksanaan projek SSM Perlis ini bermula pada 1 Februari 2013 dan sepatutnya siap pada 18 November 2014. Namun, projek tersebut telah mengalami kelewatan dan seterusnya dikategorikan sebagai ‘projek sakit’. Kontrak berkenaan telah ditamatkan pada 14 November 2014 yang mana pencapaian fizikal keseluruhan projek pada masa itu adalah 49 peratus berbanding jadual 100 peratus.

Susulan itu, kontraktor penyiap telah dilantik dan tarikh mula projek di bawah kontraktor penyiap bermula pada 2 Februari 2018 dengan tarikh siap baharu projek adalah pada 2 Februari 2020. Pada masa ini, projek berkenaan sedang dilaksanakan oleh pihak kontraktor utama di bawah seliaan Jurutera Perunding atau konsultan yang dilantik oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Berdasarkan laporan sehingga 31 Mac 2019 didapati bahawa status kemajuan kerja fizikal sebenar di tapak adalah 4.85 peratus berbanding 56.0 peratus mengikut jadual yang dirancang. Punca kelewatan adalah disebabkan oleh masalah pengurusan kontraktor.

SOALAN: 10

Notis Tujuan Penamatan (NTP) telah dikeluarkan kepada **20 Mac 2019** manakala Notis Penamatan (NP) kepada kontraktor tersebut telah dikeluarkan pada **17 April 2019**. Penilaian kerja akhir telah dibuat oleh para perunding KPM dan wakil kontraktor pada **22 April 2019**. Tapak projek telah dikunci untuk mengelakkan pencerobohan. KPM dalam proses penyediaan dokumen untuk proses tender semula secara terbuka dalam kalangan senarai kontraktor penyiap JKR.

Sekian, terima kasih

SOALAN 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT

TARIKH : 29 APRIL 2019

PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan bagi melahirkan jutawan tani.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sektor pertanian atau agromakanan sememangnya mempunyai potensi yang besar tidak kira kepada petani, penternak dan nelayan termasuk usahawan industri asas tani di peringkat hiliran untuk menjana pendapatan yang lumayan sehingga akhirnya boleh digelar jutawan tani.

Bagi melahirkan jutawan tani, Kementerian mempunyai pelbagai mekanisme yang berbeza-beza bergantung kepada peringkat penglibatan pengusaha tersebut samada huluau atau hiliran dan jenis tanaman atau ternakan contohnya nanas, ruminan atau pun ikan.

Bagi peringkat huluau, projek tanaman atau ternakan yang diusahakan hendaklah mempunyai economic of scale dan diiringi dengan penggunaan teknologi pertanian moden supaya pulangan keuntungan yang tinggi dapat diperoleh dengan memperkuatkan penggunaan teknologi dalam sektor agromakanan selaras dengan perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) dan membangunkan produk pertanian bernilai tinggi sebagai sumber kekayaan negara.

Manakala di peringkat hiliran, penekanan diberikan kepada aktiviti nilai tambah produk industri asas tani (IAT) supaya daya saing keluaran usahawan IAT diperkasa sehingga berjaya mencatatkan paras jualan yang luar biasa melalui pelbagai jenama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sehingga berjaya menembusi bukan sahaja pasaran tempatan tetapi juga luar negara.

Di samping itu, pihak Kementerian turut menyediakan bantuan modal dan sokongan infrastruktur; dan memberi fokus kepada pembangunan modal

SOALAN 11

insan menerusi pelbagai institusi latihan yang telah diwujudkan di bawah Kementerian.

Kesemua inisiatif dan sokongan yang telah dinyatakan di atas secara tidak langsung akan bertindak sebagai mekanisme bagi melahirkan jutawan tani yang seterusnya akan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara bagi mencapai aspirasi Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA,
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' KESAVADAS A/L

A. ACHYUTHAN NAIR

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah cara dan usaha untuk mengurangkan kemalangan jalan raya di Lebuh Raya Utara Selatan dan apakan tindakan yang di ambil untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas semasa berlakunya kemalangan jalan raya terutamanya semasa perayaan dan masa waktu puncak (peak hours).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pihak Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sentiasa memastikan lebuhraya selamat dan selasa untuk pengguna lebuhraya menggunakannya. Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak LLM dan PLUS di dalam mengurangkan kemalangan yang berlaku adalah seperti berikut:

1. Kolaborasi dan operasi bersepada bersama agensi-agensi yang berkaitan secara berterusan seperti PDRM dan JPJ. Kolaborasi ini memberi pengkhususan terhadap kenderaan berat untuk menangani isu penggunaan tayar celup yang tidak berkualiti serta membawa muatan secara berlebihan. Selain daripada itu, PLUS juga telah menyediakan Stesen-Stesen JPJ dan R&R Dengkil (Arah Selatan) serta R&R Gunung Semanggol (Arah Selatan). PLUS juga sedang merancang untuk membuka sebuah lagi Stesen JPJ di R&R Pagoh dan mewujudkan Pasukan Penguatkuasa JPJ di bekas tapak Plaza Tol Jelapang bagi memudahkan pihak JPJ melaksanakan pelbagai intervensi, penguatkuasaan dan advokasi keselamatan di lebuhraya.
2. Mengadakan langkah-langkah intervensi di lokasi-lokasi (black spots) seperti memasang lampu-lampu LED, meletakkan turapan porous asphalt, memasang lampu berkelip (flashing amber lights), menambah pelekat pemantulan cahaya, papantanda keselamatan, memprofil semula jalan dan lain-lain. Langkah-langkah ini juga telah menyaksikan penurunan jumlah lokasi titik hitam di Lebuhraya Utara-Selatan daripada 8 lokasi pada tahun 2017 kepada 4 lokasi pada tahun 2018.

SOALAN : 12

3. Menambahbaik lokasi-lokasi kritikal sebagai contoh, di Terowong Menora dengan memasang lebih banyak lampu LED, meletakkan jalur gegar (Rumble Strips) dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tujuan mengurangkan kesesakan akibat kemalangan yang berlaku di musim perayaan, pihak PLUS telah melaksanakan perkara berikut:

1. Emergency Response Team (ERT) yang terdiri daripada pihak Ambulan, Bomba, PDRM dan Angkatan Pertahanan Awam (APAM) telah siap sedia di lokasi-lokasi yang strategic bagi mempercepatkan proses menyelamat.
2. Memastikan pasukan ronda serta kren kembalik dalam keadaan siap siaga (*standby*) di lokasi-lokasi yang sering berlaku kemalangan untuk bantuan kecemasan atau kerja pengalihan kemalangan.
3. Memaklumkan kepada pengguna melalui *Variable Message Sign* (VMS), laman sesawang, media sosial dan melalui aplikasi LLM *Traffic* saluran radio dan televisyen utama sekiranya terdapat Kemalangan yang menyebabkan kesesakan dan juga menasihahkan pemandu menggunakan laluan alternatif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAA : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN AKNAN A/L EHTOOK

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN AKNAN A/L EHTOOK minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan yang telah dilakukan untuk membolehkan kursus pra perkahwinan diwajibkan ke atas semua bakal pengantin bukan Islam. Apakah langkah yang diambil bagi mengatasi halangan yang dihadapi.

SOALAN : 13

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha untuk mengadakan kursus pra-perkahwinan kepada pasangan bukan Islam telah dimulakan pada tahun 2009 melalui perbincangan di antara Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan *Interfaith Councils*. Hasil perbincangan menyokong dan menyambut baik cadangan mengadakan kursus pra-perkahwinan kepada pasangan bukan Islam. Namun begitu, terdapat ketidaksepakatan dalam sebilangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mewajibkan kursus pra-perkahwinan dan pelaksanaannya secara seragam meliputi pasangan bukan Islam.

LPPKN menawarkan Program Pra Perkahwinan SMARTSTART kepada pasangan yang baru serta yang akan berkahwin bagi memberi pengetahuan dan kemahiran tentang pelbagai aspek perkahwinan dan keibubapaan bagi memberi sokongan psikososial kepada mereka menempuh alam perkahwinan dan berumah tangga dengan sejahtera. Program dua hari yang dijalankan mendedahkan pasangan dengan pengetahuan, bimbingan dan kemahiran kehidupan berkeluarga dalam menghadapi cabaran dan masalah yang sering dihadapi dalam sesebuah rumah tangga. Sepanjang tahun 2016 sehingga Disember 2018 seramai 1,289 orang peserta bukan Islam telah mengikuti Program Pra Perkahwinan SMARTSTART.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK PAUL IGAI

TARIKH : 29 APRIL 2019

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah salah satu daripada syarat untuk mendapatkan kelulusan permohonan PTPTN adalah dengan memastikan kursus dan institusi pengajian yang dipilih oleh pelajar tersebut perlulah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kursus dan institusi pengajian yang dipilih oleh pelajar telah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan, antara syarat-syarat permohonan pinjaman PTPTN yang telah ditetapkan adalah:

1. Pelajar mendapat tawaran ke institut pendidikan tinggi awam (IPTA)/ institut pendidikan tinggi swasta (IPTS) dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
2. Kursus yang diikuti oleh pelajar IPTA/ PTS dan Politeknik mestilah mendapat kelulusan daripada KPM dan berdaftar dengan PTPTN; dan
3. Bagi pelajar PTS, kursus yang diikuti mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA dan masih di dalam tempoh sah laku semasa tarikh memohon.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kenapa peruntukan untuk Jabatan Muzium Negara dikurangkan berbanding dengan belanjawan sebelum ini, sedangkan ia merupakan satu jabatan yang penting dalam melindungi khazanah sejarah dan warisan negara serta menggalakkan industri pelancongan negara.

NO. SOALAN: 15

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Belanja Mengurus Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dikurangkan sebanyak RM3,027,930 juta bagi tahun 2017 dan sebanyak RM816,095.00 bagi tahun 2018. Bagaimanapun terdapat penambahan peruntukan sebanyak RM8.54 juta untuk tahun 2019. JMM amat memahami keutamaan dankekangan yang dihadapi oleh Kementerian Kewangan dalam pengagihan peruntukan kepada Jabatan dan Agensi.

Sehubungan itu, JMM telah mengoptimumkan perbelanjaan berdasarkan batas perbelanjaan (ET) yang diluluskan bagi memastikan fungsi dan perancangan program serta aktiviti tahunan tidak terjejas. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya pada masa yang sama sentiasa membantu JMM khususnya melalui peruntukan tambahan. Di bawah program Visit Malaysia 2020 (VM2020), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta kepada Jabatan Muzium Malaysia untuk pelaksanaan program pameran.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU

TARIKH : 29 APRIL 2019

PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan strategik Kementerian dalam memperkasakan persatuan belia, sekali gus memberikan mereka peranan yang lebih terarah dalam membantu pembangunan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan perancangan Teras Strategik Pembangunan Belia 2016-2020, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah merangka dan melaksanakan beberapa aktiviti dan program bagi mengoptimakan fungsi organisasi ke arah yang lebih mantap dan memperkemas serta memperkuuhkan tadbir urus pertubuhan belia.
2. Antara program-program yang telah dilaksanakan ialah seperti berikut:
 - (a) Menerima permohonan pendaftaran pertubuhan belia secara atas talian dan kelulusan juga dilaksanakan secara atas talian. Bermula tahun 2007 sehingga 31 Disember 2018, sebanyak 8,563 pertubuhan telah lulus berdaftar dan proses kelulusan permohonan adalah dalam tempoh 5 hari bekerja.
 - (b) Melaksanakan Program Penarafan Bintang untuk pertubuhan belia bagi tujuan untuk menilai, mengukur dan menggredkan prestasi pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Petubuhan belia yang dinilai terdiri daripada pertubuhan belia yang telah mengemukakan Maklumat Yang Kena Diberi (MYKD). Pelaksanaan program penilaian ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memberikan pengiktirafan secara formal kepada pertubuhan belia yang telah

SOALAN : 16

menunjukkan prestasi yang cemerlang. Pada masa yang sama ianya dapat mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan pertubuhan dan seterusnya dapat memperkemaskan urus tadbir ke tahap yang lebih cemerlang. Berdasarkan rekod 2018, sebanyak 1,874 (21.9%) pertubuhan daripada 8,563 pertubuhan yang berdaftar telah menghantar MYKD.

- (c) Melaksanakan program pembangunan latihan kepada pemegang jawatankuasa dengan tujuan untuk memberi bimbingan, pendedahan dan latihan secara *hands on* kepada pemegang jawatan pertubuhan berhubung tatacara tadbir urus pertubuhan belia, penyediaan pelaporan MYKD dan penghantaran MYKD secara atas talian di laman sesawang <https://eroyv2.gov.my/>.
 - (d) Melaksanakan program naziran dan lawatan mengejut atau pemeriksaan ke atas premis pertubuhan belia bagi memantau dan memastikan tadbir urus pertubuhan adalah selari dengan kehendak perlembagaan pertubuhan dan Akta 668. Menerusi program naziran, Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia dapat mengenal pasti dan memberikan khidmat nasihat kepada pemegang jawatankuasa yang kurang pendedahan dalam urusan urus tadbir pertubuhan dan penyediaan MYKD.
3. Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan memperkasakan persatuan belia melalui:

SOALAN : 16

- (a) Kursus Kepimpinan Organisasi yang bertujuan untuk melahirkan pemimpin di peringkat akar umbi; dan
- (b) Program Pemantapan Pertubuhan Belia bertujuan untuk memperkasakan pengurusan dan pentadbiran pertubuhan belia di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.
4. KBS turut melantik persatuan belia sebagai rakan kongsi semasa penganjuran program untuk terus mengupayakan persatuan belia serta memainkan peranan dengan efektif di peringkat akar umbi.
5. Selain itu, KBS memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada pertubuhan belia di semua peringkat melalui Anugerah Perdana Belia Negara.
6. Kementerian juga telah menjadikan Profesionalisme Kerja Belia sebagai antara sembilan bidang keutamaan belia yang perlu diberikan tumpuan dalam Dasar Belia Malaysia.
7. Program pembangunan latihan secara berterusan kepada pegawai-pegawai di kementerian turut dilaksanakan melalui program kerjasama dengan Jabatan Peguam Negara dan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Program kerjasama ini diharap dapat meningkatkan pencerahan dan kefahaman teknikal yang lebih mendalam serta terperinci terhadap Akta 668.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN NURIDAH BINTI
MOHD SALLEH
TARIKH : 29 APRIL 2019

PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status perbincangan dasar kesaksamaan gender di peringkat nasional dan bagaimakah bentuk perlaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai usaha mencapai kesaksamaan gender selaras dengan Perkara 8 di bawah Perlembagaan Persekutuan, Kementerian ini telah mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan terdiri daripada agensi Kerajaan seperti Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ahli-ahli akademik dan juga NGO.

Isu kesaksamaan gender juga perlu dibincang dengan teliti dan menyeluruh bagi memastikan ia seiring dengan prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender selaras dengan apa yang termaktub dalam Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan juga Dasar Wanita Negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Terkini, Kementerian telah menubuhkan satu *Special Project Team Rang Undang-Undang Kesaksamaan Gender* pada Februari 2019 yang terdiri daripada wakil Kementerian/Jabatan/Agensi, ahli akademik dan juga badan bukan kerajaan (NGO).

Kementerian yakin pewujudan *Special Project Team* yang terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran berkenaan kesaksamaan gender ini dapat menggubal dan menyediakan kerangka perundangan yang

SOALAN : 17

komprehensif di Malaysia. Rang undang-undang ini akan mengambil kira aspek agama, sosial, kaum serta nilai dalam masyarakat memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan agama.

Kementerian turut akan mengadakan sesi jerayawara dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk orang awam bertujuan untuk menerangkan draf rang undang-undang yang digubal sebelum dipertimbangkan untuk dibentangkan di Parlimen.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DR. NUING JELUING

TARIKH : 29 APRIL 2019

DR. NUING JELUING minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencapai sasaran 80% guru di Sarawak ialah anak tempatan. Sasaran ini ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan ketika itu. Apakah nisbah guru tempatan berbanding dengan guru dari Semenanjung pada masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar *Empowerment 90:10* (Dasar 90:10) telah diperkenalkan pada akhir tahun 2015 bertujuan untuk mencapai sasaran sebanyak 90 peratus guru berkhidmat di negeri Sarawak terdiri daripada kalangan anak kelahiran Sarawak. Bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut:

1. melaksanakan pertukaran guru dengan menempatkan semula guru yang berasal dari Sarawak untuk berkhidmat di negeri asal mereka serta menempatkan semula guru yang berasal dari Semenanjung untuk berkhidmat di Semenanjung;
2. menempatkan guru lantikan baharu yang berasal dari Sarawak ke negeri asal mereka berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran di negeri tersebut;
3. pengambilan graduan yang memiliki Ikhtisas Pendidikan lepasan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dalam kalangan anak kelahiran Sarawak melalui sistem pengambilan guru secara pasaran terbuka dengan melantik mereka sebagai Guru Interim. Guru Interim yang berjaya dalam urusan pengambilan guru oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) akan ditawarkan pelantikan tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41; dan

SOALAN: 18

4. pengambilan graduan anak kelahiran negeri Sarawak yang tidak memiliki kelayakan Ikhtisas Pendidikan secara interim bagi mengisi kekosongan jawatan berdasarkan keperluan opsyen mata pelajaran. Graduan lantikan interim yang memenuhi kriteria yang ditetapkan akan ditawarkan Program Diploma Perguruan Lepasan Ijazah atau Diploma Pendidikan Ambilan Khas secara Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi membolehkan mereka dilantik tetap sebagai PPP Gred DG41 di KPM.

Untuk makluman, sehingga 7 April 2019, data KPM menunjukkan terdapat seramai 41,441 orang guru yang sedang berkhidmat di negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut sejumlah 87 peratus (36,118) merupakan guru kelahiran negeri Sarawak manakala 13 peratus (5,353) merupakan guru bukan kelahiran negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK TEO ENG TEE @ TEO
KOK CHEE**

TARIKH : 29 APRIL 2019

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menggubal dan menguatkuasakan Akta Anti Lompat Parti berikut dengan peristiwa melompat parti yang kerap berlaku pada kebelakangan ini yang menggugat demokrasi pilihan raya.

JAWAPAN:

**YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa terbuka terhadap cadangan penambahbaikan berkaitan penggubalan undang-undang daripada pelbagai pihak. Berhubung dengan cadangan untuk menggubal Undang-Undang Anti Lompat Parti, Kerajaan berpandangan bahawa buat masa ini, setiap warganegara dijamin hak untuk bebas berpersatuan. Ini adalah selaras dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Hak untuk bebas berpersatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. V Nordin bin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ Rep masih terpakai.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN SOPIAH BINTI SHARIF
TARIKH : 29.4.2019 (ISNIN)

PUAN SOPIAH BINTI SHARIF minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah kejayaan 'Food Bank' Siswa dalam mengatasi masalah Mahasiswa dan Mahasiswi yang kelaparan akibatkekangan kewangan dan dari keluarga kumpulan B40. Nyatakan bilangan institusi pengajian yang turut serta dan sambutan para pelajar di Pulau Pinang.

SOALAN : 20

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang pelaksanaan sehingga bulan Mac 2019, Program Food Bank Malaysia **telah berjaya** membantu seramai 113,706 ahli isi rumah. Secara tidak langsung, telah berjaya **menyelamatkan sebanyak 1,156 metrik tan lebihan makanan dengan anggaran nilai lebihan makanan sebanyak RM5.78 juta.**

Susulan daripada Keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 15 Februari 2019, Kerajaan telah memutuskan untuk meluaskan Program Food Bank Malaysia ke seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Sehubungan itu, Kementerian telah menyambut baik keputusan tersebut dan mengembangkan pelaksanakan Program Food Bank Malaysia di Universiti Awam yang dinamakan **Food Bank Siswa**. Program ini menasarkan golongan siswa di dalam kumpulan B40 dengan menggunakan dua mekanisma pengagihan iaitu:

- (i) *Food Pantry; dan*
- (ii) *Central Kitchen*

Program Food Bank Siswa telah dilaksanakan di Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UITM) Permatang Pauh dan Politeknik Seberang Prai. Program Food Bank Siswa di Pulau Pinang telah mendapat sambutan

SOALAN : 20

yang baik dengan penglibatan seramai 1,000 orang mahasiswa. Program ini akan diluaskan ke universiti-universiti yang lain.

Pelaksanaan ini telah mendapat kerjasama baik daripada pihak pengurusan Universiti dan Majlis Perwakilan Pelajar dalam memastikan pengagihan berjalan lancar dan sampai kepada kumpulan sasaran. **Konsep ini turut dinamakan sebagai “From The Student To The Student.**

SOALAN : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN ZAIEDI SUHAILI

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN ZAIEDI BIN SUHAILI minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengimbangi Daftar Pekerja Asing Berdaftar dan memerangi sepenuhnya Pendatang Asing Tanpa Izin yang boleh merosakkan peluang pekerjaan anak tempatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Dasar utama penggajian Negara masih menetapkan dan mengutamakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Perlu difahami bahawa kehadiran pekerja asing di Negara ini hanyalah bersifat sementara untuk mengisi jawatan-jawatan yang kurang digemari dan tidak dapat diisi oleh rakyat tempatan. Pengisian pekerja asing juga bertujuan memenuhi permintaan industri bagi memastikan kesinambungan industri untuk kekal berdaya saing mengikut keadaan ekonomi dunia semasa. Selain itu, penggajian pekerja asing juga hanya dibenarkan dalam enam sektor formal serta 1 sektor tidak formal seperti berikut:

(i) Sektor Formal

- (a) Perkilangan;
- (b) Pembinaan;
- (c) Pertanian;
- (d) Perladangan;
- (e) Perkhidmatan (sub sektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan dan pencucian, pekerja resort pulau peranginan, hotel, kedi (lelaki), spa, urut kaki, pembantu taman tema haiwan, kargo (pelabuhan dan lapangan terbang);
- (f) Perlombongan yang melibatkan pekerjaan asas; dan

SOALAN : 21

(ii) Sektor tidak formal iaitu pekhidmat domestik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat penggajian pekerja asing juga adalah amat ketat iaitu permohonan adalah berdasarkan konsep permintaan dan penawaran (*demand and supply*). Selain itu, kriteria penggajian pekerja asing juga diselia oleh Agensi Kawal Selia (AKS) mengikut sektor masing-masing yang menentukan keperluan sebenar pekerja oleh majikan dalam sesebuah sektor dan sub-sektor yang berkaitan.

Sebelum permohonan majikan untuk menggaji pekerja asing dapat dipertimbangkan di Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre – OSC*) yang diurus setiakan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), majikan terlebih dahulu perlu mengemukakan permohonan penggajian pekerja asing secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) yang dibangunkan dan dikawal selia oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), KSM. Dalam hal ini, pihak majikan dikehendaki untuk memohon dan sekiranya layak, majikan akan memperoleh sijil *Job Clearing System* (JCS) yang mempunyai tempoh sah laku selama tiga bulan daripada JTKSM, KSM. Sijil ini adalah sebagai sokongan kepada majikan yang memohon pekerja asing untuk memastikan kekosongan jawatan telah diiklankan dan tidak dapat diisi oleh rakyat tempatan. Pada masa yang sama, JTKSM juga akan menyemak kelayakan majikan untuk menggaji pekerja asing daripada segi pematuhan majikan terhadap undang-undang berkaitan perburuhan. Majikan yang didapati melakukan apa-apa kesalahan di bawah peruntukan undang-undang berkaitan perburuhan termasuk keselamatan sosial tidak akan dibenarkan untuk menggaji pekerja asing. Oleh itu,

SOALAN : 21

hanya majikan yang mematuhi peraturan dan dapat membuktikan kegagalan mengisi kekosongan dengan pekerja tempatan sahaja yang akan disokong oleh JTKSM untuk menggaji pekerja asing.

Seterusnya, setelah majikan memperoleh JCS, majikan pada bila-bila masa dalam tempoh tiga bulan mengikut kesesuaian boleh hadir ke OSC, KDN untuk ditemu duga oleh AKS mengikut sektor bagi pertimbangan kuota penggajian pekerja asing berdasarkan keperluan sebenar majikan serta syarat dan nisbah kelayakan yang ditetapkan oleh AKS masing-masing. Untuk pemahaman lebih lanjut, OSC yang diurus setiakan oleh KDN tidak hanya terdiri daripada KDN; sebaliknya turut terdiri daripada KSM serta lapan (8) AKS yang bertanggungjawab untuk menilai dan mempertimbangkan permohonan penggajian pekerja asing mengikut sektor-sektor yang dibenarkan setelah majikan gagal mendapatkan pekerja tempatan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:

SOALAN : 21**Jadual 1: Senarai Agensi Kawal Selia Mengikut Sektor**

BIL.	AGENSI KAWAL SELIA	SEKTOR
1.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	Perkilangan
2.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	Pertanian
3.	Kementerian Industri Utama	Perlادangan
4.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia	Pembinaan
5.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	Sub-sektor Restoran (Tukang Masak), dan Pembersihan Pencucian
6.	Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya	Sub-sektor spa, refleksologi, hotel, kedi (lelaki), pulau peranginan dan taman tema
7.	Kementerian Pengangkutan Malaysia	Pengendalian Kargo (Pelabuhan dan Lapangan Terbang)
8.	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	Perlombongan dan Pengkuarian

SOALAN : 21

Sehubungan dengan itu, prosedur pertimbangan permohonan penggajian pekerja asing oleh majikan bukanlah sesuatu yang dilaksanakan dengan begitu mudah, sebaliknya melibatkan penglibatan pelbagai pihak iaitu KSM, KDN dan AKS yang mempunyai autoriti dan kepakaran mengikut bidang industri masing-masing yang secara tidak langsung bertindak sebagai *check and balance* dalam menguruskan penggajian pekerja asing di negara ini secara kolektif, konsensus dan konstruktif.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memandang serius ke arah mengutamakan penggajian warga tempatan dalam industri pekerjaan negara serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Sehubungan dengan itu, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan telah menetapkan untuk mengehadkan penggajian pekerja asing pada kadar 15% daripada jumlah guna tenaga negara menjelang tahun 2020. Sehingga 31 Mac 2019, jumlah jumlah pekerja asing tidak mahir yang direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia melalui pengeluaran Pas Lawatan (Kerja Sementara) – PLKS yang sah dan aktif adalah seramai 2,026,623 orang manakala jumlah pegawai dagang adalah seramai 123,623 orang. Jumlah ini masih terkawal berdasarkan unjuran keperluan pekerja asing yang disasarkan pada tahun 2020 di RMKe – 11 iaitu sebanyak 2.34 juta pekerja asing.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang meneliti beberapa polisi bertujuan menambah baik pengurusan pekerja asing serta mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing seperti berikut:

- (a) Pelaksanaan kadar levi pelbagai peringkat (*multi tier levy*) yang mengenakan bayaran levi secara progresif mengikut bilangan pekerja asing yang diperlukan oleh majikan. Pelaksanaan

SOALAN : 21

mekanisme ini bukan sahaja dijangka dapat mengurangkan kebergantungan industri terhadap pekerja asing, malah akan menggalakkan peralihan industri ke arah mekanisasi dan automasi.

- (b) Mengutamakan *exit policy* penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme *Industrialised Building System* (IBS) dalam sektor pembinaan, restoran berkonsepkan layan diri (*self-service*) dan sebagainya; dan
- (c) Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia, KSM sedang melaksanakan pelbagai kajian yang akan membantu Kerajaan menentukan hala tuju penggajian pekerja asing di Malaysia.

Satu lagi aspek yang tidak diabaikan adalah penguatkuasaan terhadap majikan iaitu majikan yang dikesan menggaji pendatang asing tanpa izin (PATI) boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Imigresen 1959/63. Dalam hal ini, majikan akan didakwa di bawah empat (4) kesalahan utama iaitu di bawah Seksyen 55A untuk membawa masuk PATI secara tidak sah ke dalam negara, Seksyen 55B untuk menggaji PATI yang mengenakan hukuman denda tidak kurang RM 10,000 tetapi tidak lebih RM 50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya bagi setiap orang yang diambil bekerja, Seksyen 55E untuk membenarkan PATI masuk dan tinggal di premis dan Seksyen 56 (1) (d) untuk kesalahan melindungi PATI. Di samping itu, majikan juga boleh didakwa di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang Dan Penyeludupan

SOALAN : 21

Migran 2007(Pindaan 2010) (ATIPSOM). Dari 1 Januari 2019 sehingga 7 Mac 2019, sebanyak 3,214 operasi telah dijalankan dan melalui operasi tersebut, sejumlah 11,234 orang PATI dan 201 orang majikan telah ditangkap di bawah pelbagai kesalahan imigresen.

Akhir sekali, pendapat dan pandangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat juga amatlah dialu-alukan untuk membantu Kerajaan memantapkan lagi dasar dan pengurusan pekerja asing secara lebih inklusif dan holistik. Sementara itu, orang awam yang mempunyai maklumat mengenai PATI dan majikan yang menggaji PATI juga boleh menyumbang kepada pihak Kerajaan dengan melaporkan maklumat tersebut kepada Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) atau dengan mengisi borang maklum balas mengenai pertanyaan/cadangan/aduan di laman web JIM iaitu www.imi.gov.my.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD

TARIKH : 29 APRIL 2019 (ISNIN)

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah prosedur untuk memastikan kanak-kanak yang lahir di Malaysia yang tidak memiliki dokumen lengkap seperti surat lahir boleh diberikan vaksin (vaccine) yang amat diperlukan untuk pertumbuhan pembesaran sempurna kanak-kanak tersebut.

JAWAPAN :

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberikan perkhidmatan suntikan imunisasi kepada semua kanak-kanak di semua fasiliti kesihatan di seluruh negara tanpa mengira status kewarganegaraan termasuk kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen.

Kanak-kanak yang gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri sebagai warganegara akan dikenakan bayaran perkhidmatan imunisasi berdasarkan Pelaksanaan Caj Fi Perkhidmatan Kesihatan Kanak-kanak di bawah Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014. Manakala, bagi aktiviti suntikan imunisasi secara *outreach* di luar fasiliti kesihatan ia diberikan secara percuma.

Dalam memastikan semua kanak-kanak diberi vaksinasi, aktiviti *outreach* yang dijalankan oleh pihak KKM dibuat secara meluas terutamanya dalam kawalan wabak. Di antara aktiviti kawalan wabak ini termasuklah pencarian kes yang bergejala serta pencarian kanak-kanak yang cicir imunisasi. Setiap kanak-kanak yang cicir imunisasi akan diberikan suntikan imunisasi yang bersesuaian tanpa mengira status dokumentasi kanak-kanak tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK RABIYAH BINTI ALI

TARIKH : 29 APRIL 2019

Datuk Rabiyah Binti Ali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil bagi meringankan bebanan mengajar guru-guru di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dalam tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap isu beban tugas guru. KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru telah memutuskan lima (5) inisiatif sebagai tindakan jangka pendek bagi membantu menangani beban tugas guru dan telah diumumkan oleh YB Menteri Pendidikan semasa perutusan tahun baharu 2019. Inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti:

1. Memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Fail Panitia dan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD);
2. Pengurusan data dan sistem *online* iaitu pengumpulan data sekolah, guru dan murid dari sumber sedia ada dari KPM dan penggunaan Sistem Kehadiran Murid (APDM) yang mesra pengguna menggantikan jadual kedatangan murid. Bagi sekolah yang tiada capaian internet, kehadiran murid direkodkan secara manual;
3. Pemansuhan Peperiksaan Tahap 1 serta sekolah boleh merangka sendiri pelaksanaan LINUS yang bersesuaian dengan keperluan murid;
4. Penyeragaman pelbagai borang bagi pemantauan kantin dan kontraktor kebersihan dan keselamatan sekolah serta tiada lagi aktiviti berunsurkan pertandingan yang diselaraskan di peringkat JPN atau PPD; dan
5. Penyelarasaran penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah.

SOALAN: 23

Kementerian juga sedang memperhalusi tindakan-tindakan bagi jangka sederhana dan panjang untuk dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan seterusnya menangani isu beban tugas guru secara holistik dan berterusan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan senarai dan nilai aset Malaysia di luar negara serta rancangan penjualan aset tersebut.

JAWAPAN:

YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berikut adalah senarai aset dalam bentuk saham syarikat tersenarai terpilih yang dikuasai oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) di luar negara yang telah dilupuskan sepanjang tahun 2018:

Syarikat	Industri	Negara penyenaraian	Jumlah Hasil RM juta	Catatan
BDO Unibank Inc	Perbankan	Filipina	360	Tiada maklumat pembeli ¹
Infosys Limited	Pengguna	India	284	
PT Charoen Pokphand Indonesia	Pengguna	Indonesia	222	
Titan Industries Limited	Pengguna	India	212	

Secara amnya, hasil daripada pelupusan aset tersebut digunakan bagi tujuan pembayaran balik hutang, pembayaran dividen kepada Kerajaan serta pelaburan semula dalam aset-aset baharu.

Setakat 31 Disember 2018, jumlah pegangan terus aset luar negara Khazanah mewakili kira-kira 24.6% daripada keseluruhan Nilai Aset Boleh Tunai (RAV) Khazanah yang berjumlah RM135.5b.

Rasional serta pertimbangan dalam pelupusan aset

Sebagai sebahagian daripada proses semakan portfolio yang lazim, Khazanah akan mempertimbangkan peluang pelupusan aset-aset sebaik sahaja aset tersebut mencapai objektif pelaburan dan pulangan sasarannya. Ini merupakan rasional utama bagi sebarang pelupusan yang dilakukannya.

¹Kesemua pelupusan yang dinyatakan dalam jadual di atas adalah bagi syarikat-syarikat tersenarai awam sahaja. Sesetengah pelupusan yang dilaksanakan oleh Khazanah dalam syarikat-syarikat yang tersenarai awam dilakukan di pasaran awam sekunder (open secondary market). Sehubungan itu, Khazanah tidak mempunyai senarai pembeli untuk pelupusan tersebut

SOALAN : 24

Setiap satu peluang pelupusan akan dinilai berdasarkan sasaran kewangan dan juga sasaran strategik yang ditetapkan, yang turut bergantung kepada masa dan kekuatan pasaran serta ketersediaan, kualiti dan kredibiliti pembeli, memandangkan pelupusan itu sendiri sememangnya bersifat oportunistik.

Khazanah tidak dapat menyatakan secara terperinci aset-aset yang bakal dilupuskannya pada tahun kewangan semasa memandangkan ia memerlukan kelulusan pihak tertentu termasuk Lembaga Pengarah serta pihak pengawal selia, baik di dalam maupun di luar negara, bagi memastikan ia dilaksanakan secara tertib dan teratur serta menurut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK HAJI YAHAYA BIN MAT
GHANI**

TARIKH : 29 APRIL 2019

Y.B. SEN. DATUK HAJI YAHAYA BIN MAT GHANI minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil di atas kerugian urus niaga mata wang asing sebanyak RM30 bilion Bank Negara Malaysia dalam penyertaan FOREX dan sejauh mana saranan oleh Suruhanjaya Diraja terhadap skandal tersebut telah diambil tindakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 3 November 2017, Laporan Suruhanjaya Siasatan Isu Forex BNM telah diedarkan kepada Parlimen pada 30 November 2017 serta dijual kepada orang awam oleh Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Jemaah Menteri juga bersetuju supaya Laporan Polis dibuat bagi menyiasat penemuan dan perakuan Suruhanjaya Siasatan. Sehubungan itu, Setiausaha Suruhanjaya Siasatan telah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya pada 30 November 2017. Walau bagimanapun, Setiausaha Suruhanjaya Siasatan telah membuat laporan polis pada 28 Mei 2018 di IPD Putrajaya bagi menarik balik laporan yang dibuat sebelum ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN ALAN LING SIE KIONG

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN ALAN LING SIE KIONG minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sebab-sebab simen tidak diimport dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak selama ini dan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dalam menggalakkan pengimportan simen ke Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini pengusaha simen di Sarawak tidak mengimport simen siap dari Semenanjung Malaysia kerana kilang sedia ada di Sarawak berkemampuan untuk menghasilkan sendiri simen bagi memenuhi permintaan tempatan. Walau bagaimanapun syarikat masih mengimport klinker iaitu bahan untuk menghasilkan simen dari Semenanjung Malaysia dan dari luar negara bagi menampung keperluan bahan tersebut yang terhad di Sarawak.

Kapasiti pengeluaran simen oleh pengeluar simen tempatan di Sarawak adalah sebanyak 2.8 juta metrik tan (MT) setahun dan ianya adalah mencukupi untuk menampung permintaan oleh industri dan penduduk tempatan yang dianggarkan sebanyak 1.54 juta MT setahun. Kerajaan akan terus memantau aktiviti pengeluaran dan penggunaan simen di Sarawak dan sebarang kekurangan sekiranya ada akan ditampung melalui aktiviti pengimportan simen sama ada dari Semenanjung Malaysia mahupun luar negara mengikut harga pasaran yang lebih menguntungkan kedua-dua belah pihak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATIN RAHIMAH BINTI HAJI
MAHAMAD**

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah syarikat yang diberikan perakuan kelulusan Air Mineral Semula Jadi, Air Mineral Berbungkus dan Penyedia Ais dan bagaimana Kerajaan memastikan sumber air yang diperoleh syarikat ini tidak tercemar dan selamat untuk digunakan tanpa waswas.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983, semua produk air mineral semulajadi (AMS), air minuman berbungkus (AMB) dan ais yang dijual di pasaran hendaklah dilesenkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bagi memastikan aspek keselamatan dan kualiti produk AMS, AMB dan ais yang dijual di pasaran, KKM dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) telah menjalankan verifikasi di lapangan sebelum sesebuah kilang dilesenkan termasuklah dalam aspek sumber air, sistem rawatan air (termasuk teknik nyahjangkitan) dan fasiliti pemprosesan. Persampelan pula dijalankan bagi mengesahkan air dan ais yang dihasilkan adalah selamat untuk diminum.

Sehingga 31 Mac 2019, sebanyak 88 lesen AMS, 265 lesen AMB dan 117 lesen ais telah dikeluarkan oleh KKM.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK DONALD PETER
MOJUNTIN**

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK DONALD PETER MOJUNTIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan Proklamasi, Darurat 15 Mei 1969 bagi seluruh Persekutuan dimansuhkan pada 25 November 2011, apakah senarai undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 150 (5) dan (6) dalam tempoh 15 Mei 1969 hingga 25 November 2011, Perlembagaan Persekutuan yang juga termansuh selepas enam (6) bulan Proklamasi Darurat tersebut dimansuhkan mengikut Perkara 150 (7), Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN:

**YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Parlimen telah mengungkaikan ketiga-tiga Proklamasi Darurat iaitu Proklamasi Darurat 1966 [P.U. 339A/1966], Proklamasi Darurat 1969 [P.U. (A) 145/1969] dan Proklamasi Darurat 1977 [P.U. (A) 358/1977].
2. Ketiga-tiga Proklamasi tersebut telah diungkaikan di bawah Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan melalui ketetapan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 24 November 2011 dan Dewan Negara pada 20 Disember 2011.
3. Menurut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, sesuatu Proklamasi Darurat hendaklah terhenti berkuat kuasa apabila ketetapan bagi mengungkaikan Proklamasi telah diluluskan oleh kedua-dua Majlis. Oleh yang demikian, ketiga-tiga Proklamasi Darurat tersebut telah terhenti berkuat kuasa pada 20 Disember 2011 iaitu pada tarikh Dewan Negara meluluskan ketetapan pengungkaian ketiga-tiga Proklamasi Darurat tersebut.
4. Fasal (7) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa apa-apa ordinan yang dimasyhurkan menurut Proklamasi Darurat dan apa-apa undang-undang yang dibuat semasa Proklamasi Darurat itu berkuat kuasa akan luput dengan sendirinya dalam

SOALAN : 28

masa enam bulan selepas pengungkaian Proklamasi Darurat tersebut. Dalam hal ini, sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3, ketiga-tiga Proklamasi Darurat tersebut telah terhenti berkuat kuasa pada 20 Disember 2011. Oleh itu berikutan pengungkaian ketiga-tiga Proklamasi Darurat tersebut, kesemua ordinan dan undang-undang yang dibuat semasa Proklamasi Darurat tersebut terhenti berkuat kuasa pada 21 Jun 2012 (Khamis) selaras dengan peruntukan Fasal (7) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

5. Senarai perundangan yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat 1969 adalah sebagaimana di **Lampiran**.

SOALAN : 28**LAMPIRAN****AKTA DAN ORDINAN DI BAWAH
PROKLAMASI DARURAT 1969 [P.U. (A) 145/1969]**

No.	Tajuk	Rujukan
1.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 1, 1969	P.U. (A) 145/1969
2.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 2, 1969	P.U. (A) 149/1969
3.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 3, 1969	P.U. (A) 170/1969
4.	Emergency (Internal Security)(Modification of Laws) Ordinance, No.4, 1969 (Ordinance 4)	P.U. (A) 186/1969
5.	Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance, 1969 (Ordinance 5)	P.U. (A) 187/1969
6.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 6, 1969	P.U. (A) 219/1969
7.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 7 1969	P.U. (A) 307A/1969
8.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 8, 1969	P.U. (A) 307B/1969
9.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 9, 1969	P.U. (A) 431/1969
10.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 10, 1969	P.U. (A) 467/1969
11.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 11, 1969	P.U. (A) 468/1969
12.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 12, 1969	P.U. (A) 474/1969
13.	Emergency (Public Order and Prevention of Crime) (Amendment) Ordinance, 1969 (Ordinance 13)	P.U. (A) 500/1969
14.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 14, 1969	P.U. (A) 521/1969

SOALAN : 28

No.	Tajuk	Rujukan
15.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 14, 1969	P.U. (A) 522/1969
16.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 16, 1970	P.U. (A) 4/1970
17.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 17, 1970	P.U. (A) 9/1970
18.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 18, 1970	P.U. (A) 12/1970
19.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 19, 1970	P.U. (A) 27/1970
20.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 20, 1970	P.U. (A) 28/1970
21.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 21, 1970	P.U. (A) 29/1970
22.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 22, 1970	P.U. (A) 73/1970
23.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 23, 1970	P.U. (A) 80/1970
24.	Emergency (Public Order and Prevention of Crime) (Amendment) Ordinance, 1970 (Ordinance 24)	P.U. (A) 81/1970
25.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 25, 1970	P.U. (A) 82/1970
26.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 26, 1970	P.U. (A) 92/1970
27.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 26, 1970	P.U. (A) 102/1970
28.	Emergency (Revision of Laws) (Amendment) Ordinance, 1970 (Ordinance 28)	P.U. (A) 107/1970
29.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 29, 1970	P.U. (A) 115/1970
30.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 30, 1970	P.U. (A) 123/1970

SOALAN : 28

No.	Tajuk	Rujukan
31.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 31, 1970	P.U. (A) 142/1970
32.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 32, 1970	P.U. (A) 143/1970
33.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 33, 1970	P.U. (A) 184/1970
34.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 34, 1970	P.U. (A) 204/1970
35.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 35, 1970	P.U. (A) 205/1970
36.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 36, 1970	P.U. (A) 234/1970
37.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 37, 1970	P.U. (A) 235/1970
38.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 38, 1970	P.U. (A) 256/1970
39.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 39, 1970	P.U.(A) 257/1970
40.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 40, 1970	P.U.(A) 258/1970
41.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 41, 1970	P.U. (A) 259/1970
42.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 42, 1970	P.U. (A) 277/1970
43.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 43, 1970	P.U. (A) 278/1970
44.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 44, 1970	P.U. (A) 279/1970
45.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 45, 1970	P.U. (A) 282/1970
46.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 46, 1970	P.U. (A) 297/1970

SOALAN : 28

No.	Tajuk	Rujukan
47.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 47, 1970	P.U. (A) 298/1970
48.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 48, 1970	P.U. (A) 301/1970
49.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 49, 1970	P.U. (A) 322/1970
50.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 50, 1970	P.U. (A) 356/1970
51.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 51, 1970	P.U. (A) 357/1970
52.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 52, 1970	P.U. (A) 358/1970
53.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 53, 1970	P.U. (A) 387/1970
54.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 54, 1970	P.U. (A) 391/1970
55.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 55, 1970	P.U. (A) 392/1970
56.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 56, 1970	P.U. (A) 393/1970
57.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 57, 1970	P.U. (A) 394/1970
58.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 58, 1970	P.U. (A) 409/1970
59.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 59, 1970	P.U. (A) 423/1970
60.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 60, 1970	P.U. (A) 438/1970
61.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 61, 1970	P.U. (A) 453/1970
62.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 62, 1970	P.U. (A) 454/1970

SOALAN : 28

No.	Tajuk	Rujukan
63.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 63, 1970	P.U. (A) 9/1971
64.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 64, 1971	P.U. (A) 10/1971
65.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 65, 1970	P.U. (A) 11/1971
66.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 66, 1971	P.U. (A) 12/1971
67.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 67, 1971	P.U. (A) 19/1971
68.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 68, 1971	P.U. (A) 20/1971
69.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 69, 1971	P.U. (A) 39/1971
70.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 70, 1971	P.U. (A) 40/1971
71.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 71, 1971	P.U. (A) 41/1971
72.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 72, 1971	P.U. (A) 57/1971
73.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 73, 1971	P.U. (A) 58/1971
74.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 74, 1971	P.U. (A) 59/1971
75.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 75, 1971	P.U. (A) 60/1971
76.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 76, 1971	P.U. (A) 61/1971
77.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 77, 1971	P.U. (A) 62/1971
78.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 78, 1971	P.U. (A) 63/1971

SOALAN : 28

No.	Tajuk	Rujukan
79.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 79, 1971	P.U. (A) 64/1971
80.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 80, 1971	P.U. (A) 65/1971
81.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 81, 1971	P.U. (A) 66/1971
82.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 82, 1971	P.U. (A) 67/1971
83.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 83, 1971	P.U. (A) 68/1971
84.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 84, 1971	P.U. (A) 69/1971
85.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 85, 1971	P.U. (A) 70/1971
86.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 86, 1971	P.U. (A) 71/1971
87.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 87, 1971	P.U. (A) 72/1971
88.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 88, 1971	P.U. (A) 73/1971
89.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 89, 1971	P.U. (A) 74/1971
90.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 90, 1971	P.U. (A) 75/1971
91.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 91, 1971	P.U. (A) 76/1971
92.	Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 92, 1971	P.U. (A) 77/1971
93.	Emergency (Essential Powers) Act 1979	Act 216

SOALAN : 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian nilai Pelaburan KWSP sehingga Mac 2019 dan prospek pulangan dividen dalam tahun 2019/2020.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan yang dibuat oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah berdasarkan kepada *Strategic Asset Allocation* (SAA) yang telah ditentukan. Sehingga akhir Disember 2018, jumlah pelaburan KSWP adalah berjumlah RM833.76 bilion, dengan RM326.32 bilion atau 39.1% pelaburan ekuiti, RM232.53 bilion atau 27.9% daripadanya adalah pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities*, MGS), RM186.69 bilion atau 22.4% adalah pelaburan dalam bon dan pinjaman, RM48.33 bilion atau 5.8% pelaburan dalam instrumen pasaran wang dan baki RM39.90 bilion atau 4.8% lagi adalah pelaburan dalam harta tanah dan infrastruktur. Antara tempoh Januari 2019 sehingga Mac 2019, tiada sebarang perubahan mendadak dalam SAA semasa berbanding dengan akhir 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KWSP sentiasa optimistik dalam mencapai objektif pelaburan iaitu untuk melindung dan menambah nilai simpanan ahli dan untuk memastikan pulangan yang stabil dan konsisten untuk jangka panjang berdasarkan had toleransi risiko yang telah ditentukan. Sejak tahun 2010 hingga ke 2018, KWSP telah berjaya mengisytiharkan sekurang-kurangnya 2.00 peratus dividen sebenar (inflasi terlaras) bagi purata tiga tahun bergerak (3-year moving average).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN ISMAIL BIN YUSOP

TARIKH : 29 APRIL 2019

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memartabatkan seni budaya warisan negara yang kini semakin kurang diketengahkan dalam kalangan rakyat bagi mewarnai industri seni tanah air memandangkan industri hiburan kini semakin dipenuhi dengan budaya barat sebahagiannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa menjalankan usaha untuk memartabatkan seni budaya warisan negara yang kini semakin kurang diketengahkan dalam kalangan rakyat bagi mewarnai industri seni tanah air memandangkan industri hiburan kini semakin dipenuhi dengan budaya barat. Antara langkah yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian ini adalah seperti berikut:

1. Mewartakan objek warisan tidak ketara sebagai objek warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Sehingga kini, sebanyak 530 butiran objek warisan kebudayaan tidak ketara telah diwartakan seperti Dondang Sayang, Asam Pedas, Nasi Lemak, Perarakan Chingay dan Upacara Wangkang;
2. Mencalonkan lebih banyak warisan kebudayaan tidak ketara yang berpotensi di bawah Konvensyen *Intangible Cultural Heritage* UNESCO. Buat masa ini Mak Yong telah mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai *Masterpieces of the Oral and intangible Heritage of Humanity* pada tahun 2005 dan Dondang Sayang diiktiraf sebagai *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* pada tahun 2018. Usaha mencalonkan warisan kebudayaan tidak ketara di bawah Konvensyen *Intangible Cultural Heritage* akan diteruskan pada masa hadapan seperti

NO. SOALAN: 30

pencalonan Pantun (bersama Indonesia), Upacara Perarakan Wangkang, Seni Mempertahankan Diri Silat dan Tenunan Songket;

3. Melaksanakan program-program berkaitan seni, budaya dan warisan seperti Panggung Seni Tradisional, Jejak Warisan, Semarak Warisan, Semarak Bangsawan, Karnival Lenggong, Bermalam di Muzium, Hari Kraf Kebangsaan dan Kraf KampungKu;
4. Menubuhkan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Institut Kraf Negara yang menawarkan kursus dalam bidang seni, budaya dan warisan;
5. Melaksanakan Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) bagi melahirkan generasi muda yang memahami dan dapat mewarisi seni dan budaya tradisional. PBSB merupakan program berstruktur yang berbentuk bimbingan dan latihan seni kepada pelajar sekolah rendah, menengah dan komuniti. Melalui pembelajaran selama tiga (3) bulan, pelajar diberi tunjuk ajar berdasarkan modul seni oleh Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN) bagi enam (6) bidang seni iaitu teater, tari, muzik (gamelan dan kompong), permainan tradisional (gasing), seni berbahasa (pantun) dan silat;
6. Memelihara kesenian muzik tradisional di negeri-negeri dengan membentuk kumpulan pelapis seperti Alu Bunyi (Kumpulan Setia

NO. SOALAN: 30

Jaya Perlis), Muzik Melayu Asli (Irama Nada Pulau Pinang) dan Bongai (Kumpulan Warisan Pusako & Kumpulan Anak Bocek Kuala Pilah);

7. Mengadakan Program 1 IPT 1 Produk seperti ILP Kepala Batas (Boria), Universiti Utara Malaysia (Mek Mulong), Universiti Tun Hussein Onn (Gambus), Universiti Teknikal Melaka (Pantun Dondang Sayang), UiTM Kuala Pilah (Caklempong), UiTM Jerantut (Gendang Pahang), Universiti Sultan Zainal Abidin (Gamelan) dan UiTM Samarahan (Gendang Melayu Sarawak); dan
8. Menjalankan kerja pendokumentasian bahan bersejarah, budaya dan alam semulajadi negara melalui penerbitan buku, cakera padat (CD) dan majalah. Contoh buku adalah seperti buku Mak Yong, Larik-larik Warisan, Batu Bersurat Terengganu, Adat Perpatih dan Masakan Warisan Hampir Pupus. Contoh CD adalah seperti Merungkai Zaman Silam; Lembah Lenggong; Melaka & George Town; Makyong dan *Unburying The Past*.

Pihak Kementerian percaya bahawa dengan langkah-langkah yang telah dijalankan ini diharapkan akan dapat memartabatkan seni budaya warisan negara yang kini semakin kurang diketengahkan untuk diwarisi kepada generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD

TARIKH : 29 APRIL 2019

Tuan Manolan Bin Mohamad minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah usaha yang telah diambil untuk menghapuskan hutang- hutang yang tidak wajar yang dikenakan kepada peneroka FELDA dalam tajuk 'Iltizam Khusus Untuk Warga FELDA' di dalam Manifesto Pakatan Harapan pada PRU14 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari akan perlunya diberi penjelasan mengenai isu yang dihadapi oleh FELDA serta pelan pemulihan bagi mengembalikan keyakinan rakyat dan memastikan kebijakan peneroka terus dibela. Kerajaan akan melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang ke arah kelestarian FELDA seperti yang dibentangkan dalam Kertas Putih “Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” di Dewan Rakyat pada 10 April 2019.
2. Dalam usaha untuk meneliti kedudukan sebenar FELDA, Kerajaan amat prihatin dengan kebijakan peneroka termasuk hutang peneroka kepada FELDA. Menurut rekod FELDA, baki hutang peneroka telah mencecah RM7.7 bilion pada tahun 2018.
3. Hutang peneroka dikategorikan kepada tiga kategori iaitu hutang Pembangunan Kebun (terdiri daripada hutang Pembangunan Asal dan Pembangunan Tanam Semula), hutang Sosio Ekonomi (terdiri daripada hutang Pinjaman Pembesaran Rumah, Pinjaman Saham FGV, Skim Insentif Usahawan, Pinjaman Pelajaran Tinggi dan Pinjaman Komputer) dan hutang Baja. Berdasarkan hutang peneroka di ketiga-tiga kategori di atas, hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula adalah penyumbang terbesar kepada hutang peneroka.

SOALAN : 31

4. Kementerian mengambil maklum berkaitan hutang Pembangunan Tanam Semula ini dikenakan faedah pada kadar efektif 3.8%. Selain itu, kos jalan pertanian dan isu berkaitan bekalan baja dan lain-lain input pertanian bagi kebun-kebun peneroka juga memberi kesan kepada hutang peneroka.
5. Untuk membiayai kos penanaman semula, Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil, FELDA terpaksa menanggung kos kewangan yang besar melalui pinjaman dari institusi kewangan yang mengenakan kadar faedah di antara 4% hingga 6%. Kerajaan lama memindahkan kos ini kepada peneroka dengan mengenakan kadar faedah efektif sebanyak 3.8%. Kerajaan telah berjanji untuk menghapuskan hutang tidak wajar bagi meringankan bebanan kewangan peneroka.
6. Merasai denyutan nadi peneroka, Kerajaan telah bersetuju untuk menghapuskan kadar faedah di atas kos penanaman semula, Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil yang dibebangkan kepada peneroka berjumlah RM2 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK ABDUL GHANI BIN
MOHAMED YASSIN**

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK ABDUL GHANI BIN MOHAMED YASSIN minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian bagi memperkasakan usahawan-usahawan bumiputera di bawah agensi (MARA) dari segi latihan, pengagihan geran dan juga masalah birokrasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Usaha MARA dalam memperkasakan usahawan bumiputera adalah melalui penyediaan ekosistem keusahawanan yang lengkap merangkumi pembangunan usahawan dan pembangunan bisnes dengan menyediakan sistem sokongan perniagaan dari aspek pembiayaan dan premis perniagaan termasuk khidmat nasihat kepada komuniti usahawan.

Menerusi program latihan keusahawanan, sebanyak RM21 juta diperuntukkan pada tahun 2019 dengan anggaran seramai 15,440 usahawan akan mendapat manfaat daripada program tersebut.

MARA juga menyediakan peruntukan berjumlah RM54 juta bagi kemudahan pembiayaan perniagaan dengan mensasarkan seramai 1,075 orang usahawan bumiputera akan mendapat faedah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.

Selain itu, MARA juga menawarkan lebih 7,000 lot-lot perniagaan untuk disewakan kepada usahawan dalam pelbagai lapangan perniagaan.

Bagi menangani masalah birokrasi, MARA menyediakan Pusat Pembangunan Usahawan di setiap negeri dan 117 Pejabat MARA Daerah di seluruh negara bagi membolehkan usahawan mendapatkan maklumat dan bantuan berkaitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT K PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK MOHAN A/L
THANGARASU**

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK MOHAN A/L THANGARASU minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah digunakan daripada jumlah bajet sebanyak RM4 bilion yang diperuntukkan khas untuk pembangunan masyarakat India. Mohon berikan maklumat terperinci penggunaan tersebut bersama tujuannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Soalan yang hampir sama telah ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama, Parlimen Ke-14 yang lepas. Maka, jawapan saya juga adalah sama dengan tambahan sedikit perkara berkaitan penggunaan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM100 juta yang diberikan Kerajaan bagi tahun 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Peruntukan RM4 bilion seperti mana dicadangkan dalam Manifesto Kerajaan – Iltizam Khusus Untuk Masyarakat India merupakan satu dana khas untuk pembangunan sosial dan ekonomi warga India untuk tempoh masa 10 tahun pertama.

Hasrat murni Kerajaan dalam meningkatkan status sosioekonomi masyarakat India memang terserlah dalam Manifesto Kerajaan. Malah perkara ini diperkuuhkan lagi melalui Belanjawan 2019 di mana Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM100 juta bagi membangunkan masyarakat India secara saksama.

Berdasarkan prestasi dan keupayaan kewangan Kerajaan masa kini (akibat daripada pengurusan kewangan Kerajaan terdahulu), saya juga memohon kepada Ahli Yang Berhormat dan seluruh warga Malaysia khususnya kaum India untuk memberi peluang dan masa

SOALAN: 33

kepada kami untuk memenuhi agenda / iltizam khas ini. Apa yang penting ialah kami di sebelah Pakatan Harapan akan memastikan wang tersebut benar-benar sampai ke peringkat akar umbi demi memastikan taraf hidup / sosioekonomi masyarakat India dapat ditingkatkan setanding dengan kualiti kehidupan masyarakat-masyarakat lain di negara ini.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, MITRA telah melancarkan Sistem Pengurusan Geran (GMS) pada 28 Januari 2019 melalui laman web www.mitrap.gov.my. Sistem Pengurusan Geran (GMS) Fasa 1 ini ditutup pada 15 Mac 2019.

Objektif utama sistem GMS ini adalah membolehkan organisasi (stakeholders) membuat permohonan kepada MITRA bagi mengadakan / menganjurkan aktiviti-aktiviti / program-program berkepentingan awam yang melibatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Peruntukan bagi aktiviti / program ini akan diambil daripada peruntukan RM100 juta yang diberikan kepada MITRA bagi tahun 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya,

MITRA telah menerima sejumlah 414 permohonan dengan jumlah permohonan peruntukan sebanyak kira-kira RM362,888,153.83. Daripada jumlah keseluruhan permohonan tersebut, bagi peringkat pertama, sebanyak 100 permohonan telah dipertimbangkan untuk kelulusan dan 44 permohonan telah diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM23,732,541.00. Program-program yang

SOALAN: 33

diluluskan dalam peringkat pertama ini (setakat 26 April 2019) adalah program berimpak tinggi di mana program latihan yang dipilih berakhir dengan penempatan pelatih dalam pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH SOALAN : 29 APRIL 2019

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah strategi yang telah dilaksanakan pihak Kementerian menerusi Rangka Kerja Keusahawanan Kebangsaan (NEF) dalam menjana satu juta peluang pekerjaan di Malaysia dalam tempoh lima tahun dan apakah fokus industri yang disasarkan bagi mewujudkan peluang pekerjaan ini serta apakah jaminan pekerja tempatan akan dapat memenuhi peluang pekerjaan yang dijana dalam tempoh tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah melancarkan Rangka Kerja Keusahawanan Nasional (*National Entrepreneurship Framework - NEF*) pada 22 November 2018 yang lalu. NEF adalah asas kepada matlamat dan inisiatif berkaitan pembangunan usahawan yang akan dijadikan input dalam penggubalan Dasar Keusahawanan Nasional.

2. Pewujudan NEF adalah selaras dengan enam (6) sasaran pembangunan keusahawanan yang salah satunya adalah mensasarkan untuk mewujudkan satu (1) juta peluang pekerjaan dalam tempoh lima (5) tahun. MED komited untuk mencapai sasaran ini dan telah menggariskan strategi dan inisiatif, di antaranya:
 - (i) latihan keusahawanan kepada belia termasuk graduan bagi melatih lebih ramai usahawan yang akan mencipta peluang pekerjaan (*job creators*), sebagaimana yang digariskan dalam Objektif Strategik 10 di bawah Teras Strategik Kedua NEF ;

 - (ii) mempergiatkan kesedaran keusahawanan (*entrepreneurial awareness*) serta meningkatkan *capacity* dan *capability* belia dengan kemahiran kebolehpasaran kerja (*employability skills*). MED melalui *Professional Training and Education for*

SOALAN: 34

Growing Entrepreneurs (PROTEGE) yang bukan sekadar melatih kebolehpasaran graduan malahan membimbing golongan ini untuk menjadi usahawan dan seterusnya pencipta pekerjaan (*job creators*);

- (iii) mengenal pasti *game changer* bagi program-program atau industri yang memfokus kepada pembangunan golongan B40, belia dan PKS yang dapat memastikan pekerja tempatan tidak ketinggalan dalam pembangunan keusahawanan yang akan dilaksanakan; dan
 - (iv) mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif bagi menyokong agenda pembangunan sosio-ekonomi negara yang seterusnya akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan.
3. MED telah menggariskan penekanan pembangunan keusahawanan akan dibuat dalam industri-industri seperti industri rel, aeroangkasa, automotif, ekonomi digital, bioteknologi, peralatan perubatan dan tenaga boleh baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' ONG CHONG SWEN

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATO' ONG CHONG SWEN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian akan mulakan budaya pemeliharaan kemudahan (culture of maintaining infrastructure) kerana sistem pemberian kontrak sekarang bertumpu kepada pembinaan projek-projek baru.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan kekal komited untuk memastikan aset-aset Kerajaan sentiasa berada dalam keadaan baik dan berkualiti. Ini kerana Kerajaan telah membuat pelaburan yang besar untuk membina aset dan infrastruktur bagi tujuan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai. Tumpuan terhadap pengurusan aset yang sistematik dan bersepadu amat dititikberatkan oleh Kerajaan bagi memastikan aset-aset negara sentiasa berada dalam keadaan sempurna, selamat, ekonomik dan dapat digunakan untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Sehubungan itu - Kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) telah merangka Pelan Induk Pengurusan Aset Negara di mana ia menjadi rujukan utama dan piawai di peringkat nasional oleh setiap agensi Kerajaan. Antara manual dokumentasi itu ialah melalui Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK); Pekeliling Am Bil 1 Tahun 2009: Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) Kerajaan; dan juga Pekeliling Am Bil 2 Tahun 2012: Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan. Dokumen-dokumen ini merupakan sebahagian daripada amalan terbaik Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) dalam pengurusan aset Kerajaan di mana merangkumi skop kerja penyenggaraan ke arah aset yang berprestasi tinggi (*high performance asset*) dan pembangunan yang lestari (*sustainable development*).

SOALAN : 35

Dalam usaha untuk mengekal dan memelihara infrastruktur jalan yang sedia ada, Kementerian Kerja Raya menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan di mana ia dipecahkan kepada tiga cara kerja, iaitu **rutin, berkala dan kecemasan**. Kerja-kerja penyelenggaraan ini dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan yang telah dilantik oleh Kerajaan.

Bagi memastikan kerja penyenggaraan jalan ini lebih berkualiti untuk keselamatan dan keselesaan pengguna, pihak JKR dan pihak konsesi telah membuat Program Audit Penyenggaraan Rutin. Audit Penyenggaraan Rutin ini dijalankan bagi memastikan kerja pemeriksaan rutin dijalankan mengikut kontrak yang telah dipersetujui oleh Syarikat Konsesi iaitu memeriksa, mengenalpasti dan mencatat segala kerosakan yang terdapat pada permukaan jalan, bahu jalan, longkang, perabot jalan dan struktur-struktur yang terdapat di sepanjang jalan dan juga memastikan kerja-kerja rutin mengikut program tahunan yang telah ditetapkan.

Bagi penyelenggaraan **berkala** pula, kerja tersebut dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi berdasarkan **Arahan Kerja** yang ditentukan oleh Kementerian **mengikut keutamaan dengan mengambil kira faktor keperluan dan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan**.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak JKR dan syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan sentiasa melaksanakan pemantauan di Jalan Persekutuan bagi memastikan

SOALAN : 35

keadaan jalan sentiasa berkeadaan baik dan selamat digunakan oleh pengguna melalui pemeriksaan rutin berdasarkan SOP yang ditetapkan.

Pihak JKR juga melaksanakan sistem pengurusan aduan JKR bagi menerima sebarang aduan yg dikemukakan kepada pihak JKR. Sistem ini berperanan memastikan pengurusan yang berkesan dan dapat membantu mengurangkan tempoh masa untuk penyelesaian sesuatu aduan. Selain itu, ia dapat memastikan setiap aduan yang diterima dapat diuruskan dengan cekap, berkesan dan dapat diselesaikan berdasarkan piagam pelanggan JKR. Pihak JKR sentiasa memastikan semua fasiliti jalan JKR berfungsi dengan sempurna, selamat dan selesa, mengekalkan kefungsian fasiliti jalan JKR bagi memenuhi ciri-ciri teknikal dan ekonomik untuk mencapai nilai kos pusingan hayat yang optimum dan turut memastikan perkhidmatan senggara fasiliti jalan JKR yang cemerlang, kos berkesan dan memenuhi kepuasan pelanggan. Sekian, terima kasih.

SOALAN : 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK THEODORE DOUGLAS
LIND
TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK THEODORE DOUGLAS LIND minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apa tindakan yang telah dan akan diambil susulan daripada laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Pendatang Asing di Sabah yang menyebut bahawa berjumlah ratusan ribu pendatang asing di Negeri Sabah didapati memegang kad pengenalan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berhubung dakwaan bahawa terdapat ratusan ribu pendatang asing di Sabah yang memegang kad pengenalan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, perkara tersebut adalah **merujuk kepada pendatang asing yang memegang kad pengenalan secara tidak teratur dan tidak sah di Sabah.** Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah melaksanakan semakan semula dan siasatan termasuk memanggil semula pemegang kad pengenalan berkenaan yang disyaki dikeluarkan secara tidak teratur dan tidak sah. Proses semakan ini dilaksanakan secara berterusan dan sehingga kini, **sebanyak 77,520 rekod telah dibatalkan atas sebab kematian, tidak hadir untuk siasatan atau permohonan dibatalkan kerana tidak memenuhi syarat kelayakan mengikut perundangan yang berkuat kuasa.**

Selain daripada itu, Kerajaan telah menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah melalui Operasi Bersepadu yang melibatkan beberapa buah agensi Kerajaan iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sabah, *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Agensi Pengawalseliaan Maritim Malaysia (APMM). Kesungguhan Kerajaan untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui **jumlah pengusiran yang dilaksanakan bermula dari tahun 1990 sehingga 09 April 2019 yang berjumlah seramai 581,085 orang.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK IR. YONG WUI CHUNG

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK IR. YONG WUI CHUNG minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah pelan dan dasar baru mengenai hala tuju negara pasca Wawasan 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membentangkan dasar dan hala tuju sosioekonomi yang baharu bagi tempoh 2018-2020 dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas pada 18 Oktober 2018 yang lalu. Dasar yang diperkenalkan dalam Kajian Separuh Penggal ini akan melengkapi inisiatif Kerajaan dalam mengukuhkan lagi asas ekonomi dan meningkatkan daya siang negara serta merancakkan pembangunan ekonomi Malaysia bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan ke arah negara maju dan inklusif.

2. Namun begitu, perancangan jangka panjang adalah diperlukan bagi menyediakan hala tuju strategik pembangunan negara. Bagi memastikan kesinambungan Wawasan 2020, pelan pembangunan sosioekonomi pasca 2020 akan dirangka dengan objektif yang jelas bagi memacu negara ke tahap pembangunan yang lebih inklusif dan bermakna. Dalam hal ini, pelan pembangunan sosioekonomi pasca 2020 akan dirangka dengan penglibatan yang menyeluruh daripada semua pihak yang berkepentingan termasuk kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri, pihak swasta, badan antarabangsa, akademia, pemimpin masyarakat dan badan bukan kerajaan. Ini penting bagi mendapat pandangan serta input yang relevan dengan isu atau keperluan kumpulan sasar terbabit bagi memastikan dasar yang dilaksanakan adalah bersifat holistik dan menepati keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memulakan kerja penyediaan pelan pembangunan pasca 2020. Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara berhubung penyediaan pelan pembangunan ini telah dikeluarkan pada 16 April 2019. Surat tersebut merupakan pemakluman kepada semua kementerian dan agensi Kerajaan bagi memulakan penyediaan pelan pembangunan tersebut termasuk

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada separuh kedua tahun 2020. Sebanyak 13 IAPG dan 47 TWG akan ditubuhkan untuk mengenal pasti isu dan cabaran bagi merangka dasar dan strategi serta program yang bersesuaian untuk penyediaan pelan pembangunan pasca 2020 ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ISA BIN AB. HAMID

TARIKH : 29 APRIL 2019

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha membaik pulih sistem bekalan air kerana ianya menjelaskan aktiviti pembelajaran dan pengajaran bagi sekolah SK Sri Sedohok, Kahang, Kluang, Johor, SK Denai, Rompin, Pahang dan SK Simpai, Pekan Pahang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Pelan Pendidikan 2013 - 2015 dalam Anjakan Keenam (Ke-6) menggariskan setiap sekolah di Malaysia, tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis, perlu mencapai tahap keperluan infrastruktur yang minimum bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, bersih, dan kondusif. Keperluan ini termasuklah akses kepada air bersih yang terawat.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan sekolah-sekolah terutamanya sekolah luar bandar mendapat bekalan air bersih dan terawat agar aktiviti pembelajaran dan pengajaran tidak terjejas. Antara kaedah yang telah dilaksanakan adalah penyediaan telaga tiub, tangki takungan air hujan, pancuran graviti dan pembekalan air secara berkala oleh syarikat bekalan air.

Merujuk kepada sekolah SK Sri Sedohok, sekolah ini mendapat bekalan air bersih dari telaga tiub yang dibina oleh syarikat Duta Sierra pada akhir tahun 2007. Telaga ini masih beroperasi dengan baik. Walau bagaimanapun, bagi menambah kuantiti air khususnya selepas asrama sekolah ini beroperasi pada tahun 2012, KPM melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kluang, Johor telah membina sebuah kolam, tangki dan pam. PPD juga mendapatkan bekalan air dari Syarikat Air Johor (SAJ) melalui lori tangki dengan kekerapan dua (2) kali seminggu.

SOALAN: 38

Bagi sekolah SK Denai, Rompin, Pahang pula bekalan air diterima melalui sistem telaga tiub yang berfungsi dan diselenggara dengan baik semenjak 2015. Manakala di SK Simpai, Pekan, Pahang pula, KPM melalui PPD Pekan telah mendapatkan bekalan air awam melalui lori tangki dua (2) kali seminggu dengan peruntukan RM10,000.00 untuk bekalan sehingga bulan Jun 2019. Di samping itu, PPD juga telah melaksanakan perolehan pada 4 Mac 2019 untuk menyambungkan sekolah tersebut ke paip bekalan air awam yang berhampiran.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM**

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan merangka sebarang pelan tindakan untuk mengembalikan keharmonian serta perpaduan di antara kaum yang kini semakin tegang dan apakah status penubuhan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sejarah membuktikan bahawa Malaysia dapat mengatasi sebarang cabaran jika rakyatnya bersatu padu dan sanggup melalui kesukaran bersama. Malah, kepelbagaian rakyat Malaysia adalah kekuatan kita. Ia tidak sepatutnya menjadi punca konflik, tetapi perlu menjadi resipi untuk mencapai kejayaan dalam pembangunan dan kemajuan sosioekonomi.

Perpaduan nasional bukanlah satu anugerah semata-mata, malah ia harus dibina, diurus dan diselenggara dengan baik agar kestabilan dan keharmonian negara dapat dikekalkan. Ikhtibarnya, kita semua perlu berganding bahu dan bersatu tenaga bersama-sama Kerajaan mengambil langkah-langkah yang positif dan membina bagi memastikan perpaduan dan keharmonian di negara ini akan terus kekal dan terpelihara.

Justeru bagi mengukuhkan keharmonian dan perpaduan antara kaum dalam kalangan masyarakat Malaysia, kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah merangka pelan tindakan yang meliputi usaha-usaha seperti berikut:

- a) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi

sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama sebagai usaha ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Penubuhannya menjadi platform untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan jurang yang menghalang perpaduan. Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sedang dalam fasa akhir dalam proses penjenamaan MKPN kepada MPKR di samping sedang dalam proses mengenalpasti dan memuktamadkan pemilihan ahli-ahli yang akan menganggotai MPKR bagi memastikan individu yang berpengalaman serta komited terhadap perpaduan negara dan kesejahteraan sosial rakyat dipilih agar mereka mempunyai kredibiliti, bersifat inklusif, terbuka, neutral dan mempunyai pandangan konstruktif serta mewakili semua lapisan masyarakat. Pelantikan Ahli Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) akan dibuat secara pentadbiran setelah berunding dan dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri kelak.

- b) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret untuk menyemarakkan perpaduan, kesepadan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.

- c) Meneliti secara mendalam model yang digunakan di negara luar bagi penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional yang akan melaksanakan fungsi seperti berikut:
- i) memupuk kesedaran dan pendidikan yang berhubung dengan keharmonian, perpaduan, integrasi dan kesamarataan.
 - ii) untuk menasihati, membantu dan mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah ke arah perpaduan nasional, integrasi, tanpa diskriminasi dan kesamarataan.
 - iii) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan diskriminasi dan mengenalpasti penyelesaian.
- d) Pembangunan Instumen Indeks Perpaduan Nasional sebagai suatu model struktur yang komprehensif di peringkat nasional untuk mengukur dan memantau tahap pencapaian perpaduan di Malaysia secara saintifik dan sistematik menggunakan data empirikal yang diperolehi daripada masyarakat Malaysia. Indeks ini dibina berdasarkan beberapa konstruk tertentu yang akan menjadi alat pemantauan peringkat nasional yang dapat memperlihatkan keperluan program intervensi sebenar oleh Kerajaan kepada masyarakat berdasarkan isu-isu semasa yang berlaku kerana nilai indeks yang diukur akan menjadi satu petunjuk sebenar pencapaian tahap perpaduan di Malaysia kelak.
- e) Menggunakan kaedah mediasi komuniti sebagai usaha berterusan untuk menangani pertikaian, pertelingkahan dan persengketaan dalam komuniti setempat yang terdiri dari

penghuni yang berbilang kaum dan agama melalui khidmat 1,130 orang mediator komuniti yang terlatih di seluruh negara. Dengan cara ini, konflik yang wujud di peringkat akar umbi dapat ditangani dengan lebih berkesan sebelum ianya menular menjadi lebih besar dan mencetuskan pergaduhan, serangan ataupun rusuhan kaum.

- f) Mengadakan kerjasama strategik dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi mengelakkan dari bekerja secara silo dengan membuat hebahan kepada komuniti di peringkat akar umbi dan kawasan kejiranannya mengenai Program Advokasi iaitu ‘Klik Dengan Bijak’ dan Kesejahteraan Siber (*Cyber Wellness*) iaitu pendedahan berkaitan dengan ketagihan dan perlindungan kanak-kanak dalam talian. Di samping itu, bekerjasama dalam pemberian latihan teknikal kepada pelbagai pihak berkepentingan seperti pemegang taruh, badan sivil (CSO) dan komuniti setempat yang mempunyai hubungan kerja rapat dengan PERPADUAN untuk membolehkan laporan terus dibuat oleh masyarakat kepada pembekal platform (*platform providers*) seperti *facebook* atau blog palsu bagi membangunkan pengguna media sosial yang lebih beretika dan bertanggungjawab terutamanya dalam menangani dan menguruskan masalah penyalahgunaan media sosial yang semakin meningkat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI HUSAM BIN MUSA

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN HAJI HUSAM BIN MUSA minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menyemarakkan industri buku di Malaysia termasuk penerbitan semula buku-buku lama selaras dengan Kuala Lumpur dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), sentiasa komited untuk menyemarakkan industri buku selaras dengan pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Pelbagai program dan aktiviti telah dirancang bagi tahun 2019 hingga 2021 untuk semua peringkat umur dan lapisan masyarakat yang bertujuan mencungkil bakat penulisan; meningkatkan penghasilan karya bermutu; dan pengadaptasian karya. Antara program utama yang telah dirancang adalah seperti berikut:

1. Pengajuran program penulisan untuk remaja dan kanak-kanak dalam negara, iaitu *Minggu Penulis Remaja* dan *Minggu Penulis Kanak-kanak*. Program ini telah melahirkan banyak penulis pelapis dan berbakat negara yang menerima pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
2. DBP juga menganjurkan *Siri Pembinaan Bakat Tunas Muda, Tunas Remaja, Bakat Siswa*, dan *Penulis* untuk pelbagai genre yang memberikan fokus kepada pembinaan bakat kanak-kanak, remaja, dan guru dalam penulisan kreatif dan ilmiah. Peserta dibimbing secara intensif untuk memastikan karya mereka boleh diterbitkan. Untuk menyemarakkan industri buku, aktiviti berbentuk pertandingan juga dilaksanakan, seperti pertandingan teater, pidato, bahasa berirama, forum, debat, bercerita, dan penulisan novel. Kesemua

SOALAN: 40

aktiviti ini memerlukan keterampilan berfikir, pengolahan bahasa, dan pengadaptasian bahan pembacaan.

3. Kempen Dekad Membaca Kebangsaan (2020-2030) turut mempergiat industri buku melalui rancangan program yang dilaksanakan. Antaranya, Festival Kesusasteraan Kanak-kanak yang memberikan fokus kepada bahan interaktif, budaya, bengkel dan penjualan buku; kempen mengangkat karya kesusasteraan kanak-kanak dan bahasa; penerbitan buku; wacana dan forum; pesta buku dan bazar buku; perkongsian dan pertukaran buku; bicara karya; Sesi Membaca Bersama-sama Kanak-kanak; dan Minggu Membaca (pada minggu pertama setiap bulan).
4. DBP juga mencetak ulang judul yang mempunyai nilai sastera yang berkualiti seperti karya Sasterawan Negara dan penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write Award) dalam usaha menobatkan lebih banyak karya tempatan yang baik ke peringkat antarabangsa. Sebanyak 74 judul telah dicetak ulang pada tahun 2018. Antara karya-karya hebat Sasterawan Negara yang telah diulang cetak oleh DBP ialah *Rimba Harapan* (karya Sasterawan Negara Keris Mas), *Sampah*, *TIVI* dan Novel *Srengenge* yang juga telah diadaptasi ke telefilem (karya Sasterawan Negara Shahnon Ahmad).

Bersempena dengan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019, sebanyak 13 judul daripada pelbagai bidang telah diulang cetak. Antaranya ialah karya Allahyarham Azizi Haji Abdullah, iaitu *Seorang Tua Di Kaki Gunung*. Selain daripada itu karya daripada Sasterawan

SOALAN: 40

Negara A.Samad Said, iaitu *Al-Amin* dan *Warkah dari Eropah* sedang diulang cetak oleh DBP.

Selain itu, KPM juga amat mengalu-alukan penerbitan semula buku-buku lama terutama yang sukar didapati di pasaran pada masa kini dan buku-buku tersebut mempunyai nilai ilmu yang tinggi untuk disebarluaskan ke seluruh negara.

Sebagai contoh, KPM melalui Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) telah menerbitkan semula tiga (3) judul buku karya Pak Sako, kumpulan puisi Sasterawan Negara Usman Awang. Manakala bagi karya terjemahan pula, ITBM telah menterjemahkan karya Agung Melayu seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Raja Pasai, Tuhfat An-Nafis dan Syair Siti Zubaidah. ITBM turut menterjemahkan karya lama Sasterawan Negara dan Pemenang Anugerah Asia Tenggara ke bahasa asing seperti *Salina, Saudara Besar dari Kuala Lumpur, Tunggul-Tunggul Gerigis, Di Mana Setangginya, Jiwa Hamba, Interlok, Seroja Masih di Kolam, Merpati Putih Terbang Lagi, Imam* dan lain-lain. Usaha ini akan dipergiatkan lagi pada masa hadapan.

5. Kajian Semula Dasar Buku Negara (DBN) dilaksanakan demi melihat kepada kepentingan industri buku kepada negara, kerajaan khususnya menerusi KPM telah berusaha mengkaji semula DBN DBN ini diharap akan menjadi penunjuk arah kepada seluruh warga industri dalam usaha memperkuuh struktur industri buku negara sesuai dengan persekitaran semasa agar selari dengan perkembangan teknologi dan sebagai persediaan untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS

TARIKH : 29 APRIL 2019

Tuan Khairul Azwan Harun minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah perkembangan rundingan penjualan minyak kelapa sawit dengan China, India, dan Eropah serta perancangan Kerajaan untuk meningkatkan semula harga minyak kelapa sawit di pasaran.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan berusaha untuk membentuk jalinan kerjasama perdagangan yang lebih erat dengan China, India dan Eropah bagi meningkatkan lagi eksport minyak sawit Malaysia ke negara-negara tersebut melalui memorandum persefahaman dan perjanjian perdagangan bebas. Terkini, empat (4) syarikat Malaysia telah menandatangani dokumen hasrat pembelian dengan tiga (3) syarikat dari China bagi mengeksport sebanyak 1.62 juta tan minyak sawit ke negara tersebut. Pemeteraihan dokumen hasrat pembelian antara syarikat Malaysia dan China tersebut bernilai US\$891 juta (RM3.64 billion) berdasarkan harga semasa. Pembelian minyak sawit ini dijangka dapat mengurangkan stok minyak sawit Malaysia serta meningkatkan harga komoditi ini. Pemeteraihan dokumen hasrat pembelian ini merupakan tindakan susulan kepada persetujuan yang dicapai semasa mesyuarat antara Kerajaan Malaysia dan China pada Ogos 2018 untuk meningkatkan pembelian minyak sawit Malaysia oleh negara China sebanyak 500,000 tan.

Manakala bagi negara India, eksport minyak sawit ke negara tersebut dijangka meningkat pada tahun ini berikutan penurunan duti import minyak sawit oleh negara India melalui komitmennya di bawah perjanjian *Malaysia – India Comprehensive Economic Co-operation Agreement* (MICECA). Duti import minyak sawit mentah adalah 40% dan minyak sawit proses adalah 45% berbanding kadar di bawah MFN (*Most Favoured Nation*) iaitu 44% untuk minyak sawit mentah dan 54% untuk minyak sawit proses. Melalui pengurangan duti import di bawah MICECA ini, eksport minyak sawit Malaysia dijangka akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi menstabilkan harga minyak sawit ialah dengan meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum dari Program B7 kepada Program B10 di sektor pengangkutan yang telah dimandatorikan bermula Februari 2019. Kerajaan juga akan melaksanakan Program B7 di sektor industri bermula Julai 2019 secara mandatori. Pelaksanaan program ini dijangka melibatkan pertambahan penggunaan minyak sawit untuk biodiesel sebanyak 761,000 tan setahun. Ini akan menyumbang kepada pengurangan stok minyak sawit tempatan dan seterusnya memperkuuhkan harga minyak sawit.

Langkah-langkah jangka sederhana dan panjang untuk memperkuuhkan harga sawit termasuk menjadikan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) mandatori pada Januari 2020; menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D); meningkatkan akses pasaran di negara-negara pengimpor melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau; dan bekerjasama dengan Indonesia dan Colombia melalui *Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini, telah diadakan majlis pelancaran rasmi Kempen ‘Sayangi Sawitku’ pada 24 Mac 2019 oleh YAB Perdana Menteri. Selepas daripada majlis tersebut, didapati harga dan eksport minyak sawit telah mengalami *trend* peningkatan. Pada 25 Mac 2019, harga minyak sawit mentah (CPO) adalah RM1,885.50 se tan. Harga CPO ini sedang menunjukkan peningkatan di mana pada 11 April 2019 harga CPO adalah berada pada RM2,019.00 se tan. Bagi eksport pula, untuk tempoh Januari

SOALAN : 41

hingga Februari 2019, eksport minyak sawit telah meningkat hampir 4% kepada 2,725,119 tan berbanding 2,621,143 tan pada tempoh yang sama tahun 2018.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK JOHN AMBROSE

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pelan strategik Kementerian untuk mengurangkan jurang perbezaan digital yang besar di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pihak Kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperluaskan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara yang sekaligus mengurangkan perbezaan jurang digital di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.
2. Di antaranya adalah dengan penyediaan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di ibu negeri dan bandar-bandar utama di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB). Sehingga kini, sebanyak 260 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 23 ibusawat di Sabah dan Sarawak.
3. Selain itu, pihak Kerajaan juga turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Lebih daripada 61 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 103 ibusawat di Sabah dan Sarawak, manakala sebanyak 22 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2019 di bawah projek SUBB dan RBB.

SOALAN : 42

4. Pihak Kerajaan juga turut melaksanakan inisiatif Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Sehingga kini sebanyak 767 menara komunikasi baharu telah siap dibina manakala 94 menara masih dalam peringkat pelaksanaan di Sabah dan Sarawak. Selain itu, sebanyak 2,253 menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G/4G manakala 156 menara komunikasi sedia ada masih dalam peringkat penaiktarafan di Sabah dan Sarawak.
5. Selain itu, pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Sistem Kabel Dasar Laut yang menghubungkan Semenanjung ke Sabah dan Sarawak yang bertujuan untuk meningkatkan kelajuan internet terutamanya di Sabah dan Sarawak dengan pemasangan rangkaian kabel gentian optik dasar laut berkapasiti 4 tarabit sesaat dengan jumlah jarak keseluruhan melebihi 3,800 kilometer.
6. Untuk perancangan seterusnya, pihak Kerajaan juga telah merangka draf Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, (“NFCP”)) bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH

TARIKH : 29 APRIL 2019 (ISNIN)

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kesediaan pihak guru dan tindakan Kementerian untuk memastikan pedagogi baru yang diperkenalkan dapat dijalankan dengan baik dan berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jemaah Nazir telah menyediakan instrumen Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Standard 4, SKPMg2) yang diguna pakai oleh semua guru sekolah KPM sebagai satu panduan pelaksanaan “pedagogi baharu”. Instrumen ini mengandungi elemen berkaitan pedagogi baharu seperti Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) yang menggalakkan murid berkomunikasi, berkolaboratif dan berfikir secara kritis dan kreatif. Instrumen ini juga mementingkan aktiviti yang membolehkan murid membuat keputusan menyelesaikan masalah serta meningkatkan kemahiran pembelajaran kendiri.

Untuk makluman, konsep PAK21 merupakan proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti (4K) dan aplikasi nilai dan etika (1N). KPM sentiasa memastikan kesediaan sekolah dan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) PAK21 dengan berkesan.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2018, pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), *School Improvement Partner (SIP+)* serta *School Improvement Specialist Coaches (SISC+)* telah memberi taklimat dan bimbingan kepada sekolah di seluruh negara bertujuan mengupayakan guru melaksanakan pedagogi berasaskan PAK21 dan seterusnya memberi manfaat kepada semua murid di semua peringkat. Selain itu, Kit Penerangan PAK21 juga telah disediakan dan ditatar kepada pegawai KPM, JPN dan PPD.

SOALAN: 43

KPM telah mengambil langkah proaktif dengan mengenal pasti guru-guru yang telah mengamalkan konsep PAK21 dalam proses PdP. Seramai 10 orang guru Adiwira PAK21 telah dipilih melalui *PAK21 Teacher's Campaign* yang diumumkan pada 5 April 2019. Adiwira PAK21 ini juga dikenal pasti sebagai guru yang berpengaruh dan mempunyai ramai pengikut di media sosial, selain berperanan sebagai *influencer* atau figura yang menjadi ikutan guru. Kaedah menonjolkan figura guru yang menjadi ikutan ramai guru lain didapati berkesan dalam mempercepatkan proses kefahaman dan amalan konsep PAK21 dalam kalangan guru.

Selain itu, pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) turut memberi penekanan kepada pembelajaran secara mendalam melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang berfokus kepada pembelajaran berasaskan inkuiiri, penyelesaian masalah, pembelajaran kontekstual, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berasaskan projek dan pendekatan STEM. Pendekatan PdP ini diharap dapat mengurangkan pembelajaran secara hafalan dan dapat mempertingkatkan kemahiran pemikiran kritikal dalam kalangan murid.

Sekian, terima kasih

SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS

TARIKH : 29 APRIL 2019

PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian berkaitan dengan isu penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW dan Islam.

SOALAN: 44

JAWAPAN:

(YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius dengan tidak pernah dan tidak akan berkompromi perbuatan atau perlakuan yang bersifat menghina nabi Muhammad SAW, agama Islam atau agama-agama lain kerana ini boleh menggugat perpaduan dan keharmonian kaum dan masyarakat dalam negara ini.

Selain itu, dalam komitmen kerajaan terhadap isu ini, Unit Pemantauan Isu Hina Agama telah diwujudkan pada 7 Mac 2019 sebagai penambahbaikan kepada fungsi Jawatankuasa bersama antara JAKIM/JAIN dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Salah satu fungsi unit tersebut adalah untuk memantau penulisan atau komen yang bersifat menghina agama Islam (Allah, Nabi, ayat-ayat al-Quran dan perkara-perkara berkaitan).

Aduan yang diterima akan ditapis dan disalurkan kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Sehingga 17 April 2019, sebanyak 16,908 mesej aduan telah diterima daripada 2939 orang pengadu melalui talian tersebut. Setelah disaring, sebanyak 54 aduan telah dipanjangkan kepada SKMM untuk tindakan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' CHAI KIM SEN

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATO' CHAI KIM SEN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah statistik fasiliti atau peralatan biomedikal seperti CT scan, PET scan dan MRI yang terdapat di setiap hospital awam dan pusat kesihatan primer negara. Adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan jumlah peralatan biomedikal ini.

JAWAPAN :

Yang di-Pertua,

Peralatan pengimbas seperti CT Scan, MRI dan PET Scan adalah antara modaliti yang digunakan dalam menyokong saringan, diagnostik, pemantauan penyakit dan membantu dalam perawatan penyakit. Terdapat modaliti pengimejan yang lain seperti *Ultrasound, General X-ray, Fluoroscopy, Mammography* yang juga boleh digunakan dalam menyokong tujuan yang dinyatakan seperti di atas.

Peralatan pengimbas pemeriksaan khas ini hanya ditempatkan di hospital-hospital yang mempunyai pakar perubatan dalam bidang Radiologi dan Perubatan Nuklear dan bukannya di semua hospital atau klinik kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ini adalah kerana pengendalian pesakit, proses kerja perkhidmatan dan analisa pengimejan pemeriksaan radiologi khas ini memerlukan kepakaran yang diiktiraf.

Sehingga kini, terdapat **65** mesin CT dan **32** mesin MRI di hospital Kerajaan. Kesemua 14 buah hospital negeri telah dilengkapi dengan mesin CT dan MRI. Bagi hospital berpakar major, kesemuanya juga telah dilengkapi dengan mesin CT dan 15 hospital daripadanya dilengkapi dengan MRI manakala 11 hospital daripada 28 hospital berpakar minor telah mempunyai mesin CT. Kemudahan 2 mesin PET Scan boleh didapati di hospital awam iaitu di Institut Kanser Negara dan Hospital Pulau Pinang.

Yang di-Pertua,

Kementerian sememangnya sentiasa komited dalam mempertingkatkan kemudahan akses terhadap perkhidmatan ini berikutan peningkatan beban kerja dari tahun ke tahun. Oleh yang demikian, KKM merancang untuk melengkapkan lagi hospital berpakar minor dengan mesin CT dan lebih banyak hospital berpakar major dengan mesin MRI. Namun demikian, bagi perkhidmatan yang berteknologi dan berkemahiran tinggi seperti PET Scan, KKM akan membangunkannya secara regional kerana faktor utama seperti peruntukan yang besar dan keperluan kumpulan tenaga sumber manusia yg berkemahiran tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD

TARIKH : 29 APRIL 2019 (ISNIN)

Dato' Sri Khairudin Samad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk mensyaratkan setiap sekolah untuk membuat ujian saringan DASS (Depression Anxiety Stress Scales) bagi mengenal pasti status kesihatan mental seseorang guru dan dapat mengenal pasti tahap stres, kebimbangan dan kemurungan. Jika ada, apakah tindakan selepas seseorang guru didapati mempunyai tahap stres, kebimbangan dan kemurungan di tahap yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehingga kini tidak mensyaratkan penggunaan ujian saringan *Depression Anxiety Stress Scales* (DASS) bagi mengenal pasti status kesihatan mental guru. KPM mempunyai prosedur bagi menguruskan guru-guru yang disahkan menghidap penyakit mental. Guru-guru tersebut akan dirujuk kepada pegawai perubatan untuk pengesahan dan mendapatkan rawatan dan boleh dirujuk kepada Lembaga Perubatan.

Sekiranya guru-guru yang menghadapi penyakit ini tidak dapat memberi tumpuan kepada pengajaran di dalam kelas, mereka akan ditempatkan di jawatan kumpulan bagi membolehkan mereka mendapatkan kaunseling dan rawatan di hospital supaya tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru yang menghidap penyakit mental yang serius boleh ditamatkan perkhidmatan atas sebab kesihatan atau keperluan perkhidmatan.

Selain itu, KPM melalui Sektor Psikologi dan Kaunseling di Jabatan Pendidikan Negeri dan Unit Psikologi dan Kaunseling, Pejabat Pendidikan Daerah telah mengambil inisiatif menghantar borang rujukan sesi kaunseling kepada setiap sekolah untuk merujuk guru-guru yang mempunyai isu berkaitan kebimbangan, kemurungan dan stres. Setelah dikenal pasti, sesi kaunseling akan dijalankan kepada guru yg mengalami tahap stres, kebimbangan dan kemurungan yang tinggi. Kaunselor

SOALAN: 46

organisasi akan mencadangkan klien untuk dirujuk kepada pakar psikiatri sekiranya perlu.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF**

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan menyatakan perincian program Kepimpinan Masa Depan terutama sekali bagi mewujudkan pemimpin-pemimpin masa depan di kawasan-kawasan desa.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Konsep Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) adalah berdasarkan kepada lima (5) elemen iaitu kepimpinan, pembentukan watak dan jati diri, kenegaraan, kesukarelawanan dan keusahawanan di samping penekanan kepada nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Fokus MFLS jelas terarah kepada pembentukan bakat kepimpinan generasi muda. Dalam konteks ini, Kementerian berhasrat untuk menyediakan satu platfrom khusus bagi mempersiapkan *future-ready leaders* yang akan menjadi tonggak kepimpinan pelbagai sektor di masa hadapan.
2. 35,000 orang pelajar sekolah akan menyertai program dan proses pemilihan dikendalikan sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peserta yang dipilih adalah merupakan warganegara Malaysia yang berumur antara 15 hingga 17 tahun dan terdiri daripada pelbagai kaum.
3. Selain MFLS, program pembangunan generasi muda amnya turut dirancang untuk diadakan dalam bentuk bengkel, seminar dan kursus yang menjurus kepada bidang keusahawanan, kenegaraan, modal insan dan kepimpinan.

SOALAN : 47

4. Pelaksanaan MFLS akan dibuat dalam tiga (3) Tier. Tier 1 adalah peringkat saringan untuk memilih peserta ke Tier 2. Proses pemilihan dan saringan telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui sekolah bagi memilih seramai 35,000 pelajar untuk ke Tier 2. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 2,500 orang pelajar terdiri daripada orang asli dan luar bandar.
5. 2,500 orang pelajar orang asli dan luar bandar yang menyertai MFLS diharap akan menjadi pemangkin kepada pembangunan kepimpinan masa hadapan dan berkebolehan untuk menyumbang di peringkat komuniti di kawasan-kawasan desa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik bilangan graduan perubatan dan bilangan kekosongan perjawatan pegawai perubatan di negara ini pada masa ini.

JAWAPAN :

Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2018, terdapat sebanyak 5,417 graduan perubatan keluaran dari universiti tempatan yang mana jumlah ini merangkumi 2,567 keluaran universiti awam dan 2,850 dari universiti swasta. Bagi statistik graduan pada tahun 2018 yang mendaftar dan dilantik oleh SPA, jumlahnya adalah pula adalah sebanyak 4,924 yang merangkumi 3,498 universiti tempatan (universiti awam dan swasta) dan 1,426 universiti luar negara.

Bagi menjawab pertanyaan mengenai bilangan kekosongan perjawatan pegawai perubatan, ianya bergantung kepada jumlah baki slot latihan di 47 Hospital Latihan Siswazah (HLS). Pada masa ini, jumlah keseluruhan slot latihan adalah sebanyak 11,913 dengan pengisian sebanyak 10,677. Berdasarkan jumlah ini, baki slot latihan adalah sebanyak 1,236. Baki kekosongan tersebut akan diisi dengan lantikan baharu PPS pada 22 April 2019. Kekosongan slot latihan ini juga akan bertambah dari semasa ke semasa apabila PPS yang sedang menjalani latihan siswazah menamatkan latihan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL SINGH

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL SINGH minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan dan langkah diambil untuk membantu murid-murid lepasan SPM dan STPM yang mendapat keputusan Cemerlang (all 'A') tetapi tidak mendapat tempat di Universiti Tempatan khususnya dari kategori B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin dan sentiasa membantu pelajar untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi khususnya kepada golongan B40. Pada Sesi Akademik 2018/2019, semua calon cemerlang iaitu seramai 9,225 orang pelajar yang memperolehi keputusan semua A (A+,A,A-) dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan PNGK 4.00 bagi lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/setaraf yang memohon melalui UPU *Online* telah ditawarkan tempat pengajian di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA).

KPM telah mengambil inisiatif mengadakan program Jom Masuk IPT 2019 di enam (6) zon seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran kepada semua agar tidak ketinggalan dalam mendapat maklumat berkenaan permohonan UPU *Online*. KPM juga melaksanakan Program *Outreach* Jelajah UPU2U untuk memberi tumpuan kepada kumpulan fokus dalam menyebar luas peluang pendidikan tinggi dan pembaharuan-pembaharuan dalam permohonan UPU *Online* serta memudahkan dan membantu pelajar dalam sesi konsultasi serta bimbingan dalam membuat pilihan yang tepat dalam permohonan kemasukan ke IPTA dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DR. YAAKOB BIN SAPARI

TARIKH : 29 APRIL

DR. YAAKOB BIN SAPARI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan persekutuan bercadang untuk membina Wisma Persekutuan di negeri Selangor memandangkan pejabat-pejabat agensi persekutuan bertaburan di pelbagai lokasi.

JAWAPAN:

YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH JPM) terdapat dua Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan (BGKP) di negeri Selangor yang menempatkan pejabat-pejabat jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan, iaitu:

- i. Bangunan Persekutuan Petaling Jaya; dan
- ii. Wisma Persekutuan Klang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini BPH JPM belum mempunyai perancangan untuk membina BGKP tambahan di Selangor. Walau bagaimanapun, BPH JPM akan menilai semula tahap keperluan BGKP berkenaan dari masa ke masa berdasarkan input-input daripada jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan di Selangor selain turut mengambil kira kos pembinaan dan kos penyelenggaraan jangka panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' ZAHARI BIN SARIP

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATO' ZAHARI BIN SARIP minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini penguatkuasaan larangan merokok oleh Kerajaan di semua restoran, warung dan kedai makan termasuk yang telah diambil tindakan seperti diberi amaran, didenda dan sebagainya.

JAWAPAN :

Yang di-Pertua,

Pewartaan kawasan larangan merokok di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004) adalah bertujuan untuk melindungi golongan orang ramai terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok. Ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia kepada Artikel 8, WHO *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC). Selain daripada itu, tujuan lain adalah untuk membudayakan amalan tidak merokok dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan menghadkan kawasan yang dibenarkan merokok terutama di kawasan tumpuan orang awam.

Larangan merokok di tempat makan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil pendekatan “soft approach” dengan memulakan aktiviti penguatkuasaan pendidikan sehingga Jun 2019 bagi memberi peluang kepada segenap lapisan masyarakat mengubah tabiat merokok sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Aktiviti penguatkuasaan pendidikan yang dijalankan merangkumi aktiviti pemakluman berkenaan tempat-tempat larangan merokok melalui edaran risalah, media massa, media sosial dan secara bersemuka. Aktiviti Penguatkuasaan Pendidikan juga merangkumi aktiviti memperingatkan Tuan Punya Premis akan tanggungjawab

SOALAN : 51

mereka untuk meletakkan tanda larangan merokok dan memastikan tiada orang merokok sebagaimana Peraturan 12, Peraturan- Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Sehingga 24 Mac 2019, sebanyak **25,574** amaran bertulis telah dikeluarkan di mana **23,528** adalah amaran kepada Tuan Punya Premis yang gagal meletakkan tanda amaran merokok dan **2046** amaran kepada individu yang masih merokok di tempat makan. Selepas tempoh penguatkuasaan pendidikan, penguatkuasaan sepenuhnya akan dilaksanakan bermula Julai 2019.

Yang di-Pertua,

KKM juga komited untuk memastikan mereka yang telah terjebak dengan tabiat merokok diberikan rawatan melalui Perkhidmatan berhenti merokok mQuit. Perkhidmatan ini telah diperluaskan bukan sahaja di fasiliti awam seperti klinik kesihatan dan hospital malahan di fasiliti-fasiliti swasta termasuk rangkaian farmasi komuniti, hospital dan klinik swasta. Selain itu, semenjak pewartaan tempat makan sebagai tempat dilarang merokok, laman web jomquit.moh.gov.my yang disediakan bagi kemudahan golongan perokok untuk mendaftarkan diri ke mana-mana perkhidmatan berhenti merokok telah menunjukkan sambutan luar biasa di mana sehingga awal bulan April 2019, seramai 508 orang telah berdaftar untuk berhenti merokok.

Oleh itu, KKM berpandangan bahawa pewartaan tempat makan sebagai tempat dilarang merokok adalah satu langkah yang positif bagi meningkatkan tahap kesihatan seluruh rakyat Malaysia. Pelaksanaan

SOALAN : 51

ini juga dapat membudayakan amalan tidak merokok terutama di kalangan kanak-kanak dan remaja dalam menuju hasrat Kerajaan bagi mencapai sebuah Negara yang bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok. KKM juga komited untuk terus meluaskan pewartaan tempat dilarang merokok terutama di tempat-tempat awam demi melindungi kesihatan masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATIN RAHIMAH BINTI HAJI
MAHAMAD**

TARIKH : 29 APRIL 2019

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan menyatakan senarai projek-projek pembangunan infrastruktur yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2019 dan 2020.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada kedudukan kewangan Kerajaan pada masa kini, Kerajaan lebih memberi perhatian kepada pelaksanaan projek-projek yang memberi manfaat terus kepada rakyat (mesra rakyat dan berimpak tinggi) seperti pembinaan menaiktaraf jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, keselamatan, kesihatan, sekolah dan rumah ibadat berbanding pelaksanaan projek mega berimpak tinggi.
2. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek-projek sedia ada yang telah diluluskan sebelum ini dalam usaha berterusan untuk memacu ekonomi negara. Sebanyak 709 projek dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2019, yang turut termasuk projek-projek pembangunan infrastruktur seperti berikut:
 1. Landasan Berkembar Ipoh-Padang Besar bernilai RM16.2 bilion;
 2. Perumahan Untuk Rakyat : PRIMA bernilai RM8.4 bilion;
 3. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Sarawak bernilai RM5.5 bilion;
 4. *Central Spine Road Pakej 4* : Kg. Bapong - Penjom - Segalama - Kuala Dong - Kg. Tanah Bercangkul, Raub bernilai RM1.3 bilion;
 5. Rancangan Tebatan Banjir Kedah: Sungai Muda bernilai RM1.3 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN SOPIAH BINTI SHARIF

TARIKH : 29 APRIL 2019

PUAN SOPIAH BINTI SHARIFF minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berhubung dengan Akta Profesional Kesihatan Bersekutu 2016 (iaitu Akta 774), yang diwartakan pada 18 Februari 2016. Bilakah Akta 774 ini akan dikuatkuasakan dan apakah tindakan-tindakan proaktif yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan Akta ini dapat berkuat kuasa sepenuhnya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Akta Profesional Kesihatan Bersekutu 2016 (Akta 774) telah diwartakan pada 18 Februari 2016. Akta ini diwujudkan bertujuan untuk menubuhkan sebuah Majlis yang akan dikenali sebagai Majlis Profesional Kesihatan Bersekutu Malaysia. Majlis ini akan dipertanggungjawabkan untuk mendaftarkan orang yang mengamal sebagai pengamal kesihatan bersekutu dan juga orang yang menjalankan aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu serta mengawal selia amalan Profesional Kesihatan Bersekutu. Terdapat sejumlah 23 profesion kesihatan bersekutu yang tersenarai dalam Jadual Kedua Akta Profesional Kesihatan Bersekutu. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam usaha untuk menguatkuasakan Akta Profesional Kesihatan Bersekutu 2016 merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Draf Peraturan-Peraturan Akta Profesional Kesihatan Bersekutu 2019 (*sedang dalam semakan Jabatan Peguam Negara*);
- ii. Draf Kod Etika dan Kod Tata Kelakuan Pengamal;
- iii. Pembangunan Syarat dan Kelayakan untuk pendaftaran;
- iv. Pembangunan standard program pengajian; dan

SOALAN : 53

v. Konsultasi bersama pengamal dan pihak berkepentingan.

Akta Profesional Kesihatan Bersekutu dijangka akan dikuatkuasakan selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2019 setelah Peraturan-Peraturan Akta Profesional Kesihatan Bersekutu 2019 mendapat persetujuan dan kelulusan dari Jabatan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ALAN LING SIE KIONG

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN ALAN LING SIE KIONG minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini dalam usaha mencari dan menangkap Low Taek Jho dan bapanya Low Hock Peng.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Penama Low Taek Jho atau dikenali dengan Jho Low dan bapanya Low Hock Peng adalah dikehendaki bagi membantu siasatan berhubung skandal Syarikat 1 Malaysia Development Berhad [1MDB]. Pihak Kerajaan telah mendapatkan Red Notice dari Interpol terhadap kedua-duanya dan tindakan mengesan kedua-dua individu tersebut sedang diteruskan dengan kerjasama negara-negara lain.

Satu mesyuarat *task-force* melibatkan Malaysia, Amerika Syarikat, Switzerland dan Singapura telah diadakan di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya pada 18 dan 19 September 2018 berhubung siasatan dan keterangan melibatkan kes 1MDB. Mesyuarat juga membincangkan usaha untuk mengesan Jho Low dan usaha menyita aset-aset berkaitan 1MDB yang berada di luar negara.

Setakat ini masih tiada maklumat yang boleh mengesahkan bahawa Jho Low kini bersembunyi di negara China.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI HUSAM BIN
MUSA**

TARIKH : 29 APRIL 2019 (ISNIN)

TUAN HAJI HUSAM BIN MUSA minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan ubatan dan rawatan berasaskan kanabis perubatan dan sejauh manakah potensi perubatan, pasaran dan peluang ekonomi dari bidang ini.

JAWAPAN :

Yang di-Pertua,

Buat masa ini belum ada kajian keberkesanan penggunaan ubatan dan rawatan berasaskan kanabis perubatan serta tiada ubatan berasaskan kanabis yang diluluskan untuk penggunaan di Malaysia.

Kajian potensi perubatan bahan-bahan aktif kanabis terutamanya *tetrahydrocannabinol* (THC) dan *cannabidiol* (CBD) telah dijalankan di luar negara bagi rawatan simptom penyakit seperti loya dan muntah yang teruk, tahan sakit, kemurungan, masalah psikiatri, glaukoma dan sawan yang berterusan.

Walau bagaimanapun, kajian ke atas penggunaan perubatan kanabis yang mengandungi THC telah melaporkan kesan-sesan sampingan jangka pendek dan janka panjang termasuk masalah psikiatri, masalah kognitif, masalah jantung dan kesan-kesan pada hati dan sistem reproduktif.

Potensi perubatan, pasaran dan peluang ekonomi ubat-ubat berasaskan kanabis di Malaysia perlu dikaji dengan lebih mendalam dengan mengambil kira potensi keberkesanan serta keselamatan produk tersebut. Oleh demikian, pihak yang ingin menjalankan kajian ke atas kanabis berkaitan penyakit boleh membuat permohonan kepada pihak Kementerian Kesihatan untuk dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN AKNAN A/L EHTOOK

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN AKNAN A/L EHTOOK minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab mengapa Kementerian memilih untuk merujuk kepada Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dalam memproses permohonan kewarganegaraan berbanding Perkara 14 yang memperuntukkan bahawa seseorang yang dilahirkan pada atau selepas Hari Malaysia ialah warganegara jika sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara atau bermastautin secara tetap di Persekutuan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan adalah merujuk kepada pemerolehan kewarganegaraan melalui pendaftaran dan boleh dikemukakan oleh ibu/bapa/penjaga yang sah sebelum kanak-kanak berumur melebihi 21 tahun, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN.82.1964] dan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran, pengangkatan yang sah serta lain-lain perundangan berkuat kuasa.

Manakala, Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan adalah merujuk kepada pemerolehan kewarganegaraan melalui kuatkuasa undang-undang, iaitu secara automatik. Kanak-kanak yang lahir di negara ini dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan akan terus ditentukan sebagai seorang warganegara Malaysia dan taraf kewarganegaraan ini akan direkodkan dalam Sijil Kelahiran kanak-kanak berkenaan. Syarat-syarat yang ditetapkan adalah merujuk kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kanak-kanak berkenaan sewaktu kelahiran beliau. Sekiranya syarat-syarat ini tidak dapat dipatuhi, maka kanak-kanak tiada hak menuntut kewarganegaraan Malaysia melalui kuatkuasa undang-undang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PROF EMERITUS TAN SRI DATO'
SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**

TARIKH : 29 APRIL 2019

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian bagi menangani isu penggunaan sijil akademik palsu bagi memelihara integriti sistem pendidikan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius sebarang urusan yang melibatkan integriti dan pengiktirafan universiti awam (UA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS). Bagi kes sijil-sijil palsu di UA dan IPTS, KPM bertindak berdasarkan aduan yang diterima menerusi saluran aduan yang telah disediakan. Sehingga hari ini, KPM telah menerima dua (2) kes aduan yang melibatkan pemalsuan Ijazah Kedoktoran (Ph.D.) dan tindakan diambil oleh universiti berkaitan dengan membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Antara usaha-usaha yang telah diambil untuk menangani isu sijil palsu di UA dan IPTS oleh KPM adalah dengan memperkenalkan sistem pemantauan dalaman, sebagai contoh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merupakan institusi pengajian tinggi pertama menggunakan Sistem Pengeluaran dan Pengesahan Universiti atau e-Scroll yang menggunakan teknologi *Blockchain*.

Proses pengesahan dapat dibuat di seluruh dunia dengan pantas dengan mengimbas kod respon pantas atau kod QR yang dicetak pada ijazah berkenaan. Sistem e-Scroll ini turut digunakan di Universiti

SOALAN: 57

Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Dengan menggunakan sistem ini, pihak-pihak berkepentingan seperti majikan boleh membuat semakan bagi menentukan kesahihan dan ketulenan sijil tersebut.

Bagi menyokong usaha ini, KPM telah membangunkan sistem pangkalan data bagi Penerima Ijazah Kehormat dan Ph.D. di peringkat Kementerian. Pangkalan data ini melibatkan graduan Ph.D. di UA dan IPTS yang bergraduat di Malaysia sahaja. Sistem ini sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Bagi fasa seterusnya, penggunaan sistem ini akan diperluaskan ke peringkat sijil, ijazah sarjana muda dan sarjana di UA dan IPTS dalam negara dan juga kepada pengumpulan data Ph.D. dari luar negara. Semakan nama boleh dilayari di pautan berikut: <https://dohe.moe.gov.my/award/>.

Dalam konteks pengurusan pendidikan tinggi swasta, pihak Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas IPTS bagi memastikan IPTS sentiasa mematuhi akta dan peraturan di bawah Akta 555 (Akta IPTS 1996).

Bagi mengekang penularan kes-kes kelulusan akademik palsu yang semakin menjadi-jadi ketika ini, Kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif yang mencakupi langkah-langkah pemantauan dan pencegahan serta tindakan bersifat punitif sekiranya mempunyai keterlibatan IPTS antaranya; bekerjasama dengan bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menyekat akses ke laman-laman sesawang yang disyaki menawarkan atau menjual sijil palsu, perkongsian maklumat dan risikan dengan agensi

SOALAN: 57

penguatkuasaan lain, memberi penerangan dari semasa ke semasa kepada masyarakat untuk meningkatkan kesedaran, semakan status program melalui *Malaysia Qualification Agency* (MQA) atau menggalakkan penggunaan teknologi dan ciri-ciri keselamatan terkini bagi menjamin ketulenan sijil dan lain-lain lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebarang laporan berhubung perkara ini boleh dibuat kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk siasatan lanjut menerusi Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) atau Akta Akuan Berkanun 1960 atau Peraturan 4(2) (f) dan (g) di bawah KDN, Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) bagi yang melibatkan penjawat awam atau mana-mana peruntukan perundangan yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK RABIYAH BINTI ALI

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK RABIYAH BINTI ALI inta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan banduan wanita dan tahanan remaja wanita di seluruh negara dan bagaimanakah program koreksional yang bermanfaat dapat di laksana secara komprehensif agar mereka dilengkapi kemahiran dan pengiktirafan yang bersesuaian apabila menamatkan tempoh tahanan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara sehingga 8 April 2019 menunjukkan jumlah banduan wanita yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan adalah seramai 4,582 orang dan 257 orang pula adalah banduan remaja wanita yang berumur di bawah 21 tahun, sedang menjalani hukuman di seluruh institusi penjara Malaysia.

Demi kepentingan pemulihan dan asimilasi semula ke dalam masyarakat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan pelbagai program latihan kemahiran dan pemulihan untuk banduan wanita. Banduan wanita diberikan program pemulihan seperti berikut:

- i. Semua banduan wanita perlu mengikuti program pemulihan khas Jabatan Penjara iaitu Program Pembangunan Insan yang melibatkan pembentukan disiplin, pengukuhan sahsiah, kemahiran dan pemasyarakatan. Pengisian dalam program tersebut turut melibatkan kaunseling, motivasi, keagamaan, akademik, latihan kemahiran;
- ii. Dalam bidang kemahiran banduan wanita menjalani pelbagai latihan kemahiran seperti jahitan, pembuatan makanan dan kuih, kraf tangan, andaman dan kecantikan yang dipersijilkan melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN);
- iii. Banduan wanita yang berkemahiran boleh dipertimbangkan bantuan modal dari TEKUN bagi memulakan usaha sendiri setelah dibebaskan;
- iv. Banduan wanita juga boleh dilepaskan secara Perintah Parol bagi memastikan asimilasi dan adaptasi yang lebih sempurna berlaku bersama keluarga dan masyarakat;
- v. Banduan wanita boleh dipertimbang untuk dibebaskan secara sementara dalam tempoh tertentu melalui Pembebasan Berlesen.

SOALAN : 58

Pembebasan tersebut membolehkan banduan membuat persiapan sebelum tiba tarikh pembebasan sebenar;

- vi. Pelaksanaan program yang melibatkan penyertaan keluarga turut diadakan untuk banduan wanita. Berasaskan penilaian, Jabatan Penjara mendapati hubungan kekeluargaan yang kukuh merupakan sokongan yang penting kepada usaha pemulihan dan pembangunan diri banduan wanita berkenaan;
- vii. Tidak ketinggalan, banduan wanita yang berminat turut diberikan kemudahan mengikuti program akademik sehingga ke peringkat pengajian tinggi;
- viii. Selain itu, majikan yang ingin menyediakan peluang pekerjaan dalam bidang tertentu adalah digalakkan hadir untuk menemuduga banduan wanita yang berminat; dan
- ix. Setiap keperluan khusus untuk wanita daripada segi penjagaan kebersihan diri, kesihatan dan pemakanan (semasa dan selepas mengandung) serta penjagaan anak-anak diberikan keutamaan.

Manakala bagi tahanan remaja wanita yang berumur 21 tahun dan ke bawah, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia sentiasa prihatin terhadap kebajikan dan masa depan mereka terutama dalam bidang akademik serta kemahiran vokasional. Justeru itu, bagi tujuan pemulihan dan pembangunan semula juvana dan pesalah muda, Jabatan Penjara Malaysia telah mewujudkan peluang pendidikan dan kemahiran *TVET* sebagai ‘nilai tambah’ dalam melengkapkan diri mereka untuk menghadapi alam pekerjaan setelah dibebaskan.

Kementerian dalam Negeri bersama Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama pelbagai Agensi telah memperkenalkan beberapa program kemahiran dan persijilan dalam bidang-bidang yang boleh dimanfaatkan, setelah mereka selesai menjalani hukuman.

Antara program tersebut adalah seperti:

- i. Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Melalui Kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang merupakan program persijilan

SOALAN : 58

bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) sebagai agensi pentaulahan. Bersesuaian dengan tempoh tahanan dan fasa pemulihan yang perlu dijalani, penghuni juvana boleh mengikuti Program SKM-SLDN pada Tahap 1 dan 2 dalam 10 bidang yang ditawarkan Jahitan Pakaian, Fabrikasi Logam, Pembuatan Perabot, Paip, Elektrik, Automotif, Pembuatan Pastri, Landskap, Tanaman Sayuran dan Muzik;

- ii. Pelaksanaan latihan kemahiran jangka pendek (kursus modular) turut diberikan khusus kepada penghuni juvana dalam bidang kemahiran antaranya fertigasi cili dan jahitan baju melayu anjuran Kolej Komuniti Selendar & Kolej Komuniti Bukit Beruang, Kementerian Pendidikan Malaysia;
- iii. Manakala dalam bidang akademik pula, penghuni juvana amat digalakkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Sehubungan itu, sekolah dan pusat untuk pengajian tinggi diwujudkan di penjara dan juga Sekolah *Henry Gurney*. Statistik yang berakhir pada 31 Mac 2019 menunjukkan seramai 817 orang penghuni sedang mengikuti Program Akademik di 9 buah Sekolah Integriti dan juga di 3 buah Sekolah *Henry Gurney*. Pada masa kini, terdapat seramai 33 orang pelajar yang sedang menyambung pelajaran di peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) yang mana sebahagiannya merupakan juvana daripada Sekolah Integriti;
- iv. Pada tahun 2018, pencapaian penghuni yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah menunjukkan peningkatan yang membanggakan. Seramai 160 orang calon mengambil peperiksaan tersebut dan seratus peratus calon lulus peperiksaan tersebut. Manakala, pada tahun 2019, seramai 162 orang juvana akan menduduki peperiksaan SPM; dan
- v. Bagi penghuni yang terpilih dari Sekolah *Henry Gurney* mereka boleh dipertimbangkan pembebasan berlesen (pembebasan awal), sekiranya mereka mendapat tawaran pekerjaan yang bersesuaian atau menyambung pelajaran di peringkat pengajian tinggi.

SOALAN : 58

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia sentiasa memastikan program kemahiran dan pendidikan kepada penghuni wanita khususnya diperkasakan dan ditambahbaik dari masa ke semasa dengan kerjasama Agensi berkaitan, agar golongan ini bersedia menghadapi alam pekerjaan setelah dibebaskan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK HAJI ABIDULLAH BIN
SALLEH**

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK HAJI ABIDULLAH BIN SALLEH minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan agensi di bawah Kementerian yang akan dibubarkan atau digabungkan selaras dengan pelan penjimatan dan pengecilan perkhidmatan awam yang di cadangkan oleh Kementerian Kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga masa kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum bercadang membubarkan agensi di bawah KPM. Walau bagaimanapun, semasa penggabungan KPM dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berkuat kuasa mulai 1 September 2018, beberapa bahagian daripada Sektor Pengajian Tinggi dan Sektor Pendidikan yang mempunyai fungsi yang sama telah digabungkan.

Antara Bahagian di bawah KPM yang digabungkan adalah seperti Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa KPM dan Bahagian Hubungan Antarabangsa KPT, Bahagian Perolehan KPM dan Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset KPT, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KPM, Bahagian Pembangunan dan Unit Pengurusan Sumber Manusia KPT serta Bahagian Pengurusan Biasiswa dan Pembiayaan KPM dan Bahagian Biasiswa KPT.

Sekian, terima kasih

SOALAN : 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN EGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING

TARIKH : 29 APRIL 2019

PUAN LIM HUI YING minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan rancangan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam keahlian lembaga pengarah syarikat untuk merealisasikan agenda 30 peratus wanita.

SOALAN : 60

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak Kerajaan mengumumkan sasaran 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan pada tahun 2011, maka salah satu indikator yang digunakan untuk mengukur pencapaian ini di sektor swasta adalah melalui jumlah pengisian wanita bagi kerusi Ahli Lembaga di syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia . Dalam hal ini, berdasarkan statistik pada tahun 2018, sebanyak 15.7 peratus daripada 6,245 kerusi Lembaga Pengarah diisi oleh wanita. Bagi 100 syarikat utama yang tersenarai di Bursa Malaysia pula, menunjukkan pengisian wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah seramai 24.4 peratus pada tahun 2018 berbanding 19.27 peratus pada tahun 2017.

Bagi meningkatkan penglibatan wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dan ini termasuklah dengan penubuhan kelab 30% Malaysia dan Pelancaran Kod Bagi Tadbir Urus Korporat Malaysia pada tahun 2017 yang menetapkan sasaran pengisian oleh wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah wanita di 100 syarikat-syarikat tersenarai awam. Selain itu, Kelab 30% Malaysia turut bekerjasama dengan beberapa pihak pengendali latihan dalam melatih dan meningkatkan kemahiran wanita melalui program *mentoring*. Pihaknya turut melaksanakan sesi libat urus berterusan dengan pelbagai pihak bagi menekankan kepentingan *gender diversity* dalam satu-satu organisasi. Kementerian ini juga menyokong usaha tersebut dengan melaksanakan pelbagai program pembangunan kapasiti yang bukan sahaja tertumpu kepada peserta dalam kalangan penjawat awam tetapi juga diperluaskan kepada

SOALAN : 60

peserta daripada sektor swasta bagi mempersiapkan mereka dengan kemahiran yang bersesuaian untuk menduduki jawatan di peringkat pembuat keputusan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG

TARIKH : 29 APRIL 2019

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sebab kelewatan pembayaran Bantuan Musim Tengkujuh oleh RISDA kepada pekebun-pekebun kecil di Sabah sedangkan peruntukan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan sejak awal tahun lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak kerajaan telah mengumumkan ketetapan Bantuan Musim Tengkujuh Tahun 2018 (BMT 2018) dilaksanakan dengan dua peringkat bayaran iaitu RM300 pada bulan Disember 2018 dan RM300 pada Januari 2019. Peruntukan keseluruhan sebanyak RM164,783,400 kepada 274,639 orang pekebun kecil getah RISDA.
2. Pembayaran telah berjaya dilaksanakan tanpa kelewatan kepada pekebun kecil yang datanya telah lengkap di dalam rekod RISDA iaitu seramai 231,454 orang pekebun kecil dengan jumlah bayaran sebanyak RM138,872,400 yang dibuat secara dua peringkat iaitu pada 31 Disember 2018 dan pada 15 Januari 2019.
3. Manakala, bagi seramai 22,552 orang pekebun kecil yang datanya tidak lengkap, selepas mereka selesai mengemaskini data, pada 8 Mac 2019 RISDA telah dapat membuat pembayaran sebagai fasa kedua melibatkan bayaran sebanyak RM13,531,200.
4. Bagi pembayaran BMT 2018 di negeri Sabah, seramai 5,935 orang pekebun kecil dan penoreh termasuk peserta di bawah Agensi lain di Sabah telah menerima faedah dari pelaksanaan inisiatif ini dengan bayaran sebanyak RM3,561,000. Pembayaran

SOALAN : 61

telah dibuat untuk Fasa 1 melibatkan 5,448 orang pekebun kecil dan penoreh dengan bayaran sebanyak RM3,268,800.

5. Bayaran Fasa 1 dibuat secara dua peringkat iaitu Peringkat Pertama sebanyak RM300/penerima pada 31 Disember 2018 dan Peringkat Kedua sebanyak RM300/penerima pada 15 Januari 2019. Bayaran Fasa 2 sebanyak RM600/penerima telah dibuat setelah pekebun kecil mengemaskinikan maklumat asas mereka, iaitu melibatkan 487 orang pekebun kecil dan penoreh dengan bayaran sebanyak RM292,200 dibuat pada 8 Mac 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR

TARIKH : 29 APRIL 2019 (ISNIN)

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengesyorkan Pendidikan Teknik dan Latihan Vokasional (TVET) dapat menarik minat pelajar dengan menyingkirkan persepsi dan perspektif pelajar bahawa kursus ini adalah untuk golongan yang berpendapatan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dan sedang berusaha mengemudi semula pandangan sarwa masyarakat terhadap kebolehan manusiawi itu sendiri. Manusia mempunyai bakat dan kebolehan yang berbeza berdasarkan lahiriah, ada yang mempunyai kecenderungan dalam sukan, kesenian dan sebagainya. Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) memberi peluang kepada bidang selain akademik untuk menyumbang kepada negara. Pencapaian akademik bukanlah kayu ukur tunggal dalam menentukan kejayaan seseorang.

Dalam usaha untuk menarik minat pelajar untuk menceburi bidang TVET, KPM telah membangunkan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Melalui sistem ini, dokumen *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* akan diguna pakai dalam pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET oleh MQA dan JPK. Selain itu, Jawatankuasa Teknikal Bersama Jaminan Kualiti TVET (JTC Jaminan Kualiti TVET) akan ditubuhkan bagi menyelaras dasar dan proses jaminan kualiti program TVET. Ini juga akan memberikan penambahbaikan laluan pendidikan graduan TVET seperti berikut:

SOALAN: 62

1. Graduan TVET pada tahap Diploma dan Diploma Lanjutan boleh melanjutkan pengajian ke tahap Sarjana Muda dan seterusnya ke tahap Sarjana dan Kedoktoran;
2. Graduan TVET disyorkan kekal melalui laluan TVET sekurang-kurangnya sehingga tahap diploma untuk mendapatkan manfaat kemajuan pembelajaran maksimum. Keperluan SPM/setara tidak dikenakan kepada pelajar TVET yang melalui pengajian tanpa Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
3. Institusi perlu menetapkan syarat kemasukan, saringan, bimbingan dan pindah kredit secara bersesuaian. Dalam hal ini, institusi digalakkan untuk mereka bentuk program sama ada berbentuk akademik atau TVET yang memberi laluan *seamless* kepada graduan TVET;
4. Pelajar boleh melanjutkan pengajian ke mana-mana tahap program TVET melalui pengiktirafan pembelajaran terdahulu (APEL) yang dilaksanakan oleh MQA dan JPK; dan
5. Keberkesanan pelaksanaan artikulasi TVET akan dipantau, disemak semula dan disesuaikan dengan situasi semasa oleh JTC Jaminan Kualiti TVET.

Usaha bersepada untuk mengubah persepsi masyarakat telah dilaksanakan oleh sembilan (9) kementerian penyedia TVET termasuk KPM. Antara strategi yang telah dilaksanakan oleh KPM adalah seperti berikut:

1. Menguar-uarkan lulusan TVET yang telah berjaya di alam pekerjaan atau menjadi usahawan berjaya dengan pendapatan yang tinggi. Mereka boleh dijadikan sebagai *role model* dan duta TVET di sekolah-sekolah sebagai motivasi kepada pelajar untuk memilih laluan TVET;

SOALAN: 62

2. Menyelaras artikulasi lepasan TVET di KPM sehingga kepada peringkat yang lebih tinggi sama ada ke peringkat ijazah atau dalam bidang persijilan profesional TVET;
3. Menyediakan program pengajian yang menepati keperluan industri - pendekatan konsep *industry-led training* seperti konsep *Work Based Learning* (WBL) dan program perantisan untuk penempatan pelajar di industri bagi memperoleh pengalaman di industri;
4. Menggalakkan pelajar berdaftar dengan *Malaysia Board of Technologist* (MBOT) bagi menaik taraf TVET sebagai profesional kelas pertama yang mempunyai kepakaran dalam bidang mereka tersendiri. MBOT berperanan mendaftar dan memberi pengiktirafan kepada Teknologis Profesional (Professional Technologist) serta Juruteknik Bertauliah (*Certified Technician*);
5. Mendapatkan pengiktirafan antarabangsa bagi institusi TVET seperti *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC) bagi memastikan kualiti pendidikan setara dengan kemahiran yang diajari di institusi TVET rantau Asia Pasifik. Ini membolehkan mobiliti pekerja di Asia Pasifik;
6. Mendapatkan kerjasama industri melalui perkongsian strategik penggunaan sumber seperti peralatan atau membawa masuk industri ke institusi; dan
7. Melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran terkini melalui *Program Finishing School* agar selari dengan keperluan industri terutamanya berteraskan industri 4.0.

Sekian, terima kasih

SOALAN: 63

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK MUSTAPA KAMAL BIN
MOHD YUSOFF**

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK MUSTAPA KAMAL BIN MOHD YUSOFF minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah jumlah projek RUMAWIP yang baru di Wilayah Persekutuan hasil dari usaha Kerajaan Pakatan Harapan.

SOALAN: 63

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Wilayah Persekutuan amatlah prihatin terhadap penyediaan rumah mampu milik yang lebih selesa di Wilayah Persekutuan. Mulai 1 Februari 2019, pelaksanaan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan telah ditambah baik dan dijenamakan semula sebagai Residensi Wilayah (RW).

Antara penambahan yang dilakukan ialah menetapkan keluasan minima 900 kaki persegi berbanding 800 kaki persegi sebelum ini. Bagi memberikan keselesaan kepada penduduk, kepadatan sesebuah projek juga akan dikawal dengan penetapan densiti maksimum sehingga 1,000 orang seekar. Selain itu, penyediaan kemudahan gunasama juga telah ditambah baik meliputi penyediaan pejabat pengurusan, lot kedai, bilik pengurusan jenazah, dobi, bilik bacaan dan bilik pengurusan *Joint Management Body* (JMB) atau *Management Corporation* (MC). Bagi menjamin kualiti binaan Residensi Wilayah juga akan ditingkatkan dengan mewajibkan pengiktirafan QLASSIC.

Statistik pelaksanaan Residensi Wilayah terus dipantau sejak pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan mulai **1 Julai 2018 sehingga ke 31 Mac 2019**. Status pencapaian keseluruhan pelaksanaan Residensi Wilayah adalah sebanyak 47,942 unit daripada 73 projek. Daripada jumlah tersebut, **24 projek** dengan jumlah **18,729 unit** merupakan projek yang baru mendapat

SOALAN: 63

kelulusan Perintah Pembangunan (DO). Sementara 46 projek dengan jumlah 26,663 unit masih dalam peringkat pembinaan, dan 3 projek dengan jumlah 2,550 unit telah siap dan diserah kunci. Manakala projek yang berada dalam peringkat pertimbangan Pusat Khidmat Setempat (OSC) adalah sebanyak 22 projek dengan jumlah 23,211 unit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' ONG CHONG SWEN

TARIKH : 29 APRIL 2019

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kerajaan akan meminda undang-undang supaya mana-mana pihak yang mencemarkan sungai, alur air dan sebagainya bukan setakat dikenakan denda tetapi harus menampung segala kos pembersihan sungai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah mempunyai peruntukan perundangan sedia ada yang membolehkan Kerajaan menuntut kos dan perbelanjaan bagi kerja pembersihan ke atas sungai atau alur air daripada orang atau pemilik bahan buangan yang mencemarkan atau menyebabkan pencemaran.
2. Seksyen 47, di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, memperuntukan bahawa jika sesuatu segmen atau unsur alam sekeliling dicemari oleh seseorang bersalah dengan Akta ini, Ketua Pengarah boleh menuntut segala kos dan perbelanjaan bagi kerja-kerja pembersihan yang dijalankan terhadap pencemaran berkaitan.
3. Tuntutan kos boleh dibuat dalam dua keadaan samada di peringkat penyiasatan dan pembersihan walaupun tiada kes pendakwaan dikenakan dan di peringkat pendakwaan walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan tersebut.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' FAHARIYAH BINTI HJ. MD
NORDIN**

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATO' FAHARIYAH BINTI HJ. MD NORDIN minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** status pelaksanaan Program Sekolah Pemimpin Masa Hadapan yang menggantikan PLKN dan bagaimana program ini memanfaatkan belia lepasan SPM.

SOALAN : 65

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Konsep Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) adalah berdasarkan kepada lima (5) elemen iaitu kepimpinan, pembentukan watak dan jati diri, kenegaraan, kesukarelawanan dan keusahawanan di samping penekanan kepada nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Ia berbeza dari program PLKN memandangkan fokus MFLS jelas terarah kepada pembentukan bakat kepimpinan generasi muda. Dalam konteks ini, Kementerian berhasrat untuk menyediakan satu platform khusus bagi mempersiapkan *future-ready leaders* yang akan menjadi tonggak kepimpinan pelbagai sektor di masa hadapan.
2. Seramai 35,000 orang pelajar sekolah akan menyertai program dan proses pemilihan sepenuhnya dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peserta yang dipilih adalah merupakan warganegara Malaysia yang berumur antara 15 hingga 17 tahun dan terdiri daripada pelbagai kaum.
3. Program MFLS ini turut melibatkan para belia lepasan SPM di Tier 3 yang menerapkan elemen kepimpinan, komunikasi, karakter kenegaraan, keusahawanan, kesukarelawanan dan pengantarabangsaan. Ia dijangka akan dilaksanakan selama tujuh (7) bulan bermula bulan Januari sehingga bulan Julai 2020. Peserta

SOALAN : 65

akan menjalani kursus kepimpinan intensif selama 14 hari di Kem Wawasan Negara sebelum mereka diberikan peluang untuk menyertai program *attachment* di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

4. Disamping itu juga, para peserta akan diberikan kesempatan untuk mengelola dan menghadiri beberapa program di peringkat antarabangsa selain sesi Sembang Perdana bersama YAB Perdana Menteri. Program ini akan melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak dengan hasrat agar sijil penyertaan MFLS ini diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa dan kelak akan menjadi nilai tambah dan merit kepada penerimanya.
5. Selain itu, program berbentuk bengkel, seminar dan kursus juga akan dilaksanakan menjurus kepada bidang keusahawanan, kenegaraan dan modal insan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK NG CHIANG CHIN

TARIKH : 29.4.2019

DATUK NG CHIANG CHIN minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah – langkah atau rancangan Kerajaan untuk membantu golongan M40 memandangkan golongan tersebut banyak terdedah kepada tekanan ekonomi dan kos sara hidup yang tinggi terutama bagi mereka yang tinggal di bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat secara umumnya adalah dengan pengwujudan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang bertujuan memperkuuh dan **menyelaras pelaksanaan strategi – strategi dan pelan tindakan** berkaitan isu sara hidup dengan berkesan melalui **kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta** agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu. Antara keputusan yang telah diputuskan adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat Majlis Sara Hidup Negara Bil 1/2018 pada **27 September 2018** telah memperakukan pelaksanaan **Kad MY100 dan MY50** bagi tambang Pengangkutan Awam. Dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 10 Oktober 2018 dan diumumkan dalam Bajet 2019 pada 2 November 2018. Dilaksanakan pada 1 Januari 2019 untuk Rakyat Malaysia sahaja;
2. Inisiatif **MY100** ini boleh digunakan selama 30 hari tanpa had untuk penggunaan di semua servis tren dan bus RapidKL iaitu LRT, MRT, BRT, Monorel, dan bas RapidKL.

SOALAN : 67

3. Manakala pas **MY50** pula adalah pas berharga RM50 untuk 30 hari penggunaan di perkhidmatan bas RapidKL sahaja, termasuk bas MRT tetapi tidak termasuk bas BRT.
4. Pada pengumuman Bajet 2019 juga ada menyentuh berkenaan inisiatif kerajaan untuk memudahkan rakyat mendapatkan pembiayaan perumahan dimana untuk **golongan berpendapatan tidak lebih RM2,300 sebulan** memiliki rumah buat kali pertama, dana berjumlah RM1 bilion telah ditubuhkan oleh Bank Negara untuk pembelian **rumah mampu milik berharga sehingga RM150,000**. Pada 1 Januari 2019, dana ini tersedia di AmBank, CIMB Bank, Maybank, RHB dan BSN melalui kadar pembiayaan serendah 3.5%. Ini akan turut mengurangkan jumlah bayaran ansuran bulanan kepada peminjam.
5. **Mesyuarat Majlis Tertinggi Sarawak Hidup Negara (NACCOL) Bil 1/2019** pada **15 Februari 2019** mengarahkan **KPDNHEP** mengkaji kemungkinan mengenalpasti **lima (5) item popular pengguna** untuk disenaraikan sebagai **barang kawalan**;
6. **NACCOL** mendapati pelaksanaan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP)** memberikan **impak positif kepada pengguna**. Justeru, **KPDNHEP** turut disaran untuk menimbangkan memanjangkan tempoh pelaksanaan **SKHMP** ini bagi **perayaan – perayaan utama** di Malaysia. Dalam hal ini, **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)** perlu berperanan memastikan agar **bekalan makanan mencukupi**;

SOALAN : 67

7. Memperluaskan program **Food Bank Malaysia** di bawah seliaan **KPDNHEP** ke semua **Institusi Pengajian Tinggi**. NACCOL mengarahkan Yayasan Foodbank Malaysia untuk menggerakkan projek **Food Bank Malaysia** di setiap kampus seluruh negara untuk membantu kumpulan mahasiswa pada kadar segera;
8. **KPDNHEP** dan **MOA** bekerjasama untuk merangka **program jualan barang pengguna dan barang segar** serta akan diperluaskan ke seluruh negara dan dilaksanakan pada kadar kekerapan yang lebih; dan
9. Pemberian **diskaun** sebanyak **20% bagi kadar tambang KTM Komuter** akan memberi **manfaat besar** khususnya kepada pengguna **KTM Komuter di bandar dan luar bandar**.

Antara langkah-langkah penguatkuasaan dan kawalan adalah seperti berikut:

- i. menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;
- ii. melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** pada musim-musim perayaan utama;
- iii. menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga atau senarai harga ke atas barang yang dijual;

SOALAN : 67

- iv. meningkatkan **keberadaan (*omnipresence*)** pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai;
- v. mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan **cepat dan pantas**;
- vi. menjalankan **pemantauan harga barang keperluan asas di seluruh negara** di bawah **Program Pemantauan Harga** oleh **Pegawai Pemantau Harga Kementerian**;
- vii. memperkenalkan program **Friends of KPDNKK** sebagai mata dan telinga Kementerian serta ejen penyebaran maklumat kepenggunaan, terutama mengenai isu harga barang;
- viii. mengadakan kerjasama dengan **Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan** lain serta penglibatan **penghulu dan penggawa** dalam pemantauan harga barang; dan
- ix. menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAZALI BIN IDRIS

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan bilakah perlaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu di Terengganu yang dengan anggaran kos RM577 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah RMKe-11, jumlah siling kos Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) yang diluluskan bagi Negeri Terengganu adalah sebanyak RM382 juta. Bagi tahun 2019, peruntukan sebanyak RM18 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan projek-projek berkenaan. Peruntukan ini adalah anggaran keperluan aliran tunai projek bagi tahun 2019 yang antaranya merangkumi peruntukan bagi pelantikan perunding reka bentuk terperinci, pelantikan perunding kerja ukur dan penyiasatan tanah serta tender kerja.

Berikut adalah status projek-projek berkenaan :

- 1) Projek Tebatan Banjir Guntung Luar, Setiu, Terengganu – dalam penyediaan Dokumen Tender.
- 2) RTB Kemasik - Proses mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD) bagi pengambilan tanah yang sedang dilaksanakan.
- 3) Projek Tebatan Banjir Gong Kiat, Kuala Terengganu - dalam proses tender.
- 4) Projek Tebatan Banjir Kuala Terengganu Utara (UMT) dan Kawasan Sekitar, Terengganu - dalam proses lantikan perunding reka bentuk terperinci.

SOALAN: 68

- 5) Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kemaman, Terengganu – Reka bentuk terperinci sedang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK SR. HAJI HANAFI
BIN HAJI MAMAT**

TARIKH : 29 APRIL 2019 (KHAMIS)

DATUK SR. HAJI HANAFI BIN HAJI MAMAT minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan berapakah jumlah reka bentuk (*design*) dan adakah didaftarkan paten sebagai 'hak milik intelektual' bagi projek kereta terbang.

JAWAPAN :

Yang di-Pertua,

1. Kereta Terbang atau lebih dikenali sebagai **Air Mobility** ini merupakan antara bidang keusahawanan baharu yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Industri ini mempunyai potensi yang tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa terutama dalam sektor infrastruktur, keselamatan, pertanian dan lain-lain. *Air Mobility* ini mengaplikasikan teknologi terkini seperti *Artificial Intelligence (AI)*, *Mobility* dan *Internet of Things* yang sedang berkembang pesat terutamanya di peringkat antarabangsa.

2. Sehingga kini, terdapat satu reka bentuk yang telah dicadangkan kepada Kementerian. Semua hak milik intelektual termasuk reka bentuk dan perisian *Air Mobility* adalah di bawah tanggungjawab syarikat yang membangunkan projek ini, termasuk kos berkaitan. Kementerian hanya memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam pembangunan ekosistem industri *Air Mobility* terutamanya dalam aspek menggubal polisi, peraturan dan sokongan industri tempatan bagi memenuhi keperluan yang diperlukan untuk membangunkan industri ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK HJ. BASHIR BIN HJ.
ALIAS**

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK HJ. BASHIR BIN HJ. ALIAS minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah amalan tanpa pengasingan kelas yang dilaksanakan kini dapat membawa hasil untuk memajukan pembelajaran pendidikan murid-murid secara keseluruhan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Amalan pengasingan kelas tidak lagi bersesuaian dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara. Amalan ini juga tidak dapat merealisasikan hasrat seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu matlamatnya adalah usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Penempatan murid dalam kelas yang tidak mengikut tahap penguasaan akademik murid sangat bertepatan dengan konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah. Amalan tanpa pengasingan kelas dapat meningkatkan pembelajaran murid secara keseluruhan melalui pelaksanaan PAK21. Aktiviti kolaboratif antara murid-murid yang mempunyai pelbagai tahap intelek memberi peluang kepada murid untuk bekerjasama, membina sikap keterbukaan, toleransi, serta sikap ingin membantu dalam kalangan murid yang berbeza keupayaan. Bimbingan yang diberikan sesama rakan sebaya akan merangsang dan membentuk kemahiran berfikir, kemahiran memimpin dan meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni mereka.

Pergaulan murid yang pelbagai keupayaan ini membolehkan berlaku penggabungan idea dan kemahiran dalam kalangan mereka berdasarkan

SOALAN: 70

pengetahuan kebolehan dan kemahiran masing-masing. Guru-guru pula boleh melaksanakan pedagogi terbeza bagi menangani pengasingan dan meraikan semua murid. Di samping itu, guru-guru boleh memberi fokus sepenuhnya terhadap pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dan lebih menyeronokkan di dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, pengasingan kelas bersifat sementara yang bertujuan sebagai intervensi pemulihan bagi murid-murid yang belum menguasai kemahiran asas menulis, membaca dan mengira adalah dibenarkan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK LIM PAY HEN

TARIKH : 29 APRIL 2019

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :

- (a) apakah masa hadapan Malaysia selepas Dasar Wawasan 2020 Rancangan Malaysia Ke-11 yang akan tamat pada tahun hadapan; dan

- (b) sehingga kini, apakah status perbincangan atau sesi perjumpaan dengan golongan berkepentingan untuk mendraf satu dasar jangka panjang dan Rancangan Malaysia Ke-12.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kesinambungan Wawasan 2020, pelan pembangunan sosioekonomi pasca 2020 akan dirangka dengan objektif yang jelas bagi memacu negara ke tahap pembangunan yang lebih inklusif dan bermakna.
2. Dalam merangka perancangan pembangunan sosioekonomi Malaysia, Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan *top-down* dan *bottom-up* dalam menentukan hala tuju atau dasar Kerajaan. Dalam hal ini, pelan pembangunan sosioekonomi pasca 2020 akan dirangka dengan penglibatan yang menyeluruh daripada semua pihak yang berkepentingan termasuk kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri, pihak swasta, badan antarabangsa, akademia, pemimpin masyarakat dan badan bukan kerajaan. Ini penting bagi mendapat pandangan serta input yang relevan dengan isu atau keperluan kumpulan sasar terbabit bagi memastikan dasar yang dilaksanakan adalah bersifat holistik dan menepati keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memulakan kerja penyediaan pelan pembangunan pasca 2020. Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara berhubung penyediaan pelan pembangunan

SOALAN : 71

ini telah dikeluarkan pada 16 April 2019. Surat tersebut merupakan pemakluman kepada semua kementerian dan agensi Kerajaan bagi memulakan penyediaan pelan pembangunan tersebut termasuk Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada separuh kedua tahun

4. Bagi penyediaan pelan pembangunan pasca 2020, sebanyak 13 Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG) dan 47 Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) akan diwujudkan bertujuan untuk memperincikan isu dan cabaran serta mencadangkan dasar dan strategi yang bersesuaian. IAPG dan TWG ini akan dianggotai oleh wakil daripada kementerian dan agensi kerajaan, pihak swasta, badan antarabangsa, akademia, pemimpin masyarakat dan badan bukan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR LAKSAMANA PERTAMA HAJI

MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL HAMID (B)

TARIKH : 29 APRIL 2019

LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL HAMID (B)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membantu menyiapkan naik taraf Jalan Telok Muroh ke Pangkalan TLDM dari dua lorong kepada empat lorong agar siap pada tahun 2019.

SOALAN : 72

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, hasil semakan Kementerian Kerja Raya (KKR), Jalan Telok Muroh ke Pangkalan TLDM adalah merupakan Jalan Negeri (A186) dan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Perak. Sehubungan itu, semua projek naik taraf di jalan tersebut perlu dirujuk kepada Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN :LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK THEODORE DOUGLAS LIND
TARIKH : 29 APRIL 2019**

DATUK THEODORE DOUGLAS LIND minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah kadar caj pakej telekomunikasi akan diturunkan pada tahap yang berpatutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, mulai Jun 2018, ekoran pelaksanaan Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian (*Mandatory Standard on Access Pricing* atau MSAP), harga jalur lebar berkelajuan tinggi telah menurun 49% secara purata.
2. Kerangka MSAP ini menawarkan pakej borong pada harga yang lebih rendah kepada syarikat telekomunikasi. Secara teorinya, apabila bekalan pakej borong adalah rendah, maka, harga yang akan ditawarkan kepada pelanggan juga akan turun. Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) juga mengkaji langkah-langkah lain bagi menurunkan harga jalur lebar dan memantau supaya harga pakej permulaan adalah munasabah untuk semua rakyat.
3. Inisiatif jalur lebar dua kali lebih pantas pada separuh harga atau “*Double the speed, half the price*” yang dilaksanakan seiring perancangan jaringan infrastruktur yang bakal disiapkan adalah untuk memberi impak ketersediaan. Rasionalnya, rakyat bakal menikmati kemudahan capaian yang lebih baik, kos yang lebih mampu milik dan meningkatkan peluang akses yang memberi pulangan terbaik dalam pelbagai situasi.

SOALAN : 73

4. Perbandingan harga yang dijalankan oleh SKMM menunjukkan bahawa kedudukan Malaysia di rantau ASEAN dari segi harga jalur lebar juga bertambah baik. Malaysia menawarkan harga yang paling rendah di rantau ini untuk pakej 30Mbps, manakala untuk pakej 100Mbps pula, Malaysia menduduki tempat kedua selepas Thailand.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK IR YONG WUI CHUNG

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK IR. YONG WUI CHUNG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah peruntukan khas ICU bagi Ahli Dewan Negara masih disekat dan tidak boleh diguna pada masa ini.

JAWAPAN:

YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya, penyediaan dan penyaluran Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri adalah atas budi bicara dan hak *prerogative* YAB Perdana Menteri. Pertimbangan berkenaan penyediaan peruntukan ini mengambil kira kedua-kedua faktor yang dinyatakan tersebut dan berdasarkan kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Buat masa ini, peruntukan khusus Ahli Dewan Negara masih dalam pertimbangan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan mendesak, permohonan bagi pelaksanaan projek/program boleh dikemukakan kepada kementerian/agensi yang berkaitan untuk pertimbangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK LEE TIAN SING
TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK LEE TIAN SING minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah yang dirangka dalam usaha untuk memberikan penumpuan khusus terhadap penggunaan biodiesel dalam ekosistem automotif negara menerusi dasar automotif kebangsaan. Sejauh manakah pihak Kementerian menasarkan penggunaan biodiesel ini dapat ditingkatkan sepenuhnya agar mencapai mobiliti karbon rendah seperti yang digariskan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Automotif Negara (NAP) yang baharu sedang dirangka oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada ketika ini. Kementerian Industri Utama (MPI) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sentiasa memberikan input kepada MITI untuk NAP yang baharu disamping mengadakan beberapa siri perbincangan dan sesi libat urus untuk memastikan program biodiesel dimasukkan sebagai komponen penting dalam NAP yang dirangka MITI. MPI menyasarkan pelaksanaan adunan biodiesel lebih tinggi akan diberikan penekanan di dalam NAP yang baharu disamping memastikan keseluruhan ekosistem program biodiesel seperti aspek teknikal, percukaian dan insentif turut diberikan tumpuan.

Inisiatif Mobiliti Karbon Rendah (MKR) adalah diterajui oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC). Inisiatif ini bertujuan untuk memetakan secara keseluruhan penggunaan tenaga di sektor pengangkutan dan melaporkan inisiatif-inisiatif berkaitan yang menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) seperti Program Biodiesel Negara. Melalui MKR, Program Biodiesel Negara diteruskan dengan sasaran sebanyak 351,873 tan biodiesel pada tahun 2016 seperti yang dilaporkan di dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). Program Biodiesel Negara telahpun mencapai sasaran yang telah ditetapkan dimana pada tahun 2016 sebanyak 358,586 tan biodiesel telah digunakan. Peningkatan penggunaan biodiesel terus dicatatkan dalam tahun 2017 dengan penggunaan sebanyak 373,524 tan.

SOALAN : 75

Usaha untuk meningkatkan penggunaan biodiesel diteruskan dengan pengenalan Program B10 (adunan 10% biodiesel sawit dengan 90% diesel petroleum) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai 1 Disember 2018 dan secara mandatori bermula 1 Februari 2019. Program B10 dijangka akan menggunakan sebanyak 534,000 tan biodiesel setahun. Satu tan penggunaan biodiesel yang bersamaan dengan satu tan penggunaan minyak sawit mentah (CPO) dapat mengurangkan 3 tan gas karbon dioksida di udara. Secara keseluruhan, Program B10 akan membantu mengurangkan sebanyak 1.6 juta tan karbon dioksida (CO_2) setara dalam setahun.

Sekian terima kasih.

SOALAN : 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK MOHAN A/LTHANGARASU

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK MOHAN A/LTHANGARASU minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan dan pendirian Kementerian dalam isu PPR Taman Manggis, Pulau Pinang. Adakah rumah-rumah PPR akan dibina lagi di Pulau Pinang bagi membendung masalah penempatan seperti ini.

SOALAN : 76

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 6 Mac 2019 yang lepas, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan kunci rumah terhadap 11 unit Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Manggis, Pulau Pinang yang mana penghuninya didapati telah hilang kelayakan mendiami unit-unit PPR tersebut.

Tindakan penguatkuasaan kunci rumah ini diambil susulan tindakan penghuni unit melanggar syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Antaranya adalah penghuni sudah memiliki rumah, penghuni atau pasangan bukan warganegara dan pendapatan isi rumah penghuni melebihi syarat kelayakan.

Senarai menunggu bagi menduduki PPR Taman Manggis ini adalah sebanyak 494 permohonan dan status menunggu paling lama adalah 11 tahun iaitu sejak tahun 2008.

Berdasarkan protes yang telah dilakukan oleh penghuni-penghuni yang hilang kelayakan ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa tindakan dengan mengadakan perjumpaan

SOALAN : 76

tertutup dan sesi rundingan bersama penghuni-penghuni yang terlibat.

Bagi menangani isu penempatan ini, KPKT telah menerima permohonan untuk membina PPR baharu daripada Kerajaan Negeri di kawasan Bandar Jelutong, Pulau Pinang. Permohonan ini telah dipertimbangkan oleh KPKT dan dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) sebagai salah satu cadangan projek baharu PPR bagi tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN ASMAK BINTI HUSIN

TARIKH : 29 APRIL 2019

PUAN ASMAK BINTI HUSIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan perundingan isu Selatan Thailand yang difasilitasi oleh Malaysia.

JAWAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Fasilitator Kerajaan Malaysia telah mengadakan pertemuan dengan Ketua Panel Perunding Dialog Damai Kerajaan Thailand yang baru dilantik oleh Kerajaan Thailand pada bulan Oktober 2018. Susulan itu, sebanyak 6 siri pertemuan tidak rasmi dengan Ketua Panel Perunding Dialog Damai Kerajaan Thailand dan agensi-agensi keselamatan Thailand telah diadakan bagi tujuan kelangsungan proses dialog damai.
2. Fasilitator Kerajaan Malaysia melalui beberapa pertemuan tidak rasmi antara kedua-dua pihak telah mengambil maklum bahawa kedua-dua pihak bersetuju meneruskan proses dialog setelah pembentukan rasmi Kerajaan baru Thailand yang dijangka pada 9 Mei 2019. Setelah kerajaan baru dibentuk, dialog rasmi antara Panel Dialog Damai Kerajaan Thailand (Parti A) dengan Panel Kumpulan “Pihak yang berbeza pandangan daripada Kerajaan” (Parti B) akan diadakan.
3. Sehingga kini, Fasilitator masih meneruskan pertemuan tidak rasmi dengan pihak-pihak berkepentingan Selatan Thailand bagi membina keyakinan agar turut sama menyokong proses dialog damai yang

SOALAN : 77

sedang berlangsung. Pertemuan dengan pihak-pihak tersebut adalah positif sekaligus optimis keamanan sebenar akan dapat dicapai di Selatan Thailand.

Sekian, terima kasih.

SOALAN:78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN ISMAIL BIN YUSOP

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN ISMAIL BIN YUSOP minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah ada usaha-usaha jangka masa pendek sebagai inisiatif sokongan dari Kerajaan dalam menyelesaikan jurang pendapatan isi rumah dalam kalangan rakyat memandangkan pendapatan isi rumah Bumiputera paling corot.

SOALAN:78

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pembangunan Bumiputera akan terus menjadi agenda nasional yang penting tanpa meminggirkan segmen masyarakat lain di negara ini. Melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), Kerajaan telah memberi keutamaan dan penekanan baharu termasuk strategi di bawah Tonggak 2 bagi Memperkuat Komuniti Ekonomi Bumiputera (KEB) melalui beberapa inisiatif termasuklah:
 - i. Pertama, memperkuat keberkesanan institusi dan program di mana tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan institusi Bumiputera akan dipertingkatkan;
 - ii. Kedua; memperkasa pendidikan dan modal insan Bumiputera dengan menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan termasuk TVET bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam tenaga buruh terutama dalam pekerjaan bergaji tinggi;
 - iii. Ketiga; meningkatkan kawalan efektif dan kemampuan dalam pemilikan ekuiti korporat. Ini termasuk menggalakkan lebih banyak penyertaan Bumiputera dalam pelaburan strategik dengan pulangan yang lebih tinggi;
 - iv. Keempat; meningkatkan pemilikankekayaan Bumiputera termasuk meningkatkan aset bukan Kewangan dalam bentuk

SOALAN:78

hartanah komersil, industri dan kediaman di lokasi utama dan strategik; dan

- v. Kelima; membina KEB yang berdaya tahan dan mampan. Dalam hal ini, Kerajaan juga telahpun memberi penekanan supaya sebarang insentif kepada mereka (iaitu usahawan Bumiputera) dibuat berdasarkan merit dan pertimbangan perniagaan secara telus dan adil.
- 2. Untuk mendepani cabaran ekonomi semasa, Kerajaan sedang merangka satu pendekatan ekonomi yang holistik berteraskan pertumbuhan, menjamin kesaksamaan serta perkongsian kemakmuran. Pendekatan ini akan mencerakinkan semangat inklusiviti dan nilai keadilan yang akan menyumbang kepada kekayaan untuk dikongsi bersama seluruh rakyat Malaysia. Ia penting bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama serta kesejahteraan semua rakyat berdasarkan prinsip kemakmuran bersama atau *shared prosperity*.
- 3. Keberhasilan strategi Bumiputera akan terangkum dalam setiap teras pendekatan ini. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, 71.3% daripada isi rumah B40 adalah terdiri daripada Bumiputera. Sebarang usaha untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka sudah tentu akan memberi kesan yang positif kepada rakyat secara keseluruhannya.

SOALAN:78

4. Selain itu, penekanan turut diberi terhadap penerapan nilai moral dan etika yang baik seperti bekerja bersungguh-sungguh, berdisiplin dan berdikari dalam meningkatkan status sosioekonomi serta memastikan kejayaan KEB akan terus dipergiat.
5. Kerajaan komited untuk memastikan ekonomi negara terus membangun dan berkembang dengan utuh dan kukuh. Melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berasaskan “*shared prosperity*”, Kerajaan yakin bahawa jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin dan antara kaum akan dapat dirapatkan. Ini akan memastikan hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara akan mencapai Kemakmuran Bersama.

SOALAN: 79

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan pelajar-pelajar Orang Asli lepasan SPM yang gagal masuk ke universiti untuk mengambil kursus TVET.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melaksanakan pelbagai program bagi mempromosikan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada semua pelajar termasuk pelajar-pelajar Orang Asli. Beberapa program telah dilaksanakan seperti promosi penjenamaan, program jelajah pendidikan dan taklimat pameran pendidikan bersama-sama Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan institusi di bawahnya. Usaha promosi turut diteruskan dengan kerjasama media massa, media cetak dan media elektronik.

TVET akan terus berperanan sebagai *game changer* dalam menghasilkan tenaga kerja berkemahiran dan memenuhi keperluan industri. Sasaran 85 peratus kebolehpasaran lepasan TVET telah ditetapkan melalui Kajian Separuh Penggal RMKe-11 untuk mengukur kualiti dan prestasi institusi TVET awam. Ini secara tidak langsung menambahbaik persepsi terhadap TVET sebagai pilihan utama melalui promosi yang berkesan dengan daya tarikan pekerjaan berkaitan teknikal dan vokasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 Unit Ambilan, Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) terus memberi fokus kepada kawasan luar bandar yang masih kurang menerima pendedahan tentang TVET termasuk di perkampungan Orang Asli melalui strategi pelaksanaan promosi berbentuk pameran pendidikan, taklimat pendidikan, program *Corporate Social Responsibility* (CSR), program turun padang, promosi media, cetak dan elektronik serta media sosial.

Antara program khas dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) adalah Program Hala Tuju Murid Orang Asli Lepasan SPM & STPM 2018 yang telah diadakan di Hotel Nouvelle Kuala Lumpur pada 26 Mac 2019 yang lalu melibatkan 400 orang peserta. Melalui program ini, lepasan SPM dan STPM dalam kalangan Orang Asli didedahkan dengan program TVET melalui taklimat kemasukan dan pengisian borang permohonan kemasukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar Orang Asli dengan kelayakan SPM tetapi gagal untuk mengikuti program pengajian di Universiti boleh mengikuti program pengajian yang bersesuaian termasuk program-program TVET peringkat Sijil atau Diploma yang diiktiraf dengan minimum syarat kemasukan seperti berikut:

1. **Peringkat Sijil:** lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 1 kredit
2. **Peringkat Diploma:** lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 3 kredit

Di samping itu, Agensi Akreditasi Malaysia (MQA) juga menyediakan laluan Pengakreditan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL) bagi mana-mana warganegara Malaysia termasuk masyarakat Orang Asli yang tidak mempunyai kelayakan akademik yang mencukupi tetapi ingin meningkatkan tahap pendidikan termasuk dari segi kemahiran individu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laluan APEL ini dibuka bagi kemasukan pelajar ke peringkat Sijil hingga Sarjana dengan syarat-syarat berikut:

SOALAN: 79

1. **Berumur 19 tahun** dan ke atas bagi kemasukan ke program peringkat Sijil (APEL T-3) pada tahun permohonan dibuat dan mempunyai pengalaman yang bersesuaian; atau
2. **Berumur 20 tahun** dan ke atas bagi kemasukan ke program peringkat Diploma (APEL T- 4) pada tahun permohonan dibuat dan mempunyai pengalaman yang bersesuaian; atau
3. **Berumur 21 tahun** dan ke atas bagi kemasukan ke program peringkat Sarjana Muda (APEL T-6) pada tahun permohonan dibuat dan mempunyai pengalaman yang bersesuaian; atau
4. **Berumur 30 tahun** dan ke atas bagi kemasukan ke program peringkat Sarjana (APEL T-7) pada tahun permohonan dibuat dan memiliki kelayakan STPM atau Diploma atau kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya serta mempunyai pengalaman yang bersesuaian

Maklumat berkaitan permohonan APEL boleh dirujuk di portal MQA:
<http://www2.mqa.gov.my/APEL/>

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. SENATOR DATO' ISA BIN AB. HAMID

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATO' ISA BIN AB. HAMID minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah manfaat yang diperolehi oleh Komuniti Orang Asli Kampung Tanam, Rompin terhadap projek nenas MD2 oleh Lembaga Nenas dan kerjasama syarikat swasta kerana pada awalnya ianya melibatkan tanah-tanah orang asli yang dimajukan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah melaksanakan aktiviti pembangunan kawasan tanaman nanas bersepadu yang bernilai tinggi di Rompin sejak tahun 2015 bagi memperkasa pembangunan ekonomi penduduk Orang Asli di kawasan ini.

Komuniti Orang Asli Kampung Tanam, Rompin telah menerima manfaat secara langsung melalui penglibatan secara aktif anggota komuniti dalam projek tanaman nanas MD2 di Ladang Bersepadu Nanas Rompin (RIPP) yang dikelolakan oleh Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia berkolaborasi bersama Majlis Pembangunan Wilayah Pantai Timur (ECERDC) dengan pelantikan syarikat peneraju Rompin Integrated Pineapple Industries Sdn Bhd (RIPI).

Antara manfaat yang telah diterima oleh Komuniti Orang Asli Kampung Tanam, Rompin melalui projek tanaman nanas MD2 adalah seperti berikut :

- a) Pembangunan kawasan tanaman nanas MD2 dibawah Koperasi Orang Asli Kampung Tanam Berhad dengan pencapaian kawasan bertanam seluas 90 hektar dengan bantuan sulur nanas MD2 oleh LPNM sebanyak 4,459,774 sulur telah siap ditanam.

SOALAN 80

- b) Pengujudan peluang pekerjaan dengan penglibatan lebih dari 85 orang asli Kg Tanam dan kawasan sekitar sebagai tenaga kerja kepada pihak syarikat peneraju RIPI yang bekerja di ladang nanas dan di bangunan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan RIPP.
- c) Manfaat penerimaan bayaran dividen hasil jualan tanaman nanas MD2 yang diambil pihak syarikat peneraju berjumlah RM 678,790.00 kepada 85 keluarga Komuniti Orang Asli Kampung Tanam sejak dari tahun 2016 sehingga tahun 2018.

Sekian, terima kasih

SOALAN : 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI MUHAMAD BIN
MUSTAFA**

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) sejauh manakah kajian dan komitmen Kerajaan dalam memastikan dasar halal dan haram di dalam perubatan dan penggunaan ubat-ubatan; dan
- (b) adakah semua perubatan dan ubat-ubatan yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan dijamin halal.

JAWAPAN :

Yang di-Pertua,

Selaras dengan strategi di bawah Dasar Ubat Nasional (DUNas) iaitu 'Memastikan Ketersediaan Ubat-ubatan Halal di Malaysia', Kementerian sentiasa memberikan komitmen untuk memastikan dasar ini dilaksanakan dan rakyat muslim khusus mendapat manfaat atas pelaksanaannya.

Bagi mengelakkan keraguan dalam kalangan pesakit muslim dan pengamal perubatan terutamanya berkaitan isu keharusan penggunaan ubat-ubatan moden yang dibangunkan daripada sumber yang tidak halal, beberapa inisiatif berkaitan dengan Halal Farmaseutikal telah diadakan antaranya:

- i. Penerbitan "**Panduan Penggunaan Ubat-ubatan Yang Mengandungi Unsur Tidak Halal**" yang bertujuan sebagai panduan kepada anggota kesihatan yang terlibat dalam rawatan pesakit yang menggunakan ubat-ubatan daripada unsur yang tidak halal atau bertentangan dengan syariat Islam;
- ii. Kementerian melalui Program Perkhidmatan Farmasi KKM telah menerbitkan "**Panduan Penggunaan Ubat Dari Perspektif Islam**" yang bertujuan untuk memberi kefahaman dan penjelasan kepada golongan profesional kesihatan dan umat Islam mengenai aspek penggunaan ubat-ubatan mengikut hukum

SOALAN : 81

syarak agar tidak timbul keraguan dan kekeliruan. Kedua-dua panduan ini telah diterbitkan pada tahun 2018 dengan melibatkan kerjasama penuh daripada pihak JAKIM, Mufti Wilayah Persekutuan, persatuan-persatuan farmaseutikal dan Kementerian lain seperti Pegawai Kementerian Pertahanan dan Pegawai-pegawai Farmasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Panduan ini boleh diakses di portal www.pharmacy.gov.my; dan

- iii. Pada tahun 2011, **MS 2424: Halal Pharmaceutical General Guideline** telah dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia. Ia merupakan piawaian farmaseutikal halal yang pertama di dunia. Untuk menggalakkan pengilangan ubat-ubatan halal, Bahagian Regulatori Farmasi Negara telah memberikan penerangan piawaian tersebut kepada semua pengilang (60 pengilang, 100%) berkaitan MS2424 dan juga MS1900: *Quality Management System from Islamic Perspectives*.

Yang di-Pertua,

Di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, kelulusan ubat-ubatan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). PBKD hanya meluluskan ubat-ubatan yang memenuhi piawai kualiti, efikasi dan keselamatannya setara dengan keperluan antarabangsa. Selaras dengan strategi di bawah Dasar Ubat Nasional (DUNas) ini, PBKD telah memutuskan bahawa ubat-ubatan kategori BUKAN RACUN BERJADUAL, UBAT TRADISIONAL,

SOALAN : 81

PRODUK SUPLEMEN KESIHATAN dan KOSMETIK dibenarkan untuk mempunyai label dengan logo halal yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Walau bagaimanapun, penggunaan logo halal buat masa ini tidak dibenarkan untuk ubat-ubatan kategori RACUN BERJADUAL memandangkan ia merupakan ubat untuk tujuan rawatan dan boleh mengancam nyawa sekiranya pesakit menolak rawatan tersebut. Pihak JAKIM juga telah menyediakan platform informasi senarai produk farmaseutikal yang telah diberi pensijilan halal di www.halal.gov.my.

Selain itu juga, PBKD telah menetapkan keperluan agar syarikat / pemegang pendaftaran produk, memberi maklumat berkaitan pembuatan ubat termasuk bahan mentah (bahan aktif atau sampingan) yang digunakan dalam menghasilkan ubat, termasuk sarung kapsul. Sekiranya ada bahan daripada sumber haiwan, pemegang pendaftaran perlu mengisyiharkannya dan sumber ini perlu dinyatakan pada label. Begitu juga sekiranya terdapat penggunaan alkohol dalam penghasilan ubat cecair, ia harus dinyatakan dalam label produk. Inisiatif ini secara tidak langsung memberi panduan terus kepada pengguna sumber-sumber produk yang diambil dan ini bukan sahaja bermanfaat kepada rakyat yang beragama Islam tetapi turut bermanfaat kepada rakyat yang mengamalkan cara diet *vegetarian* dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN NURIDAH BINTI
MOHD SALLEH
TARIKH : 29 APRIL 2019

PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah Kerajaan dalam menangani isu penjualan bayi dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meminda akta Kanak-kanak 2001 yang dilihat tidak meninggalkan kesan ke atas sindiket ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengecam sekeras-kerasnya sebarang aktiviti penjualan bayi yang dilakukan di Malaysia. Bayi dan kanak-kanak bukan barang komoditi dan tidak boleh dijual beli dalam pasaran. Sebarang aktiviti haram berkaitan penjualan bayi dan kanak-kanak perlu diambil tindakan keras dan dikenakan hukuman yang berat di bawah undang-undang sedia ada. Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab ke atas perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak, Kementerian ini memandang serius akan isu penjualan kanak-kanak kerana ia merupakan tanggungjawab Kerajaan di bawah Artikel 35 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak/*Convention on the Rights of the Child* (CRC) dan juga, dengan izin, *Optional Protocol to the CRC on the Sale of Children, Child Prostitution and Child Pornography*. Sebagai sebuah negara pihak kepada CRC dan protokol pilihannya, Malaysia mempunyai komitmen untuk mengambil segala langkah untuk mencegah kanak-kanak daripada sebarang aktiviti penjualan dan pelacuran.

Antara langkah Kerajaan dalam menangani isu penjualan kanak-kanak adalah melalui penguatkuasaan perundangan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 serta Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM):

Akta Kanak-Kanak 2001

Akta Kanak-Kanak 2001 di bawah Subseksyen 48(1) Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang terlibat dalam pemerdagangan kanak-kanak dengan memindahkan milik, jagaan atau kawalan seorang kanak-kanak bagi apa-apa balasan berharga melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya.

SOALAN : 82

Sekiranya dibuat dengan niat supaya kanak-kanak itu diambil bekerja atau digunakan bagi maksud pelacuran pula, ia boleh

dihukum di bawah perenggan 43(1)(aa) Akta yang sama iaitu dengan hukuman tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya.

Sekiranya kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti penjualan itu tidak mempunyai ibu bapa, penjaga atau tidak dapat dikesan ibu bapa atau penjaganya, mereka boleh diberikan pemeliharaan dan perlindungan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

Bagi Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM) pula,

Seksyen 14 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang memperdagangkan kanak-kanak (bagi tujuan eksplotasi) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan tidak kurang 3 tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun dan boleh turut didenda.

Manakala bagi perlindungan ke atas mangsa pula, subseksyen 51(3) memperuntukkan bahawa mangsa boleh diberikan Perintah Perlindungan oleh Majistret dan ditempatkan di tempat perlindungan di bawah ATIPSOM.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan itu, Kementerian berpandangan tiada keperluan untuk meminda Akta Kanak-Kanak 2001 kerana perundangan sedia ada telah memperuntukkan kesalahan dan hukuman kepada pelaku dan perlindungan sewajarnya kepada mangsa. Kementerian ingin menyeru semua ibu bapa yang ingin mengambil anak pelihara atau anak angkat supaya menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah atau Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan nasihat. Rakyat Malaysia dinasihatkan supaya tidak memilih untuk mengambil tindakan

SOALAN : 82

yang melanggar undang-undang dengan membeli bayi dan kanak-kanak dari pasaran gelap. Kementerian akan berusaha untuk membantu ibu bapa tersebut bagi mendapatkan anak melalui kaedah yang betul dan akan membimbing ibu bapa ini cara yang paling baik untuk menjadi ibu bapa yang penyayang.

SOALAN : 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' CHAI KIM SEN

TARIKH : 29 APRIL 2019

Dato' Chai Kim Sen minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan mekanisme yang diguna pakai dalam membuat penilaian terhadap tahap kemiskinan di daerah-daerah dan apakah inisiatif yang telah dirangka bagi membantu meningkatkan sosioekonomi di daerah tersebut dalam usaha mencapai sasaran kadar sifar kemiskinan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mekanisme yang digunakan pakai dalam membuat penilaian terhadap tahap kemiskinan di daerah-daerah adalah melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR&KA) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Penyiasatan ini dilaksanakan 2 kali setiap 5 tahun. Tujuan penyiasatan ini adalah untuk mengumpul maklumat berkaitan ciri-ciri isi rumah Malaysia yang melibatkan pendapatan isi rumah dan Kemudahan Asas.

2. Penyiasatan ini dijalankan menggunakan pensampelan berkebarangkalian yang mewakili semua isi rumah warganegara Malaysia yang mana sebanyak 83,000 isi rumah ditemuramah sepanjang tempoh penyiasatan. Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui PPIR&KA ini, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dapat ditetapkan dan peratus insiden kemiskinan dapat ditentukan mengikut daerah. Bermula PPIR&KA 2016, laporan insiden kemiskinan telah merangkumi peringkat nasional, wilayah, strata, negeri dan daerah.

SOALAN : 83

3. Pelaksanaan pembangunan inklusif dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) telah menggariskan bahawa semua rakyat walaupun berbeza latar belakang sosioekonomi akan mendapat manfaat daripada proses pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan. Pada tahun 2019 sahaja, sejumlah 210 juta ringgit diperuntukkan untuk pelaksanaan program peningkatan kapasiti dan pembangunan usahawan untuk memberi peluang pekerjaan dan keusahawanan bagi meningkatkan pendapatan purata bulanan isi rumah mereka sekaligus mengurangkan jurang pembangunan daerah tersebut demi meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.
4. Selain itu, program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan serta penyediaan keperluan asas yang meliputi aspek perumahan, pendidikan dan kesihatan terus dilaksanakan. Akses kepada pembangunan modal insan akan diperkuuh sebagai inisiatif utama dalam peningkatan mobiliti sosial. skim pembiayaan mikro kredit dan program bimbingan usahawan diteruskan bagi menggalakkan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah menceburi bidang perniagaan. Program bantuan termasuk jaringan keselamatan sosial akan ditambah baik bagi meringankan beban isi rumah miskin dan yang berpendapatan rendah bagi memastikan kualiti hidup isi rumah ini tidak terjejas apabila menghadapi ketidaktentuan sosioekonomi.

SOALAN : 83

5. Dengan pelaksanaan insiatif-insiatif tersebut, Kerajaan yakin insiden kemiskinan akan dapat terus dikurangkan dan pendapatan serta kualiti hidup rakyat dapat ditingkatkan

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK JOHN AMBROSE

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pelan tindakan untuk melindungi persisiran pantai Sabah dan Sarawak daripada dicerobohi oleh pihak-pihak luar yang tidak bertanggungjawab.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah ditubuhkan pada 15 Februari 2005. Pada 19 Oktober 2018, APMM telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menyelia hal ehwal dasar penguatkuasaan maritim Malaysia.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa meningkatkan rondaan dan kawalan terutama di perairan negara yang menjadi lokasi panas berlakunya kes-kes pencerobohan oleh pihak-pihak luar yang tidak bertanggungjawab di perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) khususnya perairan Sabah dan Sarawak.

Pada masa ini, APMM Negeri Sarawak dan Sabah masing-masing telah menerima satu (1) buah kapal ronda *New Generation Patrol Craft* (NGPC) berukuran 44.25 meter iaitu KM Sri Aman dan KM Kota Belut bagi melengkapkan aset maritim berteknologi tinggi dan meningkatkan tahap keselamatan negara. Kapal berkenaan akan dilengkapi kemudahan paling moden dan canggih termasuklah sistem teknologi *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) yang boleh diterbangkan sehingga 90 batu nautika. Penerimaan kapal ini juga membolehkan Agensi menzahirkan kehadiran di laut dalam jangka masa yang panjang dan mengoptimumkan pengoperasian di perairan Laut China Selatan (LCS) di perairan Barat Sabah dan Sarawak, manakala Laut Sulu bagi perairan

SOALAN: 84

Sabah Timur bagi mengawal kegiatan pencerobohan oleh pihak-pihak luar.

Beberapa langkah-langkah yang diambil oleh Agensi dalam mengatasi isu pencerobohan ini. Antaranya:

- a. Maritim Malaysia mengekalkan 70% aset sedia beroperasi pada setiap masa dan pada masa kini rondaan dan kehadiran ditingkatkan dengan pengoperasian 22 vesel setiap hari bagi APMM Negeri Sabah dan 5 vesel bagi APMM Negeri Sarawak sebagai langkah untuk mengawal isu pencerobohan bot asing secara keseluruhannya.
- b. Kerjasama dengan Jabatan Perikanan Negeri diadakan bagi menangani kegiatan mencuri hasil tangkapan laut dan segala bentuk isu berkaitan pencerobohan bot nelayan asing untuk ditangani dengan lebih berkesan berdasarkan maklumat yang terkini dan tepat;
- c. Kerjasama juga diadakan dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti TLDM, PDRM, Kastam, Jabatan Laut, Jabatan Perhutanan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Jabatan Taman Laut dan Petronas bagi meningkatkan keberkesanan keselamatan di perairan Sabah dan Sarawak.
- d. Pengoperasian 3 buah radar di Sabah telah berjaya memintas bot-bot yang mencurigakan dan sekaligus ia menunjukkan penurunan statistik kemasukan pencerobohan pihak-pihak luar.

SOALAN: 84

- e. Pengawasan melalui udara dari semasa ke semasa oleh aset udara Maritim Malaysia juga akan terus dilaksanakan bagi mengesan pencerobohan pihak-pihak luar yang memasuki perairan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH**

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan insentif yang akan diberikan kepada syarikat FDI yang ingin melabur di kawasan ‘Less Developed Area’ (LDA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Insentif bagi Kawasan Kurang Membangun (Less Develop Area – LDA) ditawarkan khas bagi pelabur-pelabur yang berhasrat untuk melabur di kawasan yang kurang membangun atau pedalaman. Ini adalah untuk menggalakkan pelaburan dan merancakkan pembangunan di kawasan-kawasan tersebut.
2. Insentif yang ditawarkan kepada pelabur-pelabur asing dan juga domestik bagi projek-projek di bawah LDA ini juga secara amnya adalah lebih menarik berbanding insentif-insentif bagi projek yang dilaksanakan di kawasan yang lebih membangun. Insentif-insentif LDA tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Pengecualian Cukai Pendapatan (sepenuhnya-100%) selama 15 tahun (5+5+5) bermula dari tahun syarikat memperolehi pendapatan berkanun. Ini adalah tertakluk kepada pematuhan syarikat terhadap syarat-syarat yang ditetapkan serta mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi setiap tambahan 5 tahun;

ATAU

- (ii) Pengecualian Cukai Pendapatan bersamaan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak. Perbelanjaan modal ini adalah yang dilakukan bagi tempoh 10 tahun (5+5). Elaun ini dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran;

- (ii) Pengecualian duti setem ke atas surat cara perjanjian pemindahan atau pajakan tanah atau bangunan yang digunakan untuk pembangunan aktiviti berkaitan perkilangan dan perkhidmatan;
- (iii) Pengecualian cukai pegangan ke atas yuran bagi nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan atau royalti yang berkaitan aktiviti perkilangan dan perkhidmatan sehingga 31 Disember 2020; dan
- (iv) Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah, komponen, mesin, peralatan, alat ganti dan gunahabis yang tidak dikeluarkan dalam negara dan digunakan secara langsung dalam pengeluaran, tertakluk kepada polisi semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan taburan projek-projek pelaburan adalah seimbang di seluruh negara terutamanya di kawasan kurang membangun walaupun keputusan untuk menempatkan sesuatu projek pelaburan merupakan keputusan perniagaan oleh pelabur sendiri berdasarkan kajian pasaran yang dijalankan mereka. Langkah Kerajaan ini adalah bagi memastikan lebih ramai rakyat mendapat manfaat daripada projek-projek pelaburan, terutamanya peluang pekerjaan dan peniagaan yang ditawarkan oleh projek-projek pelaburan di kawasan setempat.

4. Usaha Kerajaan ini juga adalah selaras dengan strategi pembangunan wilayah yang seimbang seperti mana yang digariskan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI MUHAMAD BIN
MUSTAFA**

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menyediakan ubat-ubatan yang berkualiti setanding dengan hospital swasta dan jaminan ubat-ubatan ini mencukupi di setiap hospital.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui badan regulatorinya iaitu Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) menetapkan syarat-syarat pendaftaran ubat yang seiring dengan negara-negara ASEAN dan berdasarkan negara-negara rujukan seperti United Kingdom, Sweden, Perancis, Amerika, Australia, Kanada, Jepun dan Switzerland. Keperluan-keperluan pendaftaran yang utama merangkumi kajian bioekuivalens (BE), validasi proses, validasi analitikal, kawalan kualiti produk siap, kajian stabiliti serta pematuhan kepada Amalan Perkilangan Baik, APB (Good Manufacturing Practice, GMP) bagi menjamin ubat yang didaftarkan adalah berkualiti, selamat dan berkesan untuk digunakan di Malaysia. Sehubungan itu, tiada isu di mana ubat yang dibekalkan oleh fasiliti kesihatan swasta adalah lebih bagus daripada fasiliti kesihatan Kerajaan memandangkan semua ubat-ubatan yang digunakan telah melalui proses pendaftaran dan telah dinilaikan selamat, berkualiti dan berkesan.

Yang Di Pertua,

KKM juga sentiasa komited dalam memastikan bekalan ubat-ubatan sentiasa mencukupi untuk keperluan pesakit. Pendekatan berikut telah diambil bagi memastikan simpanan stok ubat di fasiliti KKM sentiasa berada pada paras yang optimum:

- a) Peruntukan ubat akan diberi keutamaan dalam penyampaian penjagaan kesihatan awam. Oleh itu, pihak KKM sentiasa memantau rapi kedudukan kewangan setiap negeri supaya agihan peruntukan ubat yang diterima selaras dengan keperluan semasa pesakit. Pihak fasiliti akan meneruskan perbelanjaan secara berhemah mengikut peruntukan yang diberikan. Peruntukan tambahan akan diberikan secara

SOALAN : 86

berperingkat kepada fasiliti KKM bagi menampung keperluan yang meningkat;

- b) Penetapan paras simpanan stok maksimum dan minimum dalam kawalan inventori ubat bagi memastikan stok disimpan pada paras yang optimum setelah mengambil kira corak penggunaan, tempoh bekalan kepada pesakit, tempoh penghantaran stok oleh pembekal, kapasiti simpanan stor dan keupayaan pengeluaran pesanan kerajaan di fasiliti; dan
- c) Menjalankan *close monitoring* ubat yang terlibat dalam gangguan bekalan agar punca masalah ini dapat dikenal pasti awal dan tindakan segera dapat dilakukan. Sumber alternatif dan pengagihan semula stok di antara fasiliti KKM akan dibuat sekiranya berlaku gangguan bekalan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 87

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian Pendidikan Malaysia bercadang untuk menyerapkan guru-guru interim sebagai guru tetap dengan menyediakan laluan kursus khas di institusi latihan perguruan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi guru-guru yang terpilih sebagai guru interim, mereka disediakan laluan untuk mengikuti latihan iaitu Kursus Dalam Cuti (KDC) di Institut Pendidikan Guru (IPG) dengan pembiayaan sendiri. Guru-guru interim yang telah memperolehi kelayakan ikhtisas akan dipertimbangkan untuk pelantikan tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran setelah memenuhi syarat skim perkhidmatan pendidikan. Untuk makluman, sehingga kini, seramai 2,530 orang guru interim sedang mengikuti latihan ikhtisas iaitu Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan di IPG.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagaimanakah bidang kuasa yang diperuntukkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi yang ditubuhkan ini dapat mengelakkan sebarang pertindihan bidang tugas dengan Kementerian sedia ada dan apakah indikator yang telah ditetapkan bagi memastikan keberkesanan fungsi majlis ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat ambil maklum, Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi dengan izin *Economic Action Council* (EAC) pada 11 Februari 2019 berdasarkan situasi semasa dan sebagai respons untuk menangani isu sosioekonomi yang dihadapi rakyat. EAC akan meneliti dan membuat keputusan berkaitan hal ehwal ekonomi, kewangan serta kebijakan rakyat. EAC juga akan memberi tumpuan kepada isu-isu kritikal seperti mengurangkan kos sara hidup, mewujudkan peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan dan meningkatkan pemilikan rumah. EAC adalah su
2. atau badan yang bersifat *action-oriented* dalam menyelesaikan isu-isu tersebut serta menyelaras pertindihan fungsi dan bidang tugas di antara kementerian yang berkaitan.
3. Untuk memastikan EAC dapat berfungsi dengan efektif dan berkesan, EAC akan disokong oleh Jawatankuasa Eksekutif dan kumpulan-kumpulan kerja berkaitan. Sesi libat urus akan diadakan untuk mendapatkan input dari semua pihak yang berkaitan bagi membantu EAC menggubal strategi dan pelan tindakan yang bersesuaian, menyelaras serta mengelakkan pertindihan bidang tugas yang membawa kepada ketidakcekapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN ASMAK BINTI HUSIN

TARIKH : 29 APRIL 2019

PUAN ASMAK BINTI HUSIN minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membasmi laman web atau media sosial yang mengandungi unsur anti agama seperti 'atheisme' dan lain-lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bukanlah satu-satunya agensi yang mempunyai kuasa untuk menyiasat aduan berkaitan kandungan di Internet. Pemberi perkhidmatan Internet (ISP) adalah tertakluk kepada semua undang-undang Negara yang berkaitan dan laporan/ aduan boleh di buat di agensi-agensi berkuatkuasa mengikut bidang kuasa masing-masing.
2. Dalam hal ini, bagi isu yang melibatkan akidah umat Islam seperti unsur anti agama atau atheisme, bidang kuasa berkaitan adalah di bawah Enakmen Jenayah Syariah setiap negeri atau Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi Wilayah Persekutuan selain Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertindak sebagai agensi utama pengurusan hal ehwal agama Islam di peringkat persekutuan.
3. Namun begitu, dari tahun 2016 sehingga Mac 2019, pihak SKMM telah menyekat sejumlah 72 laman sesawang berunsur penyelewengan agama berdasarkan permohonan pihak Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), atas kesalahan di bawah Enakmen Syariah Negeri yang terlibat.
4. Walau bagaimanapun, sekiranya kandungan laman web atau media sosial tersebut menghina agama Islam dan bersifat

SOALAN : 89

provokasi, peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Kesekeaan di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah antara instrumen perundangan khusus yang digunakan oleh pihak Kerajaan bagi menangani kesalahan atau penyalahgunaan yang berupa provokasi dan penghinaan terhadap kaum, agama serta Institusi Beraja.

5. Pendakwaan juga boleh dibuat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) bagi kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, berasaskan aduan yang diterima daripada masyarakat awam serta daripada pihak yang terkesan.
6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu jawatankuasa penguatkuasaan bersepadu yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-SKMM yang dianggotai oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM dan SKMM juga telah ditubuhkan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan dalam usaha memerangi jenayah siber secara lebih strategik dan tersusun, termasuklah bagi perkara melibatkan penghinaan terhadap Institusi Beraja, perkauman dan agama.
7. Langkah pengemaskinian serta penambahbaikan undang-undang akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang terbabit terus kekal relevan selaras peredaran semasa.

SOALAN : 90

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING

TARIKH : 29 APRIL 2019

PUAN LIM HUI YING minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan program menambah baik industri kayu-kayan Malaysia. Apakah langkah yang diambil oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) untuk meningkatkan eksport produk kayu-kayan ke luar negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) sentiasa melakukan penambahbaikan dalam usaha meningkatkan pasaran eksport kayu dan produk kayu. Antara langkah-langkah yang diambil dalam meningkatkan pasaran eksport kayu dan produk kayu ialah:

- (i) Meningkatkan akses dan memasuki pasaran baharu yang berpotensi melalui pelaksanaan misi-misi perdagangan dan teknikal dengan kerjasama strategik agensi dan MATRADE. Ini dapat memastikan pemain industri dilengkapkan dengan maklumat seperti pasaran dan trend semasa negara pengimport;
- (ii) Menggalakkan pemain industri untuk memperolehi pensijilan dengan memenuhi keperluan legaliti bagi pasaran sedia ada selain menembusi pasaran baru. Ini adalah selaras dengan trend permintaan dunia yang cenderung menggunakan kayu dan produk perkayuan dari sumber yang sah;
- (iii) Meningkatkan produktiviti pengeluaran produk melalui pelaksanaan Amalan Pengilangan Baik atau *Good Manufacturing Practices* (GMP) seperti pengurusan *lean* (*Lean Management*) dan 5S oleh pihak industri terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Pendekatan ini dapat menjimatkan kos operasi selain mengurangkan pembaziran. Dalam hal ini, produk perabot yang dihasilkan lebih berdaya saing berbanding produk perabot keluaran negara lain;

SOALAN : 90

- (iv) Menggalakkan penggunaan automasi dan mekanisasi bagi pengeluaran produk kayu bernilai tambah tinggi seperti perabot oleh pihak industri. Ini dapat mengatasi masalah kebergantungan terhadap sumber tenaga kerja asing; dan
- (v) Menggalakkan penghasilan produk perabot berdasarkan reka bentuk dan jenama sendiri iaitu *Own Design Manufacturing* (ODM) dan *Own Brand Manufacturing* (OBM) berbanding *Original Equipment Manufacturing* (OEM). Ini kerana produk perabot ODM dan OBM mempunyai nilai tambah tinggi berbanding perabot OEM.

Adalah diharap dengan usaha-usaha berterusan yang dilaksanakan pihak Kerajaan dapat memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mensasarkan nilai eksport perabot negara sebanyak RM25 bilion pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 91

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK LIM PAY HEN

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan:-

- (a) secara jelas adakah keputusan Kementerian untuk melakukan pelarasan ke atas kadar tarif air domestik dan komersial hasil perbincangan serta persetujuan daripada kerajaan negeri; dan
- (b) berapakah kadar kenaikan harga tarif air yang telah dikenal pasti oleh Kementerian memadai untuk menampung perbelanjaan operasi (OPEX) yang semakin tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sesi konsultasi bagi cadangan pelaksanaan Mekanisme Penetapan Tarif Air (*Tariff Setting Mechanism*) atau ringkasnya TSM dengan operator air dan kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan telah selesai dilaksanakan. Secara umumnya, kerajaan negeri memberikan maklum balas positif terhadap pelaksanaan TSM yang mana mereka tidak menolak rasional kenaikan tarif air kerana memahami faktor-faktor peningkatan kos perbelanjaan operasi serta kos pembangunan infrastruktur. Namun, pada masa yang sama, terdapat segelintir kerajaan negeri yang berpandangan bahawa operator air seelok-eloknya mempertingkatkan kualiti perkhidmatan terlebih dahulu khususnya mengurangkan gangguan bekalan air dan meningkatkan kualiti air bersih sebelum melaksanakan sebarang pelarasan kadar tarif air.

2. Sehubungan itu, Kementerian bercadang untuk melaksanakan pelarasan kadar tarif air melalui TSM secara berperingkat yang bermula pada tahun ini bagi 6 buah negeri yang telah memberikan persetujuan. Manakala, bagi negeri-negeri yang masih belum memberikan persetujuan sehingga, Kementerian akan meneruskan perbincangan bagi mencari jalan terbaik ke arah memastikan kemampunan industri bekalan air di negeri-negeri berkenaan dalam memastikan rakyat terus menikmati bekalan air yang berkualiti dan cekap.

SOALAN : 91

3. Tuan Yang di-Pertua, kadar kenaikan tarif air di setiap negeri adalah berbeza dengan mengambilkira keperluan industri perkhidmatan bekalan air yang berbeza-beza di setiap negeri. TSM dalam konteks ini dapat memastikan operator air mempunyai kedudukan kewangan yang membolehkan mereka terus melabur bagi penyediaan perkhidmatan secara berterusan kepada rakyat Malaysia. Tarif air yang rendah pada masa ini tidak melambangkan kos sebenar penyediaan perkhidmatan bekalan air di mana telah menjaskankan prestasi perkhidmatan beberapa operator air, seperti di negeri Perlis dan Pahang. Tambahan lagi, kenaikan kos operasi tahunan tidak diimbangi dengan kenaikan tarif yang setara sekaligus meletakkan beberapa operator air dalam kedudukan kewangan yang sukar untuk memberikan perkhidmatan air yang berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN KAMARUDIN BIN
ABDUN**

TARIKH : 29 APRIL 2019

TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah status memperkasakan institusi Parlimen sebagai sebuah badan bebas dalam membuat keputusan.

JAWAPAN:

**YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Status memperkasakan institusi Parlimen sebagai badan bebas dalam membuat keputusan dalam proses awalan semakan semula peruntukan undang-undang sedia ada dan melihat kepada perbandingan model parlimen antarabangsa yang menjadi *best practices* (dengan izin) untuk dicontohi.

Bagi Dewan Negara khususnya, satu Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara (JKRDN) telah ditubuhkan yang terdiri daripada 14 orang Ahli Dewan Negara. Untuk mengukuhkan kebebasan Parlimen dan menambah baik peranan Dewan Negara, Jawatankuasa ini mengesyorkan pemerkasaan peranan Dewan Negara dan ahli-ahlinya, memantapkan tadbir urus, menambah baik struktur institusi Dewan Negara merangkumi komposisi, tempoh dan lain-lain aspek yang perlu serta penjenamaan semula institusi Dewan Negara melalui pelbagai program meliputi advokasi dan kesedaran masyarakat. Beberapa siri program telah berjaya dijalankan dan satu laporan lengkap telah disediakan bagi diserahkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

SOALAN : 93

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK MUSTAPA KAMAL BIN
YUSOFF**

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK MUSTAPA KAMAL BIN YUSOFF minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan unjuran pengambilan pelajar-pelajar lepasan SPM 2018 bagi menyertai Latihan TVET di Institusi Latihan Kementerian Sumber Manusia yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran melalui Peraturan-peraturan Pentaulahan Persijilan Kemahiran Malaysia yang sedang berkuat kuasa.

SOALAN : 93

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Tenaga Manusia (JTM) mempunyai 32 buah institusi latihan kemahiran yang dikenali sebagai Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang beroperasi di seluruh negara. ILJTM ini terdiri daripada 8 buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), 23 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP), dan sebuah Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI).
2. ILJTM menawarkan pelbagai kursus kemahiran yang meliputi bidang Teknologi Mekanikal dan Pengeluaran, Teknologi Elektrik dan Elektronik, Teknologi Sivil, Teknologi Komputer, Teknologi Percetakan, dan Teknologi Bukan Logam. Program-program yang ditawarkan kepada lepasan SPM ini bermula daripada peringkat Sijil hingga ke Diploma Lanjutan, dan ianya mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi membolehkan para pelajar ditauliahkan dengan Pensijilan Kemahiran Malaysia selepas berjaya manamatkan latihan.
3. ILJTM melakukan dua kali pengambilan pelajar dalam setahun iaitu pengambilan bagi kemasukan bulan Januari dan juga bulan Julai. Bagi pelajar-pelajar lepasan SPM 2018, mereka boleh membuat permohonan menyertai latihan TVET ke ILJTM bagi sesi

SOALAN : 93

kemasukan Julai 2019. Permohonan boleh dilakukan menerusi empat (4) kaedah iaitu menerusi platform atas talian Unit Pusat Universiti (UPU), platform atas talian Jabatan Tenaga Manusia, permohonan secara manual di ILJTM berdekatan, dan permohonan melalui kaedah Ujian Kecenderungan Kemahiran (UKK) bagi calon yang tidak memenuhi kelayakan minimum yang ditetapkan.

4. Bagi sesi kemasukan Julai 2019 ini, ILJTM mengunjurkan pengambilan seramai 4,172 (Empat Ribu Satu Ratus Tujuh Puluh Dua) orang lepasan SPM bagi mengikuti latihan kemahiran di ILJTM di seluruh negara. Daripada jumlah keseluruhan ini, 2,751 (Dua Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh Satu) orang adalah pengambilan bagi program Sijil, 799 orang untuk program Diploma, 562 orang untuk program Integrasi, 20 orang untuk program kerjasama, dan 40 orang pula untuk program professional.

SOALAN : 94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SR. HAJI HANAFI BIN HAJI MAMAT

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK SR. HAJI HANAFI BIN HAJI MAMAT minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian kepada kes-kes pelanggaran Laporan EIA yang telah berlaku sebelum ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar kepada kes-kes pelanggaran Laporan EIA yang telah berlaku sebelum ini pada 2018 adalah seperti berikut:
 - (i) Sebanyak 417 Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan 37 bagi mengambil tindakan mengawal pencemaran telah dikeluarkan;
 - (ii) Sebanyak 72 kompaun telah dikenakan bagi kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun seperti kesalahan berkaitan pengurusan Buangan Terjadual dan pembakaran terbuka di tapak projek EIA;
 - (iii) Sebanyak 11 Kertas Siasatan telah disediakan bagi tujuan Tindakan Mahkamah dibawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana melanggar syarat kelulusan EIA atau kesalahan menjalankan aktiviti EIA tanpa kelulusan EIA dari Jabatan Alam Sekitar; dan
 - (iv) Mengenakan sebanyak 5 Tindakan Perintah Berhenti Kerja atau Perintah Larangan di bawah Seksyen 34AA, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana melanggar syarat kelulusan EIA atau kesalahan menjalankan aktiviti EIA tanpa kelulusan dari JAS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SAMBANTHAN A/L MANICKAM

TARIKH : 29 APRIL 2019

DATUK SAMBANTHAN A/L MANICKAM minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang masalah pertikaian tanah antara sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan Semenyih dengan pemaju yang masih belum menemui jalan penyelesaiannya walaupun pihak Kementerian telah berjanji akan menyelesaikan masalah ini. Mengapakah isu tanah antara pihak sekolah dan pemaju ini masih belum diselesaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Masalah pertikaian tanah antara sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di kawasan Semenyih dengan pemaju yang dibangkitkan tersebut melibatkan tanah milik pemaju. Melalui beberapa sesi perbincangan yang diadakan dengan SJKT dan pemaju, pihak pemaju telah memaklumkan bahawa mereka bersetuju untuk melepaskan tanah yang menjadi pertikaian itu tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan, yang antara lain, termasuklah pembayaran nilai tanah tersebut dan ganti rugi yang lain.

Dalam hal ini Kerajaan sedang mempertimbangkan beberapa pilihan untuk membantu menyelesaikan pertikaian tersebut.

Sekian, terima kasih